**"DOKUMEN INI BELUM DISEMAK"**
**[Senarai Ahli Parlimen dilampirkan]**
**[Kandungan dilampirkan]**
********* *********

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 28 Februari 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak polis untuk mengawal dan mencegah kes-kes jenayah seperti pecah rumah, samun dan rompak yang sering berlaku sebelum Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina yang berulang tahun demi tahun. Adakah pihak polis bersedia menghantar Pasukan Polis Simpanan Persekutuan (F.R.U.) untuk tujuan meronda dan mengawal di kawasan-kawasan tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian kes jenayah seperti pecah rumah, samun dan rompak sering berlaku sebelum dan semasa perayaan terutamanya semasa Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina. Oleh itu, bagi memastikan bahawa kejadian-kejadian jenayah dapat dikawal, pihak polis telah meningkatkan rondaan, memperbanyakkan tugas intipan, membuat sekatan jalan raya, meningkatkan pemeriksaan ke atas kenderaan dan individu tertentu dan membuat pelbagai kempen dan hebahan mengenai pencegahan jenayah terutamanya melalui media massa tempatan.

Pihak polis sentiasa bersedia untuk menjalankan tugas-tugas mengawal keselamatan rakyat. Oleh itu, adalah tidak menjadi masalah kepada pihak polis untuk menghantar mana-mana pasukan terutamanya Pasukan Simpanan Persekutuan (F.R.U.) bagi tujuan membuat rondaan dan kawalan ke atas kawasan-kawasan di mana sering berlakunya kes-kes jenayah pecah rumah,

samun dan rompak. Untuk makluman, Pasukan Polis Simpanan telah membantu di dalam operasi-operasi mencegah jenayah sempena musim perayaan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina yang lalu terutamanya di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Perak dan Terengganu.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada pihak kementerian sedar bahawa sungutan daripada orang ramai terhadap kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak polis katakan kekurangan tenaga untuk ‘memberi’ rondaan di satu-satu kawasan perumahan, maka apakah tindakan akan diambil oleh pihak kementerian untuk menambah bilangan anggota supaya tidak akan lagi jadikan sungutan terhadap orang ramai terhadap pencurian sentiasa berlaku di kawasan-kawasan perumahan yang baru muncul? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini ada dua perkara yang boleh kita lihat. Rakyat berserta mengurangkan kejadian jenayah dan menambahkan tenaga polis. Kita tambah tenaga polis pun kalau jenayah bertambah maka terdapat kekurangan tenaga polis. Tetapi kalau kekurangan jenayah ini berlaku tenaga polis kurang pun, keadaannya boleh mencukupi. Kita sedar dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja menjawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak polis telah menambahkan pengambilan anggota polis di seluruh Malaysia melalui satu temu duga terbuka dan ramai rakyat kita yang telah menawarkan khidmat untuk menyertai pasukan polis ini bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kategori penjenayah yang biasa mengikut catatan daripada pihak polis yang melakukan jenayah pada hari-hari perayaan atau ia boleh disifatkan sebagai golongan penjenayah yang sama yang melakukan jenayah itu di luar musim perayaan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada perbezaan jenayah hari perayaan ataupun sebelum hari perayaan. Cuma yang berbezanya daripada orang kata, dengan izin, daring dia lebih banyak diadakan

dalam jangka masa yang singkat. Oleh itu, hari-hari perayaan di mana umpamanya pecah rumah waktu siang dan waktu malam, kerana pada hari-hari perayaan ini, Datuk Yang di-Pertua, ramai rakyat kita telah balik ke kampung menziarahi keluarga, meninggalkan rumah memberi peluang kepada sebahagian daripada rakyat yang melibatkan di dalam kerja-kerja begini, kesempatan mereka untuk melakukannya.

2. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan tentang usaha memasarkan pakej cuti tempatan di luar negara.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kepada industri pelancongan adalah bergantung kepada maklumat mengenai produk-produk pelancongan bagi sebuah negara. 'Kementerian Pelancongan' memasarkan pakej cuti tempatan di luar negara melalui beberapa usaha iaitu:

(i) Menghadiri pameran-pameran pelancongan antarabangsa di pasaran-pasaran utama dengan tujuan memperkenalkan produk-produk pelancongan terbaru serta pakej-pakej pelancongan termasuk pakej cuti tempatan melalui sesi perbincangan jual-beli di antara pihak berkuasa pelancongan, pengusaha hotel, agen pelancongan dan lain-lain agensi yang terlibat dengan pelancongan.

(ii) Kementerian pun menganjurkan misi galakan pelancongan ke negara-negara pasaran utama dan berpotensi dengan disertai oleh agensi-agensi negeri, pengusaha hotel dan agen pelancongan untuk memberi peluang pihak-pihak swasta ini menjual pakej-pakej kepada pengusaha dan agen pelancongan di pasaran luar negeri. Misi seperti ini diketuai Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri atau pegawai-pegawai kanan kementerian. Di samping sesi jual-beli di antara

penjual dari Malaysia dan pembeli dari pasaran yang dilawati, seminar juga dianjurkan untuk memberi lebih 'berkenaan' kepada pengenalan pakej-pakej cuti tempatan yang mempunyai daya saing.

(iii) Kementerian juga memberi bantuan sokongan dalam bentuk penganjuran bersama acara-acara promosi pakej dengan pengusaha pelancongan yang terlibat dalam 'pengusahakan' pakej-pakej cuti tempatan. Ini termasuk promosi melalui media cetak dan elektronik;

(iv) Juga pun kementerian menganjurkan seminar, dialog dan taklimat yang khusus oleh pejabat-pejabat Tourism Malaysia kepada para pengusaha pelancongan di luar negara bagi memberi pendedahan mengenai kewujudan pakej-pakej cuti tempatan untuk ditawarkan kepada pelancong-pelancong di pasaran tersebut.

(v) Kementerian mendedahkan agen pelancongan, para wartawan, crew perfilemen, TV dan tokoh korporat di luar negara terhadap produk-produk pelancongan Malaysia dan aktiviti-aktiviti yang berlangsung dengan menjemput mereka melawat Malaysia seperti mana yang sedang dianjurkan oleh pihak kementerian melalui projek 'Mega Fam Trip 2000". Usaha ini diharapkan akan dapat meyakinkan lebih ramai pelancongan memberi pakej-pakej di samping publisiti yang lebih meluas melalui pendedahan dan tulisan dalam media elektronik dan cetak.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada 'soalan' yang menggariskan strategi pendekatan untuk memasarkan pakej ataupun menjual pakej tempatan. Syabas kepada usaha kementerian. Tetapi saya hendak bertanya sedikit, selain daripada strategi pemasaran bagaimana dengan produknya sendiri, memastikan kualiti produk. Di Terengganu pun hendak bagi tahu adakah kerajaan baru

Terengganu ada produk baru hendak jual di Terengganukah mungkin kementerian hendak bertanya.

Saya bimbang kadang-kadang keluhan dalam masyarakat tempatan mereka bukan tidak mahu bercuti tempatan, kadang-kadang keluar hujung minggu. Tetapi kualiti produk kita, kawasan berkelah kadang-kadang kotor, air sungai pun ada pencemarannya. Bagaimana usaha kementerian selain daripada kita memasarkan strategi pemasaran seperti yang digariskan oleh Dato' Timbalan Menteri tadi tetapi memastikan memelihara kualiti produk kita itu sendiri supaya orang kita akan boleh pergi dan menyahut apa yang disarankan oleh 'Dato' kementerian tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Datuk Yang di-Pertua, memang sebarang produk mesti boleh menarik hati pelancongan. Jadi, di sini kementerian, usaha kita ialah yang pertama kita bagi nasihat kepada sesuatu negeri diatasi produk-produk mereka. Yang kedua, diatasi kotoran, kebersihan dan lain-lain yang boleh menarik hati, itu kita mesti pulang balik kepada sesebuah negeri. Sebab itulah memang di bawah tanggungjawab mereka.

**Tuan Lim Hock Seng:** Datuk Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tempoh hari Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membuat satu dakwaan yang serius terhadap tourist guide tempatan bahawa mereka membawa pelancong-pelancong pergi ke kedai-kedai supaya boleh dapat komisyen. Saya ingin tahu berapa seriuskah atau tahap keseriusan perkara ini berlaku di negara kita dan sama ada dakwaan Timbalan Menteri yang diumumkan itu akan menjejaskan industri pelancongan di negara kita. Dan satu lagi, Datuk Yang di-Pertua, seramai berapa ribu pelancong-pelancong dari negara China apabila mereka hendak masuk ke Tanjung Puteri di Johor, mereka ditahan di sana, bukan tahan tetapi mereka dilambatkan di entry point itu buat tiga-empat jam. Apa tindakan Yang Berhormat akan ambil supaya pelancong-pelancong ini diberikan kemudahan supaya tidak tunggu-tunggu di sana beberapa jam.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Datuk Yang di-Pertua, saya tidak tahulah perkataan 'keseriusahan' ada di dictionary kita, tidak apa. Ada tiga soalan. Yang pertama, berkaitan dengan tourist guide. Memang saya ada kata jikalau kita mahu negara kita berjaya sebuah negara yang boleh disaing dengan

negara lain, kita mesti bagi semua kemudahan kepada pelancongan. Jadi, yang pertama kita mesti memberikan mereka a fair and square, dengan izin, deal. Jadi, memang kita dapat ada rayuan dari pelancongan diatasi mereka rasa barang-barang yang mereka beli ada malah lagi lebih harga di pasar. Memang itu satu nasihat yang saya bagi kepada tourist guide. Jikalau tidak, itulah yang memang sebaik-baik sekali.

Yang kedua, diatasi pelawat datang dari China, memang pada masa dekat Hari Raya kita ada 'ramai-ramai' pelawat datang dari China 50,000 di dalam 10 hari. Itu memang satu rush, dengan izin, Johor Bahru punya Causeway. Jadi, Timbalan Menteri Dato' Chor dengan saya kita ada dah mesyuarat dengan kementerian kita, dengan pegawai-pegawai kita, daripada masa sekarang tidak ada masalah lagi. Dengan kita pun dapat satu surat yang 'berucapkan' terima kasih kepada kita dari pengusaha-pengusaha pelancongan dari China.

3. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan anggaran keciciran pelajar di semua peringkat dari sekolah rendah sehingga institusi pendidikan tinggi serta langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan keciciran itu bagi tempoh 1997-1999.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar yang dianggap tercicir adalah pelajar-pelajar yang berhenti sekolah dan juga pelajar-pelajar yang berhenti sekolah tetapi menyambungkan persekolahan mereka di sekolah-sekolah yang bukan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Di sini juga harus kita buat perbezaan tentang konsep keciciran itu sendiri. Untuk tempoh 1997 sehingga 1999 jumlah keseluruhan pelajar yang tercicir di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah seramai 75,526 orang. Anggaran keciciran di institusi pengajian tinggi awam pula untuk tempoh di antara 1997 dan 1998 adalah seramai 620 orang.

Di antara pendekatan yang diambil oleh kementerian bagi mengawal keciciran ialah dengan menyediakan asrama desa untuk pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan, memberi bantuan makanan dan buku teks serta

memberi biasiswa kecil untuk pelajar-pelajar miskin yang cemerlang dalam pelajaran.

Sebagai tambahan di sini, saya juga baru-baru ini sempat melawat sebuah sekolah yang mempunyai asrama desa iaitu di Limau Kasturi dan saya dapati bahawa keadaan ini memanglah baik sekali untuk diwujudkan asrama desa. Dan kita juga telah memberi peruntukan yang begitu banyak mengenai dengan asrama desa. Walaupun Kelantan di bawah kerajaan PAS kita masih beri kemudahan-kemudahan tersebut.

Di samping itu, beberapa langkah proaktif yang diambil untuk memperbaiki atau mengurangkan keciciran adalah seperti menganjurkan kelas bimbingan bagi pelajar yang rendah pencapaian akademik, memberi kaunseling kepada pelajar yang mempunyai masalah tertentu seperti bermotivasi rendah dan mewujudkan sistem manto-mantee di kalangan pelajar sekolah. Pihak kementerian sentiasa turut memantau keadaan ini dari masa ke semasa. Usaha-usaha guru di dalam asrama desa perlu diberi pujian di sini. Terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya di sini mempunyai satu soalan tambahan, di negeri Perak wujud satu slogan ‘Perak Nombor Satu’. Keadaan ini membawa kepada persaingan di antara sekolah-sekolah untuk menjadi sekolah di mana pencapaian keputusan peperiksaan tertinggi. Ini telah membawa keadaan di mana sekolah-sekolah yang di mana pencapaian keputusannya yang baik hanya memberi penekanan kepada pelajar di mana akademiknya yang baik sahaja. Pelajar-pelajar di kelas yang kurang baik atau lemah kurang penekanan ke atas mereka.

Ini juga membawa kepada keadaan di mana guru-guru tidak berminat atau kurang berminat untuk mengajar pelajar yang kurang baik dan alasan ini telah diberi bahawa tidak ……..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa soalan yang ……..

**Puan Fong Po Kuan:** …..soalannya saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu keadaan, lepas itu ingin menanya apakah perkembangan ……..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tujukan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Puan Fong Po Kuan:** ……apakah Yang Berhormat, bagaimanakah Kementerian Pendidikan akan mengatasi masalah ini agar tiada *double standard* di dalam pengajaran kepada pelajar yang lebih cemerlang dan pelajar yang kurang cemerlang. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagi saya, saya tetap mempertahankan kedudukan guru sama ada kita punyai *double standard* ataupun tidak, tidak timbul sama sekali. Guru bagi saya, saya tetap memberi penghargaan kepada guru-guru yang begitu telah banyak berkorban untuk mem baiki tahap akademik setiap murid.

Jadi, soal sama ada dia double standard atau tidak, bagi kami di kementerian masih tidak wujud. Jadi, saya kira sama ada guru-guru itu mendapat penuntut-penuntut yang bidang akademiknya agak terkebelakang jika dibandingkan dengan sesetengah penuntut. Bagi saya tidak ada diskriminasi di dalam soal ini dan begitu juga dengan soal guru berminat atau tidak juga tidak timbul. Memang saya akui kemungkinan ada terdapat seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tetapi tidaklah begitu berleluasa bagi sayalah dan kita di kementerian senantiasa memantau keadaan ini supaya keciciran tidak terus berlaku.

Dalam hal ini juga ingin saya tarik perhatian kepada Yang Berhormat yang bertanya tadi bahawa penuntut-penuntut yang tercicir tadi ada di kalangan mereka yang keluar daripada sekolah kerajaan dan memasuki sekolah bukan kerajaan. Itu yang kadangkala angka-angka itu dijumlah sebagai angka tercicir dalam quote in quote, dengan izin.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. 'Selain' daripada asrama-asrama adakah Kementerian Pendidikan akan membina lebih banyak institut vokasional dan sebagainya supaya pelajar-pelajar tercicir ini akan ditarik balik ke main stream, dengan izin.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekolah vokasional telah pun kita adakan bagi mendapat penuntut-penuntut yang tidak begitu cenderung dalam akademik dan kita juruskan ke bidang vokasional. Untuk mendapat angka

yang terperinci saya tidak dapat beri sekarang. Saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat kemudian.

Walau bagaimanapun, sudah ada cadangan daripada pihak kementerian kita untuk memperluaskan lagi bidang vokasional ini.

4. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah kementerian bercadang mengadakan undang-undang untuk melindungi hak-hak penumpang bas ekspres dari segi ketetapan harga tiket, tetap kepada masa perjalanan dan lain-lain spesifikasi perkhidmatan dan kemudahan serta perlindungan insurans kemalangan

**Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan atau undang-undang berhubung perlindungan ke atas hak-hak penumpang bas ekspres dari segi harga tiket telah sedia ada. Kaedah-kaedah Kenderaan Motor Pengangkutan Perdagangan (Pindaan) Tahun 1994 menetapkan kadar tambang bas ekspres seperti berikut:

(i) bas ekspres tanpa hawa dingin 3.8 sen sekilometer; dan

(ii) bas ekspres berhawa dingin 4.4 sen sekilometer.

Dalam pada itu ke arah memperkemaskan lagi peraturan yang sedia ada Kementerian Pembangunan Usahawan sedang menggubal kaedah mengenai penjualan tiket bas ekspres termasuk kaunter-kaunter jualan tiket. Perkara-perkara yang termasuk dalam kaedah berkenaan ialah:

(i) penjualan tiket bas ekspres hanya boleh dijual oleh pemegang lesen atau ejennya sahaja;

(ii) penjualan tiket hanya boleh dibuat di tempat yang dibenarkan oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP);

(iii) sesuatu bas ekspres hanya boleh mengambil dan membawa penumpang yang memegang tiket bas ekspres itu sahaja; dan

(iv) kesalahan dan penalti bersabit dengan kesalahan tidak mematuhi perkara-perkara di atas.

Selain daripada menyediakan kaedah di atas, Kementerian Pembangunan Usahawan juga akan memasukkan di dalam syarat lesen

perkara-perkara yang perlu dinyatakan di dalam tiket bas di antaranya seperti nama syarikat bas, tarikh dan masa perjalanan, destinasi perjalanan, tambang, tempat dan tarikh tiket dikeluarkan dan nombor telefon LPKP, polis dan JPJ bagi memudahkan penumpang membuat sebarang pertanyaan, pujian ataupun aduan berkaitan perkhidmatan bas ekspres berkenaan.

Berkenaan masa perjalanan pula, semasa LPKP mengeluarkan sesuatu lesen bas ekspres jadual laluan dan jadual perjalanan turut dikeluarkan yang kesemuanya perlu dipamerkan di dalam setiap bas. Jadual laluan menjelaskan laluan-laluan yang dilalui oleh sesebuah bas ekspres, pergi dan balik berserta tambang, mana kala jadual perjalanan menjelaskan masa perjalanan bas berkenaan pergi dan balik.

Mengenai perkara-perkara yang menyentuh spesifikasi perkhidmatan dan kemudahan serta perlindungan insurans kemalangan, Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah Seksyen 91(1), 91(1)(b) dan 91(3) menetapkan setiap pengendali dan penumpang bas ekspres adalah dikehendaki dilindungi oleh polisi insurans yang sah dan setiap polisi insurans viability untuk menanggung sebarang kerugian orang yang dinyatakan di dalam polisi insurans tersebut.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri memang menunjukkan mempunyai undang-undang yang cukup tetapi apa yang berlaku sebenarnya telah banyak aduan menunjukkan kekurangan penguatkuasaan dan seumpamanya, baru-baru ini berlaku satu kes yang ada seorang sudah amuk dan dia mencederakan beberapa penumpang dan dikatakan mereka tidak dilindungi oleh insurans dan banyak bas company yang apabila ditanya mereka kata, mereka pun tidak tahu adakah syarat ini. Mereka mesti mengadakan perlindungan insurans untuk passanger, maka yang soalan di sini ialah bagaimana kementerian boleh memastikan bahawa apa undang-undang yang ditetapkan akan diamal, umpamanya masa perjalanan. Dia boleh dikatakan, dia akan bertolak pada pukul 10.00 malam tetapi sampai pukul 11.00 bas pun masih belum mari dan para memang tidak ada, …………….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** …..tidak ada, apa itu direst, mereka tidak boleh ambil apa-apa tindakan untuk mengatakan 'mempulangkan' wang tiket, maka apakah, apa yang akan dilakukan oleh kementerian?

**Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya tidak fikir bas membayar insurans melindungi penumpang daripada satu perbuatan yang tidak ada kaitan dengan khidmatnya. Kalau orang mengamuk di Melaka, saya kira itu bukan sebahagian daripada khidmat yang disediakan oleh bas.

Jadi, sebab itu kalau tanya kepada saya kalau di Melaka orang mengamuk dan menyebabkan kecederaan kepada penumpang-penumpang, saya tidak fikir itu satu perlindungan yang diberikan oleh insurans sebab itu merupakan satu perkara yang tidak menjadi, satu perkara yang secara langsung berlaku disabitkan oleh kerana perkhidmatan yang tidak baik, sebab orang mengamuk ini bukan sahaja dalam bas tetapi di mana-mana pun, di dalam Dewan yang mulia ini pun boleh mengamuk juga. *[Ketawa]* Macam mana kita hendak lindung.

Keduanya, berkenaan dengan aduan, memang saya bersetuju iaitu bahawa kita ada masalah penguatkuasaan. Dalam apa-apa hal pun kalau kita buat peraturan, penguatkuasaan itu tidak kuat, maka sudah tentu ianya akan menjadi satu masalah dan ini akan memberanikan pihak operator untuk melakukan kalau sekiranya tidak ada penguatkuasaan.

Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat iaitu bahawa kita mesti perketat dan perkuatkan penguatkuasaan ini, namun segala aduan yang telah dibuat kepada kita, kita telah mengambil tindakan. Sebagai contoh, katalah macam dia berjanji untuk datang menyediakan bas pukul 10.00 tetapi dia datang pukul 12.00, mesti ada aduan kepada kita supaya kita boleh ambil tindakan terhadap syarikat berkenaan dan selain daripada dia mesti membayar balik wang yang telah dibayar oleh penumpang-penumpang, kita juga akan denda dia kerana tidak bertolak pada waktu yang ditentukan. Apa yang kita mahu ialah supaya aduan-aduan ini dibuat dan insya-Allah, saya akan pastikan supaya tindakan akan diambil terhadap mereka.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hendak bertanya soalan kepada sahabat karib saya Yang Berhormat Menteri mengenai kehebohan suatu ketika dahulu yang diutarakan oleh rakan-rakan dari media mengenai istilah 'ulat-ulat' iaitu mereka yang menjual tiket-tiket tidak menggunakan kaunter tetapi menggunakan black market, dengan izin. Adakah tindakan dan pindaan perundangan Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi telah cukup berkesan untuk mengelakkan ulat-ulat ini terus melaksanakan operasinya di perhentian-perhentian bas dan adakah langkah-langkah lanjut akan dibuat bagi mengatasi masalah ini jika ulat-ulat masih terus beroperasi dengan 'keulatannya'. *[Ketawa]*

**Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datoh sebentar tadi, kita mengeluarkan peraturan di mana tiket perkhidmatan bas ekspres hanya boleh dijual oleh pemegang lesen atau ejennya – ya ejennya juga mesti dibuatkan permohonan kepada LPKP dan kita meluluskan ejennya. Bermakna itu bahawa ini satu cara untuk kita memberitahu kepada orang ramai supaya jangan beli daripada ulat-ulat kerana yang disahkan untuk menjual ialah cuma pemegang lesen atau ejennya dan pemegang lesen atau ejennya hendaklah menjual tiket perkhidmatan bas ekspres di tempat yang dibenarkan oleh Lembaga, tidak boleh buka di bawah pokokkah, di manakah, ini tempat mesti diluluskan oleh LPKP dan semuanya ini hendaklah seseorang yang bercadang hendak menjadi ejen bagi pemegang lesen yang saya sebut sebentar tadi untuk tujuan menjual tiket hendaklah diperakukan oleh pemegang lesen dan memperolehi kebenaran Lembaga dan bas ekspres tidak dibenarkan mengambil dan membawa penumpang yang memegang tiket bas ekspres lain, ya.

Jadi, siapa juga yang gagal mematuhi kaedah-kaedah yang telah saya sebut sebentar tadi dan kalau mereka didapati bersalah, mereka akan didenda RM1,000 atau dipenjarakan selama enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Jadi, kalau Yang Berhormat fikir enam bulan atau RM1,000 terlalu sedikit mungkin dalam perbahasan boleh cadang supaya kita kena lima tahun atau RM5,000. Saya dalam kementerian akan mengambil feedback daripada

orang awam menerusi Parlimen, kalau ada betul untuk memastikan supaya ini tidak berlaku, kita hendak naikkan jumlah denda dan juga jumlah bulan penjara, pihak Kementerian Pembangunan Usahawan sedia menerima apa juga cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

5. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Pertanian menyatakan kerugian yang ditanggung para petani dan langkah kementerian untuk menjaga kebajikan mereka ekoran tanah runtuh kawasan tanaman pertanian di Cameron Highlands.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, tanah runtuh yang berlaku di Cameron Highlands pada bulan Januari 2000, telah mengakibatkan kerosakan kebun berjumlah 175 ekar dan melibatkan 435 orang petani.

Tanaman yang musnah ialah sayur-sayuran seperti kubis bulat, kubis panjang, kacang buncis, salad bulat, lobak putih, tomato, sawit jepun dan daun sadri. Tanaman bunga yang musnah terdiri daripada orkids, tanturium, kekwa, carnation, dan lain-lain. Anggaran kerugian yang ditanggung oleh petani adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| * | tanah kebun runtuh | - | RM5,787,000; |
| * | kerosakan rumah plastik | - | RM2,716; |
| * | kerosakan sistem pengairan | - | RM1.5 juta; |
| * | kerosakan jalan dan saliran | - | RM601,000; |
| * | nilai sayur tidak dapat dipasarkan | - | RM5.1 juta; |
| * | nilai bunga tidak dapat dipasarkan | - | RM2.5 juta; |
| * | kerosakan yang lain | - | RM500,000; dan |
| * | **Jumlah kerosakan** | - | **RM18.7 juta.** |

Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian sedang membantu petani-petani dari segi membangunkan kebun-kebun yang musnah, membantu petani mewujudkan infrastruktur kebun seperti pengairan dan saliran. Membantu petani mewujudkan struktur pemuliharaan tanah dan membantu petani mengusahakan semula tanaman.

Jabatan Pertanian juga akan meningkatkan khidmat nasihat di kalangan petani-petani mengenai amalan pemuliharaan tanah di kebun mereka termasuk

mewujudkan lebih banyak petak demonstrasi teknologi pemuliharaan tanah bagi menunjukkan teknologi yang patut diamalkan oleh petani untuk mengelakkan hakisan tanah berlaku.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, tahniahlah kepada kementerian kerana melihat masalah petani. Jadi, saya bukan petani tetapi di kawasan saya banyak petani.

Pada 23 Disember hingga 26 Disember adalah dikatakan 'king tied' berlaku di Sarawak yang tidak pernah berlaku selama 100 tahun. Dalam masa itu banyak petani-petani dan kebun-kebun yang rosak. Jadi, saya ingat apa yang Timbalan Menteri sebut tadi menjadi satu dasar kerajaan untuk menolong petani dan luar bandar terutamanya.

Jadi, apakah sudah menerima laporan dari Sarawak dan apakah tindakan yang akan dibuat oleh kementerian?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum lagi terima laporan dari Sarawak tentang kerosakan itu. Saya harap melalui Yang Berhormat bagi Batang Lupar dapat menghantar laporan yang berkenaan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bercakap tetapi pembesar suara tidak dihidupkan]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri pada suatu ketika dan banyak ketika yang lain kerajaan telah menggalakkan petani supaya 'merubah' jenis pertanian daripada satu pertanian kepada satu pertanian. Umpamanya, di Terengganu daripada satu pertanian kepada satu jenis pertanian 'roselle' sejenis untuk dijadikan kordial minuman.

Jadi, dengan petani mengikuti segala ketetapan, prosedur yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan pertanian dan sebagainya, tiba-tiba habis satu kawasan itu beribu-ribu ekar ditanam dengan roselle, tiba-tiba sampai kepada peringkat pasaran tidak ada pembelinya. Sedang suatu ketika kerajaan menjamin dari segi pembelian sehingga menyebabkan petani kerugian besar dan menyebabkan keadaan petani terlalu amat susah. Apakah langkah-langkah kerajaan supaya sekiranya berlaku perkara seperti ini lagi kerajaan

memberi jaminan, tiba-tiba tidak berlaku apakah rancangan kerajaan untuk membantu petani supaya 'sudahlah jatuh ditimpa tangga' tidak berlaku lagi.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak soalan ini sudah agak terkeluar, kita membincangkan masalah ……..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, tidak payah jawablah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** …ya, tanaman di tanah bercerun tinggi.

6. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian berkenaan bercadang untuk melantik guru-guru lepasan ijazah sebagai guru besar di sekolah-sekolah rendah sebagai langkah untuk memartabatkan lagi prestasi pelajaran rendah, memandangkan pada masa ini guru-guru lepasan universiti kebanyakan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah sahaja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk melantik guru-guru siswazah sebagai guru besar di sekolah rendah buat sementara waktu ini. Gred jawatan guru besar di sekolah rendah ialah DG5 dan DG4 yang merupakan jawatan kenaikan pangkat bagi guru bukan siswazah. Jika guru siswazah dilantik sebagai guru besar, ianya menyempitkan peluang kenaikan pangkat bagi guru bukan siswazah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada jawapan daripada Yang Berhormat mengenai guru siswazah dan apakah dasar kerajaan sekarang untuk menjadikan semua guru sebagai guru siswazah di negara ini, sebab bagi saya sama ada ia guru siswazah ataupun guru dengan Ph.D, saya tidak kiralah asalkan kepakarannya untuk tadika, untuk sekolah rendah ataupun untuk sekolah menengah ataupun untuk universiti, asalkan kepakaran itulah yang dimaksudkannya dan pada satu ketika, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerajaan sudah pun membuat keputusan supaya dalam beberapa tahun semua sekolah akan mengambil guru

siswazah dan saya berharap jawapan itu tepatlah, jangan kita merayau-rayau dan meraba-raba ini *[Ketawa]*.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Kepong selalu suka mencuit kita orang. Saya belum jawab soalan lagi sudah dikatakan saya merewang-rewang dan meraba-raba. Saya tidak pernah meraba-raba dan merewang-rewang dalam jawapan saya. Jadi, Yang Berhormat, bagi soalan itu mungkin soalan itu agak pada pandangan saya adalah begitu umum sekali. Bagi kita, memang kita menggalak guru-guru yang tidak berijazah supaya mereka dapat lanjutkan ke peringkat ijazah.

Jadi, dengan yang demikian, apabila mereka kembali kepada perkhidmatan, gaji mereka juga akan meningkat dan dalam masa yang sama, memang banyak usaha telah diadakan dan diwujudkan oleh pihak kementerian bagi menggalakkan guru-guru lebih meningkatkan ijazah mereka, bukan sahaja di peringkat pertama malah ke peringkat yang lebih tinggi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan saya belum dijawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiada jawapan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan apa lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiada jawapan langsung, dasar sekarang ini …

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bukankah saya sudah jawab, saya kata kita menggalakkan …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan itu sudah dijawab.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi, kita dengar bahawa prestasi pelajar-pelajar sekolah rendah amat tinggi setelah disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak mengaitkan dengan soalan tambahan ini, berhubung dengan masalah-masalah untuk memartabatkan lagi pendidikan di sekolah rendah, berhubung dengan langkah-langkah dan usaha-usaha ke arah memperkuatkan lagi nilai-nilai

murni di kalangan pelajar-pelajar oleh kementerian kerana baru-baru ini di kawasan Parlimen saya terutamanya, pelajar-pelajar ada di kalangan pelajar sekolah rendah yang mereka telah dipengaruhi oleh unsur-unsur yang tidak baik, ada di antaranya telah terpengaruh ataupun dilatih untuk sebagai contoh, melukis bendera sebuah parti politik pembangkang. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan tambahan Yang Berhormat tadi, saya ucap ribuan terima kasih kerana ia telah membawa kepada perhatian kita Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa sepatutnya kita jadikan sekolah dan juga pusat pengajian tinggi bebas dari politik partisan. *[Tepuk]* Soalnya bukan kita tidak boleh berpolitik, kita boleh berpolitik, tetapi di luar pagar sekolah, ini ada parti-parti politik yang suka membawa masuk politik partisan mereka di dalam pagar sekolah dan juga di dalam pagar universiti.

Oleh itu, saya menerimalah …..

**Seorang Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Itu ada komen pula dari luar, tak berani hendak bangun, dia komen pula saya. Memang perkara itu betul berlaku.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bangun atas apa?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh saya habiskan jawapan saya dahulu, baru boleh beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau ada soalan tambahan, nanti!

7. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat dan cara orang asing boleh mendapat visa on arrival. Adakah orang-orang asing yang menganggap mereka boleh mendapat visa tersebut apabila mendarat tetapi diminta balik ke negeri asal sejak ianya dilancarkan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat dan cara-cara orang asing boleh mendapat visa on arrival ini ada dua, tiga syaratnya:

(i) kalau pelancong itu transit dalam tempoh 72 jam;

(ii) negara-negara yang telah dibenarkan dalam persetujuan perundingan lawatan, ada 13 negara yang kita benarkan, di antaranya seperti India, Pakistan, Bangladesh, Myanmar, Kampuchea dn beberapa negera lain;

(iii) persetujuan yang telah dibuat oleh antara kerajaan dengan kerajaan dan persefahaman antara pelancong melalui Imigresen kita.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perkara (iii) yang saya sebutkan tadi, visa on arrival ialah kemudahan Imigresen yang telah diberi khusus kepada pelancong-pelancong warganegara Republik Rakyat China di pintu masuk tertentu tanpa mereka perlu mendapat visa Malaysia di pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri terlebih dahulu dengan syarat pelancong-pelancong berkenaan mempunyai visa untuk ke negara ketiga terutamanya negara-negara jiran seperti Thailand dan Singapura. Tanpa syarat ini mereka tidak boleh masuk, tak boleh dapat visa on arrival.

Antara syarat-syarat yang ditetapkan bagi mendapat kemudahan visa on arrival ialah penganjur mengemukakan permohonan dengan menyertakan butir-butir pelancong berkenaan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kemasukan pelancong tersebut. Memasuki melalui pintu masuk tertentu sahaja iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi dan laluan-laluan darat, Tambak Johor, Tanjong Puteri, Laluan Kedua Johor, Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Pengkalan Hulu dari Golok dan Rantau Panjang. Masuk secara berkumpulan iaitu sekurang-kurangnya dua orang dan dijemput di pintu masuk oleh pihak penganjur iaitu agensi pelancongan yang berdaftar di Kementerian Dalam Negeri. Bayaran visa dijelaskan dipintu masuk dan pelancong berkenaan tidak tergolong sebagai imigran larangan ataupun yang diblacklistkan.

Pihak Imigresen di pintu-pintu masuk berkenaan pernah menolak permohonan untuk mendapat kemudahan visa on arrival disebabkan pemohon tersebut tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan visa on arrival itu adalah satu langkah supaya menggalakkan pelancong-pelancong dari luar negara datang ke negara kita. Tetapi kini dihadkan kepada mereka yang bukan berseorangan iaitu single passengers tidak boleh dapat visa on arrival sekurang-kurangnya ada dua orang dan mereka mesti ada destinasi yang ketiga iaitu mereka perlu pergi ke sebuah negara yang lain. Bukankah ini telah menjejaskan langkah-langkah kerajaan yang akan menggalakkan orang-orang asing datang ke negara kita dengan tiba-tiba sahaja, seperti jikalau kawan-kawan di negara asing mereka sudah dapat satu pesanan satu telegramkah, satu telefon suruh mereka datang ke sini, mereka akan sampai tetapi kerana visa mereka tidak dapat sampai dalam masa 24 jam.

Jadi, apakah tujuan visa on arrival jikalau ada sekatan-sekatan yang begitu banyak sekali?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ini mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen. Kalau mengatakan sistem kita ini mengurangkan pelancong datang ke negara ini, sistem yang saya sebutkan tadi daripada asas jawapan ada 50,000 dalam tempoh satu minggu pelancong daripada China datang masuk ke sini. Dan dalam keadaan terdesak seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kalau boleh telefon, jangan lupalah telefon suruh dia ambil visa dahulu sebelum datang. Dan kalau dia di dalam perjalanan di atas kapal terbang, adalah keadaan yang sudah terlalu dekat, dan mereka boleh singgah dalam tempoh 72 jam. Jadi, tidak ada sebab dia tidak boleh masuk, kita benar dia masuk, semua kemudahan kita sediakan, tetapi walaupun kita perlu ramai pelancong datang ke negara kita, kita juga perlu pelancong menghormati peraturan yang kita buat dalam negara ini.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. pihak kementerian adakah sedar bahawa visa on arrival atau visa-visa yang dikeluarkan oleh mereka ini telah disalahgunakan oleh segelintir orang untuk

menggunakan visa ini untuk menjalankan kegiatan-kegiatan tidak sihat di negara kita ini dan apakah langkah untuk mencegahnya.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Dalam Negeri seperti yang saya sebutkan tadi, bukan sahaja mereka tidak dibenarkan masuk ataupun dibenarkan masuk, kita lebih dahulu mengesan orang-orang yang berkenaan seperti saya katakan tadi, kalau mereka telah diblacklistkan, ataupun dari sumber-sumber yang tertentu kedatangan mereka adalah membahayakan rakyat dan negara kita, memang ada hak kita untuk menyekat mereka ini daripada masuk ke negara kita.

Tetapi kalau latar belakang mereka ini kita tidak dapat mengetahui daripada segi gerakan yang membahayakan dan mereka ada dalam negara kita ini, sekiranya kita dapati mereka melakukan perkara yang berkenaan, kita akan hantar mereka keluar dengan seberapa segera. *[Tepuk]*

***[Soalan No. 8** – Datuk Seri Panglima Mohd Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud] tidak hadir]*

**9. Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

(a) berikutan kenyataan Perdana Menteri untuk mendapat persetujuan dari rakyat sebelum menentukan pembinaan lebuhraya dan tol baru secara penswastaan, mengapa Menteri Kerja Raya telah baru-baru ini mengumumkan akan menambah pembinaan beberapa tol baru di kawasan Lembah Klang; dan

(b) berikutan 40,000 buah keluarga dan 12 buah pertubuhan dari kawasan Bukit Lanjan, Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) dan kawasan sekelilingnya telah menghantar surat bantahan mengandungi 22,775 tandatangan membantah bayaran tol di stesen tol Sprint Highway, adakah kerajaan bersetuju menghapuskan bayaran tol tersebut.

**Mente ri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan mendapat persetujuan rakyat bagi jalan-jalan tol yang belum dipersetujui oleh kerajaan. Pengumuman yang dibuat oleh saya adalah berhubung de ngan pembinaan lebuh raya tol perjanjian konsesi telah ditandatangani di Lembah Klang atau di dalam peringkat rundingan lebuh-lebuh raya tersebut ialah Lebuhraya baru Pantai, Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang, Lebuhraya Shah Alam-Kuang, Lebuhraya Koridor Pandan, Lebuhraya Kuala Lumpur Rawang dan Lebuhraya Tingkat Kuala Lumpur. Selain daripada Lebuhraya baru Pantai dan Lebuhraya Penyuraian Lingkaran Trafik Kajang, lebuh-lebuh raya yang dinyatakan tadi masih dalam peringkat pertimbangan kerajaan dan keputusan muktamad pelaksanaan masih belum dibuat.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan kutipan tol di Lebuhraya Sprint apabila kerja-kerja naiktaraf jalan tersebut siap. Sekiranya ini dilakukan kerajaan terpaksa membayar pampasan yang banyak. Projek ini dilaksanakan dalam tiga pakej. Kos pelaksanaan projek mengikut pakej adalah seperti berikut:-

(i) Jalan Duta/Kerinchi Link – RM457 juta dan tarikh siap 2001.

(ii) Pakej B – Jalan Damansara Kerinchi Link – RM267 juta dan siap pada penghujung tahun 2001.

(iii) Pakej C atau Penchala Link belum dimulakan.

Kerajaan memutuskan kutipan tol dikenakan adalah bertujuan membolehkan syarikat konsesi yang menjalankan kerja-kerja berkenaan mendapat semula modal yang telah dibelanjakan bagi membiayai kos kerja-kerja pembinaan yang telah dilakukan.

Projek-projek ini perlu dilaksanakan atas sebab-sebab berikut:-

(i) Jalan Damansara ini perlu dinaiktaraf memandangkan jalan tersebut telah mencapai tahap kapasitinya yang mengalami kesesakan pada waktu puncak kerana tidak berkeupayaan untuk menampung bilangan trafik yang sedia ada ;

(ii) persimpangan lampu isyarat yang banyak terdapat di sepanjang jalan ini memburukkan lagi keadaan dan menjejas kelancaran pergerakan trafik di pusat bandar dan sebaliknya;

(iii) membolehkan trafik dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban yang mengarah ke arah utara Kuala Lumpur menggunakan lebuh raya ini untuk mengelakkan kesesakan Jalan Kuching dan Jalan Istana. Lebuhraya Mahameru; dan

(iv) menyediakan penghubung baru dari Bukit Lancang ke Jalan Duta yang akan memberi manfaat kepada kawasan pembangunan di sebelah Damansara meliputi lapan kawasan perumahan dengan jangkaan jumlah penduduk seramai 450,000 orang.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Damansara ini, memerlukan perbelanjaan yang besar dan kerajaan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membiayai pelaksanaan projek ini.

Sebelum menswastakan pelaksanaan projek ini kerajaan telah mempertimbangkan kepentingan pelbagai pihak iaitu pengguna, syarikat konsesi dan kerajaan. Kutipan tol yang akan dikenakan adalah berpatutan dan setimpal dengan faedah yang akan dinikmati oleh para pengguna jalan raya.

Kutipan tol yang akan dikenakan di Jalan Damansara juga adalah untuk satu haluan sahaja iaitu dari arah Kuala Lumpur ke Taman Tun Ismail, Petaling Jaya, manakala bagi laluan masuk ke Kuala Lumpur, tiada tol dikenakan tetapi masih menikmati faedah laluan secara aliran bebas. Laluan bebas tol iaitu dua lorong sahaja sepanjang kilometer yang selari dengan Jalan Damansara akan disediakan oleh syarikat konsesi sebagai jalan alternatif kepada pengguna.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan saya dituju kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, saya ingin menasihatkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan dua orang Timbalannya.

**Puan Chong Eng:** Ya, awak duduk sini tidak apa..

**Tuan Tan Kok Wai:** …supaya mengikut contoh baik yang ditunjuk oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya *[Tepuk]*.…

**Puan Chong Eng:** Ya, baru betul.

**Tuan Tan Kok Wai:** …. yang sering……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini bukan soalan tambahan.

**Tuan Tan Kok Wai:** ….yang sering menjawab soalan…

**Seorang Ahli:** Sendiri.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk][Sorak]*

**Tuan Tan Kok Wai:** …oleh sendirinya….

**Seorang Ahli:** Ini satu contoh baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Cheras!

**Tuan Tan Kok Wai:** Jangan bantah, *[Disorak]* bantah kerana 'makan gaji buta.'

**Bebarapa Ahli:** *[Sorak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila kemukakan soalan tambahan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** Okay, okay. Sekarang sudah make the point. Soalan tambahan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini kita ada peraturan…

**Seorang Ahli:** A'ah, peraturan, peraturan.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, ikutlah peraturan

**Seorang Ahli:** Peraturan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apakah peraturan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jangan, jangan kita bangkit soalan sama ada, menteri atau timbalan menteri….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya sudah buat keputusan dia kena kemukakan soalan tambahan. Kalau tidak ada saya panggil orang lain.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ada, ada. Soalan tambahan saya….

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, tidak. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jelas sedikit…..

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** …dia telah buat tuduhan….

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Apa…apa…

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:**……kepada menteri kita dan timbalan menteri.

**Tuan Tan Kok Wai:**…..apa nombor point of order?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Puan Chong Eng:** Ha.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cheras ada soalan tambahan tidak?

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen belum lagi dilantik sebagai timbalan dan full minister.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Menyampuk]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Point of order, point of order. *[Sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Jangan begitu….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Cheras……

**Tuan Moktar bin Radin:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Tan Kok Wai:** …..untuk melindungi timbalan menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng ]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila duduk.

**Tuan Moktar bin Radin:** Duduk dulu, duduk dulu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat….

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua….

**Tuan Moktar bin Radin:** Duduk dulu, duduk dulu. Point of order.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya…

**Tuan Moktar bin Radin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apakah perkembangan dan cadangan pembinaan….

**Tuan Moktar bin Radin:** Duduk dulu, saya ada point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cheras!

**Tuan Moktar bin Radin:** Duduk dulu, duduk dulu, saya ada point of order. Duduk dulu.

**Seorang Ahli:** Mana ada?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Moktar bin Radin:** 36(6), duduk dulu. Pakai peraturan.

**Seorang Ahli:** Sangkaan jahat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Wakil bagi Cheras ini, dia ada niat jahat menuduh yang bukan-bukan. Jadi, lain kali jangan buat lagi. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cheras, apakah soalan tambahan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua….*[Pembesar suara dimatikan]*.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apa yang saya perkata tadi adalah fakta dan kebenaran…

**Seorang Ahli:** Yaaa.

**Seorang Ahli:** Soalan, soalan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ketiga-tiga mereka ada di sini….

**Seorang Ahli:** Soalan.

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed]:** Yang Berhormat….

**Seorang Ahli:**….jadi jangan….

**Tuan Tan Kok Wai:** …..tadi tidak menjalankan tugas mereka. Sleeping on job, on duty.*[Disampuk beberapa Ahli][Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Soalan Jawab tamat. *[Ketawa][Tepuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Belum lagi! *[Memandang jam Dewan]*

*[Jam di Dewan menunjukkan pukul 11.01 pagi]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Ada lima minit saya bantah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Lagi lima minit.

**Tuan Tan Kok Wai:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa][Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Teruk! Masih ada lima minit. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Eleven.

**Tuan Tan Kok Wai:** Masih ada lima minit.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Okay, soalan tambahan saya….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada….

**Tuan Tan Kok Wai:** …Yang Berhormat ….

**Seorang Ahli:** Tidak ada tambahan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha…

*[Setiausaha Dewan bangun]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang Berhormat Kerja Raya berminat untuk menjawab tetapi *[Disorak]* hak saya *[Ketawa]* dibunuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini kuasa Kerusi sini. Satu jam untuk soal jawab telah sampai.

**Seorang Ahli:** *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi masa masih ada empat minit. Empat minit cukup untuk ditanya dan dijawab. *[Disorak]*

**Setiausaha Dewan:** Satu jam.

**Beberapa Ahli:** Hoi, hoi. *[Sorak]*

*[Dewan riuh]*

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

### Pusat Latihan Tentera Laut Diraja Malaysia (PULAREK) Kota Tinggi

**11.02 pagi.**

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu):** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya, Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kuala Terengganu mohon mencadangkan,

"Bahawa Majlis ini hendaklah ditangguh mengikut Perkara 18 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu Pusat Latihan Tentera Laut Diraja Malaysia (Pularek) di Kota Tinggi yang merupakan suatu tragedi kepada kredibiliti Tentera Laut Diraja Malaysia, pertahanan negara serta memalukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana telah berlaku penyelewengan serta adanya unsur-unsur menyembunyikan fakta sebenar ke atas tragedi yang berlaku kepada pembinaan pusat latihan yang bernilai tidak kurang daripada RM198 juta. Setakat ini tidak ada seorang pun

individu yang dibawa ke muka keadilan dan ini juga telah melemahkan keyakinan Tentera Laut Diraja Malaysia dan pembangunan sumber manusia mereka yang dijangka terbantut untuk jangka masa beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana ini akan mengancam keselamatan negara kita serta melemahkan semangat dan keyakinan rakyat terhadap sistem pertahanan negara kita. Tragedi PULAREK ini juga telah menunjukkan bahawa tidak adanya, dengan izin, *professional accountability* dalam kes ini, tidak adanya ketelusan di dalam pentadbiran projek-projek kerajaan, dengan izin, *competency dan credibility* tidak menjadi keutamaan dalam memilih kontraktor dan tidak adanya tindakan lanjut yang berkesan daripada kerajaan untuk menyelesaikan tragedi ini.

*[Gangguan bekalan elektrik di dalam Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh kredibiliti keselamatan negara kita serta melibatkan jumlah wang kerajaan yang begitu banyak. Walau bagaimanapun, bangunan itu siap dikatakan, certified fit, dengan izin, untuk diduduki, namun ianya telah mengalami pelbagai masalah seperti keruntuhan bumbung, keretakan kepada struktur bangunan serta masalah-masalah yang lain.

Perpindahan kumpulan pertama anggota Tentera Laut Diraja Malaysia serta keluarga mereka di PULAREK adalah dalam keadaan separuh siap dan ini boleh mengancam keselamatan mereka dan keluarga mereka. Kemudahan-kemudahan asas penting seperti pusat menembak, dewan serbaguna, padang latihan, kolam renang, masih lagi tidak diselenggarakan sehingga sekarang.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Kuala

Terengganu pada 25 Februari 2000 jam 3.45 petang. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

(i) bahawa perkara itu tertentu;

(ii) bagi kepentingan orang ramai; dan

(iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini memang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Ia boleh dibahaskan istimewanya di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang bermula pada hari ini. Selain daripada itu saya difahamkan bahawa satu penyiasatan telah dibuat oleh sebuah lembaga penyiasat yang ditubuhkan oleh Kementerian Pertahanan di atas perkara ini. Penyiasatan itu telah siap dan penyata berkenaan akan dibentangkan kepada Kabinet dalam sedikit lagi. Penyata itu mengandungi juga cadangan tindakan yang patut diambil ke atas orang-orang yang terlibat di dalam projek itu yang telah melakukan penyelewengan.

Oleh yang demikian, tidak perlu dibahaskan perkara ini lagi. Saya menolak Usul ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

### Bacaan Kali Yang Kedua

### DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

> Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta, dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan, hendaklah disahkan."
>
> ***[25 Februari 2000]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa juga jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun ini; dibacakan kali yang kedua sekarang. Masalah usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan

Mesyuarat ini diedarkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis, sekarang kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua…..

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini tidak ada bekalan elektrik, air-cond dan lampu, saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan buat sementara sehingga pulihnya.

*[Setiausaha Dewan berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, saya bersetuju dengan cadangan itu dan Dewan ini ditempohkan sekarang.

**Seorang Ahli:** Selama berapa lama?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita akan tengok keadaan. *[Disampuk][Ketawa]* Jadi, selama lima belas minit.

***Dewan ditempohkan pada pukul 11.10 pagi.***

***Dewan disambung semula pada 12.00 tengah hari.***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat persidangan kita disambung semula, diminta Pendang berucap.

**12.02 tgh**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Bismillahirahmanirrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap sekali lagi terima kasih atas izin yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk saya berucap membahas Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2000. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang pertama kali dibentangkan pada 29 Oktober 1999 yang lalu, telah pun dibentang semula pada hari Jumaat yang lalu bersamaan 25 Februari tahun 2000. Pembentangan ini telah menjadi perlu akibat Parlimen yang telah dibubarkan pada 11 November 1999 ketika Rang Undang-undang Perbekalan ini sedang dibahaskan, sekali gus membuktikan tahap kepekaan dan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional terhadap pertanggungjawabannya akan salah satu tugasnya yang penting dan kritikal dalam pengurusan ekonomi dan

pembangunan negara. Apa yang menyedihkan lagi bahkan menghilangkan lagi kepercayaan rakyat terhadap Barisan Nasional adalah pembentangan yang kedua yang diharap-harapkan rakyat akan dapat memberikan suntikan kepercayaan dan keyakinan terhadap pengurusan kewangan dan pembangunan negara adalah jauh tersasar dari pengharapan rakyat teramai dan cukup meleset dari segi mendepani cabaran dan permasalahan sebenar yang dihadapi oleh negara.

Menteri Kewangan nampaknya lebih selesa untuk mengisytiharkan bahawa 'ekonomi telah pulih', sementara tidak benar-benar menjelaskan erti pemulihan dari seluruh indeks pemulihan, dan lebib jauh lagi untuk mengiktiraf apakah faktor-faktor kritikal yang menyebabkan ekonomi yang dibanggakan seluruh negara Asia (khususnya Malaysia sendiri) ketika itu yang mendapat jolokan 'Keajaiban Asia' atau the 'Asia Miracle' dengan izin, merudum dalam sekerdipan mata pada pertengahan Julai 1997 yang lalu. Pengiktirafan faktor-faktor pencetusnya adalah penting supaya kita dapat mengelakkan keruntukan yang kedua, sekali gus mengelakkan pengurusan ekonomi negara diurus seperti yang dilakukan pra-merudum dalam zaman mewah atau dengan izin 'in the era of boom'. Beberapa pengajaran juga adalah penting untuk dirakamkan oleh kerajaan seperti bagaimana kerajaan telah kehilangan lebih dari RM9 bilion dalam dua minggu dalam usaha untuk mempertahankan ringgit yang merudum ketika itu.

Tidak siapa pun yang boleh mengenal pasti aliran keluar-masuk modal terutama dalam orde ekonomi global (seperti yang diakui sendiri oleh pakar-pakar ekonomi), khususnya pelaburan yang bersifat jangka-pendek, atau portfolio investment. Jangan mudah mudah berbangga bahawa oleh kerana langkah bijak kita, kawalan modal kita atau usaha kita, maka ekonomi pulih. Seperti mana mereka keluar berbondong-bondong dahulu, tidak ada sebab kenapa mereka tidak boleh ulangi perbuatan yang sama terutama kalau berlaku sekali lagi contohnya ekonomi menjadi semakin rapuh dan nilai hartanah menjadi tidak munasabah, ekonomi membelon dan meruap serta tanggungan hutang berlebihan akibat pinjaman pihak awam dan swasta dalam dan luar negara. Juga oleh akibat salah laku perbuatan songsang ataupun oleh akibat

berlaku perbuatan sumbang kerajaan dengan beberapa tokoh korporat yang mengamalkan kapitalisme kroni atau crony capitalism, rasuah dan nepotisme dalam melaksanakan program penswastaan dan konsep "Malaysia Incorporated".

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan seolah-olah tidak terdesak untuk memikirkan strategi yang lebih bersifat integrated dan jangka-panjang untuk menjamin masa depan negara dan kesejahteraan rakyat setelah ekonomi terjerumus ke dalam kegawatan dan krisis yang paling teruk pernah dialami oleh negara kita. Jelasnya, Menteri Kewangan langsung tidak memberi apa-apa ulasan yang bertanggungjawab dalam isu-isu penting seperti:

(i) peningkatan hutang negara yang mencecah 60% dari KNK;

(ii) keperluan untuk membersihkan sektor kewangan dan pengurusan korporat negara;

(iii) meningkatkan kesesuaian polisi fiskal dan monetari;

(iv) keperluan langkah-langkah serius, berhemat dan konsisten untuk memahami keperluan asas seperti perumahan, kesihatan dan pendidikan serta mengatasi kesengsaraan rakyat teramai; dan

(v) penyelesaian peningkatan kos sara hidup dan peningkatan kualiti hidup rakyat teramai terutama dalam sektor pertanian dan perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini juga, walaupun telah diberi sedikit masa untuk ditimbang-semula, tidak menunjukkan bahawa kerajaan memiliki satu kesungguhan politik atau political will, dengan izin, untuk mencari sebarang cara penjimatan perbelanjaan sebagai cara untuk mengurangkan kos hutang negara yang kian meningkat. Segala kelemahan Belanjawan bulan Oktober yang lalu, sepatutnya telah diambil kira dan peruntukan-peruntukan sewajarnya dikemukakan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini pada persidangan kali ini. Sebahagian besar tumpuan belanjawan adalah tertumpu kepada kepentingan golongan korporat khususnya dalam sektor perbankan, insurans dan hartanah.

Alhamdulillah, dengan desakan Barisan Alternatif bahawa kerajaan perlu memberi perhatian kepada golongan rakyat yang tertekan maka kerajaan telah mencadangkan kenaikan pencen dan menambahkan peruntukan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS - Yang ini kita boleh sokong. Namun kalaulah Barisan Alternatif yang memerintah kita akan tangani bukan dengan cara untuk menaikkan pinjaman semata-mata kerana ini tidak akan menyelesaikan masalah mereka. Pada hemat kita kenaikan pinjaman tidak akan menyelesaikan masalah mereka untuk jangka-panjang kerana mereka awal-awal lagi telah disibukkan dengan hidup berhutang. Pendekatan kami pastinya adalah berbeza kerana kita menganggap pendidikan bukan satu industri untuk diperniagakan secara komersial.

Ia adalah satu hak rakyat teramai yang mesti dibekalkan dan dijamin oleh kerajaan, terutama oleh sebuah kerajaan yang memang mengurus sebuah negara yang kaya dan boleh menjalankan projek-projek mega-mewah. Tetapi apabila sampai kepada perkara keperluan asasi rakyat seperti pendidikan, perumahan dan kesihatan menjadi tidak ada wang dan tidak ada dana pula. Tetapi peruntukan dana untuk Danaharta dan Danamodal untuk menyelamatkan korporat dan syarikat-syarikat gergasi yang sakit dan nazak ada pula wangnya.

Belanjawan kali ini juga menganggap seolah-olah rakyat teramai khususnya dalam sektor pertanian dan perikanan langsung tidak wujud. Mereka tidak dibela. Sebagai contohnya, harga minyak kelapa sawit pernah mencecah RM2,500 setan dalam bulan Mei 1999, akan tetapi oleh sebab cuaca, tanaman berlebihan serta pasaran global bagi minyak dan lemak yang telah merosot hinggakan kontrak 3 bulan bagi bulan Mei 2000 jatuh kepada hanya RM1,000 setan. Tambahan pula, Kerajaan India telah bercadang untuk menaikkan duti atas minyak kelapa sawit mentah dari 16.5% kepada 38.5%. Memandangkan India merupakan pengimpot terbesar sekurang-kurangnya dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini maka impaknya tidak boleh diperkecilkan dari dua aspek. Pertama, kemerosotan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Kedua, kemerosotan kepada pendapatan ekspot negara.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah ia merupakan satu perkara yang terlalu *'simplistic'* atau percakapan terlalu bermudah-mudah Menteri Kewangan apabila beliau menyatakan bahawa ekonomi telah pulih dan krisis kewangan telah berakhir dan hanya menyandarkan hujahnya kepada fakta KNK yang bertambah sebanyak 10.6% dalam suku tahun keempat bagi tahun1999. Saya merasakan adalah terlalu awal bagi kita mengisytiharkan bahawa kegawatan telah tamat. Bahkan apa yang perlu dilakukan oleh kerajaan adalah untuk meningkatkan pengurusan kewangan dan ekonomi yang lebih *prudent* dan bijak bagi mengawasi keadaan yang masih *fragile* atau rapuh untuk meletakkan ekonomi ke atas landasan yang lebih kukuh dan mantap. Kita katakan sedemikian dengan landasan hujah seperti berikut:

Pertama, kita perlu diingatkan bahawa kenaikan KNK sebanyak 10.6% dalam suku akhir 1999 adalah hasil terutamanya dari lebihan dagangan pada akaun semasa yang di luar jangkaan. Tidak ada bukti-bukti yang kukuh yang dapat menyakinkan kita bahawa fenomena ini akan berterusan memandangkan bahawa lebih dari 60% nilai ekspot adalah berbentuk elektrik dan elektronik terutamanya separa-konduktor dan kelengkapan peralatan elektronik yang memang mencapai permintaan yang bersifat berkitar atau bermusim. Kejatuhan harga minyak kelapa sawit dan permintaan atau demand dari rakan-rakan dagangan dari Timur Tengah mungkin merosot disebabkan kenaikan harga minyak petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara tidak boleh bergantung hanya kepada ekspot dan perbelanjaan kerajaan. Jika kita ingin mencapai perkembangan ekonomi yang berterusan, kita juga perlu menentukan wujudnya permintaan dalam negara yang berterusan. Setakat ini kita tidak ada angka-angka kukuh yang menunjukkan bahawa penggunaan swasta atau private consumption sudah pulih. Ini amat penting memandangkan bahawa perbelanjaan penggunaan swasta mempunyai peratus sumbangan yang agak besar dalam KNK. Malahan Laporan Ekonomi 1999/2000 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menegaskan bahawa permintaan dalam negeri atau domestic demand adalah penentuan perkembangan bagi tahun 2000. Domestic demand ini juga dijangka mendapat galakan dari penggunaan swasta

yang makin kukuh serta pemulihan kepada pelaburan sektor swasta. Perkara ini perlu difahami sebelum kita dapat menyaksikan pemulihan yang berterusan dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pelaburan sektor swasta boleh pulih dan dipertingkatkan semula apabila masih terdapat *unutilised capacity*, sentimen pengguna yang belum lagi menyakinkan, bank yang masih enggan mengeluarkan pinjaman baru

Di sini kita perlu mengambil perhatian bahawa perangkaan daripada MIDA menunjukkan bahawa jumlah permohonan untuk pelaburan baru dari kedua-dua sumber yakni asing dan tempatan, telah jatuh sebanyak 26% kepada RM14 bilion berbanding dengan tahun 1997 yang mencatatkan lebih dari RM30 bilion.

Berdasarkan susut nilai ringgit yang berlaku sejak tahun 1998 dan juga berbanding dengan Thailand yang jauh lebih teruk dilanda kegawatan maka pencapaian kita adalah membimbangkan sekali gus membayangkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara kita. Thailand mencatatkan pelaburan melebihi 11% daripada tahap yang terdapat pada tahun 1998. Mereka tidak mengenakan kawalan modal tetapi menggunakan beberapa *serious reform* yang nampaknya berkesan untuk mengundang pelaburan baru. Persoalan yang timbul ialah dari manakah punca atau sumber perkembangan ekonomi pada masa hadapan? Apakah keyakinan Perdana Menteri yang menyebabkan beliau yakin kepada pertumbuhan seperti era pra-pawat pada kadar 80% secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga difahami bahawa lebihan perdagangan yang sedang kita nikmati adalah kerana berpunca dari nilai ringgit yang rendah atau lemah dan perbelanjaan dalam negeri, *domestic demand* yang diwujudkan melalui perbelanjaan defisit yang besar. Kita perlu tahu bahawa strategi ini hanya boleh dilakukan dalam satu jangka waktu yang singkat atau untuk jangka pendek sahaja dan juga dalam jangka waktu yang terhad. Strategi ini kalau hendak diteruskan lama-kelamaan akan pasti menimbulkan masalah seperti tekanan inflasi, pemulihan dalam negeri akan meningkatkan dan menggalakkan impot. Kenaikan akan menguncupkan lebihan dagangan.

Kemasukan dana asing yang akan berkurangan dan perkembangan ekonomi yang lebih susah untuk diteruskan.

Jelasnya bahawa kalau benar-benar ekonomi sudah bertambah baik pastinya kerajaan tidak perlu untuk memperuntukkan perbelanjaan defisit yang begitu besar bagi tujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Belanjawan defisit adalah ‘berbelanja kalaupun tidak berupaya’. Tak bolehlah amalan ini dibuat untuk waktu yang lama.

Menteri Kewangan juga ada menarik perhatian Dewan mengenai Bursa Saham Kuala Lumpur dan menyatakan bahawa prestasi yang ditunjukkan oleh Bursa Saham itu menggambarkan keyakinan pelabur-pelabur asing. Perlu dijelaskan di sini bahawasanya bahawa menurut Laporan Ekonomi, prestasi BSKL pada akhir September 1998 menunjukkan peningkatan 80.8% dari 373.52 mata kepada 675.45 mata. Ini tidak ada kena mengena dengan kawalan modal oleh kerana negara jiran yang tidak menggunakan kawalan modal juga mencatat prestasi yang sama atau lebih baik dari BSKL seperti Jakarta 98.4%, Singapura 92.8%, Filipina 66.4%, Thailand 53.5% dan Korea Selatan 169.5%.

Pelabur asing hanya mula kembali ke BSKL pada awal Disember 1999 pada peringkat kecil-kecilan selepas Standard & Poors menaikkan Malaysian Sovereign Ratings dalam bulan November 1999. Tambahan pula kelonggaran pada kawalan modal atas pelaburan portfolio telah membuka jalan bagi Malaysia dimasukkan kembali ke dalam Indeks MSCI. Inilah fakta utama bagi komposit BSKL turut melonjak ke 768.74 mata pada 13.12.1999, 815.80 mata pada 5 Januari 2000, naik sebanyak 6%, 949.62 mata pada 18 Januari 2000 dan yang terakhir 1009.53 mata pada 24 Februari 2000.

Pelabur asing juga memasuki BSKL dengan kepercayaan bahawa nilai ringgit yang terlalu rendah akan dinilai semula oleh kerajaan. Sekaligus ini akan membawa keuntungan yang besar bagi mereka atas sebab keuntungan pertukaran wang. Kita juga memerhatikan bahawa dalam minggu kedua sebanyak RM1 bilion portfolio funds telah masuk. Dalam tahun ini sahaja sejumlah RM5.3 bilion telah masuk.

Perkara tersebut sepatutnya membimbangkan kita kerana ianya boleh membawa kepada satu lagi market crash - keruntuhan pasaran seperti yang

dinyatakan oleh MIER (Malaysian Institute of Economic Research). Seperti yang dikatakan bahawa MIER membuat teguran supaya perkara ini diawasi oleh kerajaan. Kalau tidak, kawalan modal kerajaan tidak bermakna.

Apa yang menjadikan kami di pihak Barisan Alternatif cukup hairan ialah Menteri Kewangan seolah-olah tidak menghiraukan langsung mengenai perkara ini dan tidak menyinggung langsung perkara tersebut dalam ucapan beliau. Kita tidak boleh lagi menafikan rakyat dan juga Dewan yang mulia ini akan perkara-perkara seumpama ini. Kita hidup dalam era makumat yang membudayakan ketelusan fakta dan maklumat.

MIER menegaskan lagi seolah-olah kita tidak belajar dari pengalaman kita yang lalu. Saya masih teringat akan ungkapan kata, "Manusia bijak, belajar dari kesilapan orang lain, manusia lemah akal, belajar dari kesilapan sendiri". Tetapi kita ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak belajar walaupun dari kelemahan kita sendiri.

Satu lagi, pasaran saham yang naik mendadak akan membawa kepada kecelaruan, dengan izin, 'distortion' kepada nilai-nilai syarikat-syarikat tersenarai hinggakan syarikat yang terletak di bawah perlindungan mahkamah pun menikmati kenaikan harga saham. MIER turut mencadangkan supaya menggantikan cukai keluar, dengan izin, 'exit tax' dengan 'capital gain tax' atas semua penjualan saham sebagai suatu langkah berjaga-jaga dan menghindar kegiatan spekulatif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan Ulangan kali ini tiba-tiba Meneri Kewangan cukup ghairah dengan K-ekonomi. Dengan izin, memetik kata-kata beliau, "Kini, sudah sampai masanya kita bertindak berani mengubah paradigma daripada ekonomi berteraskan pengeluaran (P-ekonomi) kepada ekonomi berteraskan pengetahuan (K-ekonomi) selaras dengan usaha-usaha negara untuk memesatkan pembangunan industri berteknologi tinggi".

Kata beliau lagi, "satu kumpulan pemikir atau, dengan izin, Think Tank telah ditubuhkan untuk menyediakan pelan tindakan strategik bagi membolehkan kita merancang dalam menghadapi cabaran ini". Dalam ucapan beliau juga beliau menyebutkan bahawa sebuah Jawatankuasa Pemandu telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan dan tindakan-tindakan sedang diambil

bagi menyediakan Pelan Induk K-ekonomi. Pelan ini kata beliau dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasakan aneh kerana keupayaan Barisan Nasional yang terang-terangan mahu memperbodohkan rakyat. Rakyat tidak mudah didodoi dengan bahasa dan istilah yang tinggi dan bombastik kerana sekarang ini dunia maklumat di mana pengetahuan dan ilmu berada dihujung jari. Kita sedar apa erti peralihan dasar dan fasa era industri yang telah beralih kepada era maklumat. Dulunya memang industri tahap awal adalah berdasarkan 'labour dan resources intensive'. K-ekonomi adalah era fasa perdagangan dalam dunia IT yang menjadikan maklumat sebagai barang komoditi perniagaan yang lebih penting dari bahan mentah, tenaga atau sumber yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Rompin berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Biarkan saya teruskan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kita juga sedar betapa infrastruktur teknologi tinggi ini juga memerlukan tulang belakang yang hebat, sehebat apa yang dibekalkan sebanyak 10 gigabit kelajuan dan kepantasan yang dipasang di MSC untuk kegiatan K-ekonomi ataupun E-commerce. Itu semua tidak menjadi masalah, tetapi yang menjadi masalah pertikaian, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam riuh-rendah tentang seluruh kampung dan dunia menjaja MSC ini anehnya kenapakah asas dan perancangan yang paling fundamental dalam menjalankan E-commerce ini baru difikirkan dan mungkin siap dalam masa enam bulan. Selama ini apakah yang dibuat oleh MSC?

Dengan ini seolah-olah kerajaan mengesahkan tuduhan bahawa MSC telah beralih dari sepatutnya menjadi industri yang membekalkan sektor perkhidmatan yang tercanggih kepada hanya agenda memperkayakan golongan tertentu dengan kontrak berbilion ringgit sekaligus ia menjadi industri hartanah dan pembinaan yang paling mega secara penswastaan. Saya juga difahamkan bahawa sewaannya juga adalah amat tinggi. Kalau dulu

syarikat menyewa RM1 sekaki persegi tetapi di MSC menjadi RM3-RM4 sekaki persegi. Kalau di KLCC menjadi antara RM6-RM8 sekaki persegi.

Tuan Yang di-Pertua, K-ekonomi bukan perkara baru bahkan telah disebutkan oleh ramai orang sejak dari awal tahun 60-an lagi. Peliknya apabila kerajaan Barisan Nasional telah bertahun-tahun bercakap mengenai knowledge-based economy, knowledge workers and knowledge-based business baru hendak tubuh jawatankuasa dan akan siap dalam masa enam bulan lagi.

Terbesar dari semua ini adalah falsafah di sebalik k-ekonomi tersiar dalam segala ini adalah andaian bahawa mereka ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Rompin berdiri lagi. Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...... atau negara yang hendak bersama dalam liga dunia ini perlu faham bahawa mereka mestinya mendukung ketelusan dan pertanggungjawaban. Mereka juga sekaligus golongan yang memartabatkan ilmu dan maklumat sebagai satu yang menjadi milik ramai dan bersedia untuk berkongsi.

Mereka juga perlu mengangkat kekangan dalam bentuk legislation seperti yang kita lihat pergolakan dalam perniagaan antarabangsa dalam erti kata GATT dan WTO dan segala-galanya yang lain. Di rumah kita sendiri yang perlu kita budayakan dahulu, mengangkat kekangan dan sekatan yang tidak demokratik dan menafikan hak asasi rakyat seperti akta-akta drakonian seperti OSA, ISA, Akta Hasutan yang sudah lapuk dan seumpamanya. Kesemua ini adalah mustahak untuk kita fahami dahulu sepertimana juga kita perlu tahu tuntutan melahirkan software infrastuktur di segi pemikiran, budaya dan nilai yakni Human Resource Development itu sendiri. Bukan hanya hardwarenya sahaja yang jelas telah memperkayakan golongan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah beberapa perkara dasar yang ingin saya sentuh dalam membahas ucapan Belanjawan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Rompin berdiri lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bukan hendak beritahu anak buah, bukan hendak mengacau. Kita hendak memberi penghargaan. Jangan susah hati sebelah sana itu. Sebab memang ada kalau nampak ketua dia diusik, yang bangun itu turut gagah hendak membahaskan – hendak membela *[Ketawa]* Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kata pembangkang, cuba saya takut hendak naik jawatan atau naik pangkat itu sebenarnya hendak meyakinkan kepada Ketua Pembangkang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya berterima kasih dan tahniah kepada Dato' Ketua Pembangkang yang membawa isu k-ekonomi, isu IT, ini satu penghargaanlah saya hendak bagi apa yang dia beri. Namun demikian, hujung itu rasa tidak sedap sedikit. Dato' kata ada yang memperbodohkan, tidak konsisten itu yang saya nampak tadi. Pada peringkat awal, Dato' ada kata membodoh tetapi yang kedua memberikan hujah betapa pentingnya k-ekonomi jadi minta sedikit diselaraskan dua benda yang tidak berapa konsisten itu, Tuan Yang di-Pertua. Minta sedikit penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Rompin. Kerajaaan sebelum ini telah lama juga, bertahun-tahun bercakap tentang information technology (IT) tentang MSC, tiba-tiba kerajaan mengumumkan satu panel *think tank* baru ditubuhkan satu badan baru ditubuhkan dan akan mengambil masa, saya ingat 6 bulan untuk menyiapkan laporan pelan bertindak. Jadi, dahulunya diberitahu kepada rakyat segala maklumat-maklumat akan dapat dicapai dalam waktu yang sesingkat-singkatnya, tiba-tiba dalam hal ini pula memerlukan masa yang begitu lama untuk mendapat satu recommendation tentang pelan tindakan.

Jadi, ini seolah-olah rakyat diperbodohkan. Jadi, inilah yang menimbulkan keganjalan bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh k-ekonomi…

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Dato' Speaker dan juga Dato' Ketua Pembangkang.

Merujuk kepada istilah 'kebodohan' yang digunakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Apakah Yang Berhormat merujuk kepada satu fenomena di mana MSC ini dimulakan oleh negara kita dahulu, Malaysia, seolah-olah di dalam negara Asia Tenggara, Malaysia dilihat sebagai pelopor ataupun perintis ataupun paling terkehadapan dari sudut informasi teknologi, dengan izin. Tetapi yang anehnya dalam sudut perlaksanaan terkini, dilihat Singapore dengan agenda *Singapore Net*nya telah jauh mendahului Malaysia walaupun idea untuk informasi teknologi ini terkemudian daripada MSC yang dicanangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah itu yang dimaksudkan dengan istilah 'kebodohan' di situ? Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukan saya mengatakan kerajaan ini bodoh tetapi saya mengatakan percubaan untuk membodohkan rakyat – menganggapkan rakyat ini tidak tahu sedangkan rakyat sebagaimana wakil daripada Jeli tahu perkembangan-perkembangan di Singapura dan di negara-negara luar melalui IT. Jadi, ini menunjukkan bahawa rakyat tidak boleh dibodohkan.

Mengenai dengan k-ekonomi ini juga, kepentingan pendidikan dalam bidang ini tidak dipertikaikan. Rakyat perlu diberi penjelasan dan diberi satu rangsangan untuk memahami tentang apa yang dikatakan k-ekonomi ini. Tetapi walaupun kita telah melonjak ataupun negara dikatakan akan melonjak kepada k-ekonomi tetapi kita juga tidak boleh meninggalkan soal ekonomi yang sebenar-benarnya dirasai oleh rakyat. Bagaimana jugalah umpamanya rakyat boleh mendapat maklumat-maklumat melalui internet tetapi keperluan

akhbar, surat khabar dan keperluan untuk mendengar berita-berita melalui media elektronik yang lain juga tidak boleh dinafikan.

Maka oleh kerana itu, kita juga harus melihat kepada realiti kehidupan masyarakat dan rakyat pada keseluruhannya. Umpamanya, dalam membekalkan alat-alat komputer, tidak seharusnya hanya menumpukan kepada sekolah-sekolah bestari sahaja, kepada pelajar-pelajar bestari sahaja tetapi ianya mestilah satu program menyeluruh untuk meningkatkan budaya ilmu ataupun ilmu rakyat khususnya mengenai dengan perkembangan-perkembangan yang melibatkan perkembangan teknologi maklumat dalam ekonomi, perdagangan dan sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian kepada cadangan Menteri Kewangan untuk membolehkan pencarum-pencarum dalam KWSP untuk mengeluarkan wang caruman mereka sebelum mencapai umur 55 tahun, di antaranya untuk perbelanjaan pendidikan anak-anak mereka. Termasuk juga untuk membeli alat komputer. Saya fikir ini tidak menepati falsafah tujuan asas pencaruman itu dibuat.

Tanggungan pelajaran anak-anak sebagai rakyat adalah menjadi tanggungan kerajaan yang semestinya ditanggung sepenuhnya terutamanya apabila pelajar-pelajar itu mulai melangkah masuk ke pusat penganjian tinggi. Ibu bapa telah lama menanggung perbelanjaan kehidupan, pelajaran, kesihatan anak-anak mereka sejak daripada mereka dilahirkan. Semua ini ditanggung oleh ibu bapa dan apabila anak-anak ini telah mempunyai kelayakan untuk masuk ke universiti hanya tinggal 3 atau 4 tahun sahaja lagi.

Tidakkah kerajaan boleh mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk menanggung anak-anak mereka yang bakal mengambil alih urusan negara, pentadbiran pengurusan dan kepimpinan negara sebagai rakyat. Mengambil tanggungjawab sepenuhnya oleh kerajaan untuk membiayai perbelanjaan pendidikan mereka dan tidak lagi dibebankan sepenuhnya ke atas ibu bapa sehingga ibu bapa yang menyimpan wang dalam KWSP untuk perbelanjaan hidup mereka selepas mereka bersara daripada jawatan yang mereka sandang sewaktu umur mereka belum mencecah 55 tahun terpaksa digunakan sebelum itu untuk pelajaran anak-anak mereka. Tidakkah ini bercanggah dengan

tujuan, falsafah dan matlamat pencaruman dibuat untuk masa depan mereka sesudah mereka melangkah usia tua.

Begitu juga kebenaran, keizinan untuk mengeluarkan wang KWSP untuk membeli komputer. Kita tidak menafikan dalam era maklumat ini pentingnya komputer. Tetapi komputer ini biasanya boleh digunakan dalam tempoh 3 tahun sahaja dan selepas 3 tahun itu datang pula produk-produk yang baru menyebabkan penggunaan komputer yang dibeli 3 tahun sebelum itu tidak relevan lagi dan ini juga telah menyebabkan pekerja yang ada sedikit simpanan untuk menghadapi zaman hadapannya telah menyebabkan dia telah kehilangan simpanan itu. Sedangkan kerajaan boleh menampung keperluan itu dengan memperbanyakkan bekalan komputer ke sekolah-sekolah supaya membolehkan semua pelajar dapat mencapai tahap penggunaan komputer melalui bilik-bilik darjah yang mereka pelajari.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat bagi ……

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Setiu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setiu.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan Tabungan EPF ataupun simpanan pekerja ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan pengeluaran tersebut bermakna Malaysia ataupun negara kita sudah tidak menghormati ataupun sudah tidak meletakkan soal *safety net* dengan izin, kepada masyarakat pesara-pesara kita di masa hadapan dan juga dengan pengeluaran tabungan semudah itu bermakna, kita menggalakkan soal perbelanjaan sedangkan kalau mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan yang lalu, menggalakkan rakyat Malaysia untuk menabung.

Sekarang nampaknya digalakkan untuk keluar tabung. Jadi, minta komen Yang Berhormat?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya mempersoalkan tentang polisi ini sedangkan pada suatu waktu

kerajaan menggalakkan pelaburan, menggalakkan simpanan pada waktu yang sama kerajaan menggalakkan pula perbelanjaan dan perbelanjaan itu pula melibatkan – walaupun kerajaan menasihatkan supaya pekerja-pekerja ini berbelanja dengan penuh bijaksana tetapi kalau dorongan-dorongan diberi dan melibatkan pembelian ………

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** …….barang-barang yang tidak dapat bertahan lama dan ini sudah tentu akan …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya tahu, saya tahu. Sri Gading bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** …….akan menjejaskan…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta jawab dulu ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ….falsafah, matlamat pencaruman pekerja-pekerja itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading bangun. Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang, apabila kita mendengar ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang lalu, pada minggu yang lalu dari segi simpanan wang pekerja ini, dibenarkan simpanan ini untuk membeli komputer, ia bukan satu paksaan, hanya sebagai memberikan kemudahan untuk penyimpan-penyimpan bagi membeli komputer, ia bukan satu paksaan.

Jadi, kalau bukan satu paksaan, apakah jadi masalah. Jadi, saya mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mengatakan satu paksaan tetapi satu kebenaran diberikan. Yang untung ialah syarikat komputer. Saya tidak tahulah, kalau-kalau wakil bagi Sri Gading juga ada terlibat dengan perniagaan komputer.

Satu perkara yang masih menjadi tanda tanya rakyat yang tidak dapat kita temui dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah mengenai dengan agihan keka yaan negara. Penguasaan golongan minoriti ke atas peratus tertinggi kekayaan negara masih merupakan fenomena yang nyata, yang menyebabkan jurang perbezaan antara kaum, antara golongan yang berada dengan yang tidak berada semakin meluas dan tidak ada dasar yang jelas, nyata dan drastik hendak dilakukan oleh kerajaan bagi mendekatkan jurang perbezaan ini dalam Belanjawan yang baru dibentangkan di antaranya kerana kita tidak dapati sedikitpun kenyataan yang menyokong atau menggalakkan perkembangan badan-badan koperasi, yang ditekankan ialah galakan-galakan kepada sektor korporat dan juga orang-orang perseorangan yang dilihat mempunyai potensi untuk menjadi kapitalis besar dalam negara kita.

Selain daripada itu kita melihat juga peruntukan-peruntukan yang tidak begitu seimbang antara pembangunan, peruntukan untuk pembangunan rakyat terbanyak dengan golongan minoriti atau peruntukan-peruntukan di antara bandar dan luar bandar. Umpamanya, peruntukan mengenai dengan dalam pembangunan sektor pertanian kita melihat peruntukan yang disediakan di sekitar 2% sahaja daripada keseluruhan peruntukan pembangunan bagi tahun 2000. Sedangkan sektor pertanian tidak lagi dinafikan sekarang, sangat penting, sejak dahulu lagi tetapi sebelum kerajaan nampaknya kurang memberi perhatian kepada sektor pertanian berbanding dengan sektor korporat tetapi setelah berlakunya krisis ekonomi dan krisis makanan kerana dalam krisis ekonomi kita telah melihat masalah makanan, pemakanan menjadi masalah besar dalam negara kita, kerajaan telah merangka dasar pembangunan pertanian yang ketiga tetapi peruntukan-peruntukan sepatutnya dibuat dengan lebih besar untuk kepentingan rakyat terbanyak termasuk juga untuk kepentingan kaum nelayan, nampaknya kurang mendapat kedudukan yang sewajarnya.

Walaupun peruntukan itu ada tetapi tidaklah sebesar yang sangat diharapkan oleh sektor pertanian, oleh golongan petani dan nelayan yang merupakan golongan yang terbesar dalam negara kita……

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ……begitu juga mengenai dengan pembangunan perumahan …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading bangun sekali lagi. Beri jalan ke? Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang beri laluan.

Saya ingin mendapat penjelasan yang lebih jelas daripada Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang, kalau kita hendak perkatakan tentang bantuan kepada petani, sebenarnya bukan sahaja Kementerian Pertanian yang memberikan bantuan kepada petani, nelayan bahkan kementerian-kementerian yang lain umpamanya, Kementerian Pendidikan – bantuan kepada rakyat disampaikan melalui Kementerian Pendidikan yang terlibat dalam bantuan Kementerian Pendidikan termasuk nelayan, termasuk petani.

Jadi, bersetuju tidak Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang bahawa petani-petani, nelayan-nelayan tidak diabaikan di dalam peruntukan Belanjawan kali ini kerana dia mendapat bantuan daripada mana-mana kementerian secara langsung yang diagihkan oleh kementerian-kementerian kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk pertanian bukan sahaja saya maksudkan dalam pembentukan, dalam bentuk peruntukan untuk petani-petani secara langsung tetapi juga dalam aspek pembangunan pertanian yang melibatkan peningkatan usaha ke arah meningkatkan pemakanan, usaha pertanian yang bersifat pemakanan untuk menjamin keselamatan makanan bagi semua rakyat terutama di saat-saat, di waktu-waktu negara menghadapi krisis ataupun sekurang-kurangnya untuk merendahkan atau meringankan beban, tanggungan rakyat bagi mendapatkan makanan utama bagi penduduk negara kita.

Seperti sekarang ini kita lihat, harga beras terlalu tinggi sedangkan negara kita masih merupakan negara pertanian walaupun sedang menuju kepada negara industri tetapi saya ingin mengingatkan walaupun kita akan

menjadi atau merancang untuk menuju kepada sebuah negara industri tetapi kita tidak boleh mengabaikan sama sekali tentang sektor pertanian ini. Walaupun, kerajaan mungkin berhujah bahawa kerajaan tidak mengabaikan sama sekali sektor pertanian ini tetapi jelas menunjukkan bahawa pemerhatian yang serius tidak begitu diberikan ……..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin berdiri.

**Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor:** ….untuk sektor pertanian ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Rompin berdiri. Beri laluan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sekali lagi bolehlah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Dato’ Ketua Pembangkang yang baik hati. Saya tertarik dengan, kita Barisan Nasional turut bersetuju, kita hendak membela kawasan luar bandar, sebab itu dalam kita berterima kasih kepada Menteri Kewangan mengeluarkan peruntukan yang lebih besar kali ini dan tahun lalu mungkin tidak dapat banyak diberi juga kerana keadaan ekonomi kita pada ketika itu, tetapi sekarang ekonomi kita telah pulih kita terus dan tambahkan peruntukan untuk luar bandar, bermakna kita tetap membela rakyat di luar bandar.

Yang Berhormat sendiri pun tadi kita berterima kasihlah bersetuju juga bahawa luar bandar ini patut dibela, pertanian ini patut kita bangunkan sektor ini. Tetapi saya bimbang sedikit dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tadi, dia kata harga padi, harga beras mesti dinaikkan, ataupun Yang Berhormat katakan tidak mesti diturunkan, ada satu contradiciton di sini.

Kalau harga padi dan beras kita turunkan, nanti mereka yang pesawah padi juga akan mempersoalkan kita, mengapa tidak dinaikkan harga padi, jadi inilah sumber pendapatan mereka, tetapi kalau kita naikkan harga padi harga beras naik, yang lain pula akan marah, yang di bandar juga nanti dan yang lain yang tidak mengusahakan padinya sendiri, harga beras naik dan akan terjejas pula dari segi kos perbelanjaan dapur mereka. Ada dua perkara ini Dato’,

yang mana satu hendak pilih, yang kanan atau yang kiri atau macam mana isu yang kita hadapi ini?

Elok kalau yang belakang yang engineer pun ada, land surveyor pun ada, kita kena konsistenlah. Jangan kita di Dewan ini cakap lain dan bila berjumpa pesawah padi kita cakap lain, bila buat ceramah di Kampung Pandan nanti semua tak ada yang buat jelapang padi, semuanya yang beli beras, kita PAS mahu sokong supaya harga padi diturunkan, sampai kepada rakyat di jelapang padi, kita mahu harga naik, beras dan harga padi dinaikkan. Macam mana ini dua tak sama ini, sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dia tahu, dia tak boleh lagu itu dah, dia sebagai Menteri Besar dia sudah tidak boleh dah begitu, dia kena konsisten. Ini macam mana ini, sebab isu ini juga akan dihadapi juga oleh Menteri Besar Terengganu.

Saya hendak minta pandangan sedikit ini.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah meminta harga padi diturunkan, bahkan kita konsisten dengan tuntutan petani-petani supaya harga padi kalau pun tidak dinaikkan tetapi diberi subsidi yang bertambah kerana kerajaan boleh memberi pelbagai subsidi kepada NPL, boleh menyelamatkan berbelas-belas bilion ringgit menolong mereka, kenapa kerajaan tidak boleh menolong kaum petani. *[Tepuk]*

Di waktu yang sama kerajaan tidak boleh membenarkan sewenang-wenangnya syarikat-syarikat monopoli yang sekarang ini memonopoli pengedaran beras atau penjualan beras yang kita tahu pemegang-pemegang sahamnya kebanyakannya terdiri dari pemimpin-pemimpin UMNO. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, satu perbezaan yang ketara yang perlu juga rakyat diberitahu, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai dengan perbelanjaan pembangunan pusat pentadbiran Putrajaya.

Dalam muka surat 84 buku Anggaran Perbelanjaan 2000 mencatatkan sejumlah RM1.546 bilion telah dibelanjakan untuk pusat pentadbiran Putrajaya sejak 1991 sehingga tahun 1998. Bagi tahun 1999 pula sejumlah RM1.486 bilion diperuntukkan. Bagi tahun 2000 sejumlah wang sebanyak RM1.554 bilion lagi disediakan untuk Putrajaya sedangkan untuk

pembangunan luar bandar, pembangunan infrastruktur luar bandar kalau kita lihat peruntukannya tidak sampai setengah bilion.

Peruntukan luar bandar yang melibatkan majoriti rakyat negara kita masih dalam tahap kehidupan luar bandar yang memerlukan pembangunan prasarana yang lebih canggih, yang lebih cepat, tidak seimbang dengan peruntukan hanya untuk sebuah bandar baru yang dikenali dengan bandar Putrajaya.

Ini menjadikan perbelanjaan untuk projek Putrajaya sejak tahun 1991 mencecah angka RM4.586 bilion dan pada yang sama juga kerajaan memperuntukkan sejumlah RM140 juta untuk sewaan bangunan pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya termasuk kediaman rasmi Perdana Menteri dan penyelenggaraan bangunan. Kos ini tidak termasuk kos-kos penyelenggaraan masjid Putrajaya dan kuarters Putrajaya yang berjumlah berjuta-juta ringgit lagi.

Adalah menjadi satu misteri …..

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ketua Pembangkang, soalan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, ya sila.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Apakah Ketua Pembangkang dalam mengkritik Putrajaya ini terus bercita-cita jikalau berkuasa nanti hendak lelong rumah Perdana Menteri? Kerana rumah itu telah diisytiharkan istana rakyat, kita boleh bawa kain, bawa tikar pergi tidur di rumah itu sekarang, nampak kalau Ketua Pembangkang sudah terima istana rakyat kenapa perlu hendak lelong lagi rumah Perdana Menteri itu, minta penjelasan.

**Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan buat keputusan bila sampai masanya. Insya-Allah! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan suatu misteri bagaimana kerajaan terpaksa menyewa bangunan-bangunan yang telah dibina dengan menggunakan peruntukan kerajaan dengan jumlah yang amat besar tadi. Adalah penting bagi kerajaan menjelaskan mengapa keadaan ini boleh terjadi. Juga syarikat-syarikat yang mendapat faedah dari amalan ini. Kerajaan juga perlu menjelaskan semula asas-asas dan justifikasi ke atas perbelanjaan yang

sedemikian besar. Jumlah besar ini amat contrast sekali dengan peruntukan kecil sebanyak lebih kurang RM400,000 yang diuntukkan di bawah program penempatan semula setinggan.

Begitu juga dalam Belanjawan 2000 ini diperuntukkan lagi untuk Perwaja Steel mendapat peruntukan wang sebanyak RM1.16 bilion di bawah belanjawan ini, sedangkan misteri besar dalam Perwaja belum lagi dijelaskan kepada rakyat dan tindakan-tindakan yang meyakinkan belum lagi diambil.

Langkah ini sama seperti mencampakkan garam ke dalam lautan dan kerajaan terpaksa sepanjang masa membazirkan wang rakyat yang boleh digunakan untuk meningkatkan kebajikan rakyat. Kalau perkara ini perlu, Dewan ini perlu dimaklumkan.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, belanjawan ini lebih memihak untuk memberi pembelaan kepada golongan korporat berbanding dengan rakyat jelata yang merupakan golongan terbanyak di luar-luar bandar dan juga golongan dalam bandar yang tidak terlibat sebagai golongan korporat.

Umpamanya, berita yang terakhir yang kita dengar ialah mengenai dengan cadangan kerajaan untuk mengambil Indah Water Konsortium (IWK) yang dikatakan telah gagal dengan kerugian sebanyak RM700 juta dan perbelanjaan pengambilan alih itu dikatakan memerlukan sebanyak RM200 juta. Saya mengharapkan bahawa kerajaan tidak dengan mudah untuk mengambil alih IWK ini kerana kita tahu IWK ini telah berpindah tangan dari satu tangan ke satu tangan dan akhirnya akan berpindah kepada kerajaan. Pindah kepada kerajaan bererti berpindah pertanggungan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, panjangkah lagi hendak ucapan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ada sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita boleh sambung pada waktu petang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya untuk menyambung sedikit lagi ucapan saya. *[Menyemak ucapan]*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh tadi tentang pengambilan alih syarikat IWK. Saya menyebutkan tadi cadangan kerajaan untuk mengambil alih tetapi dalam media hari ini Menteri Kewangan telah pun menyatakan bahawa kerajaan telah mengambil alih. Tadi saya telah menyatakan bahawa syarikat IWK, syarikat yang mengendalikan IWK ini dikatakan telah mengalami kerugian yang besar sekitar RM700 juta dan kerajaan bersetuju untuk mengambil alih. Saya telah menyarankan supaya sebelum pengambilan alih dibuat, agar satu syarikat audit yang berwibawa dilantik untuk menyiasat, mengkaji tentang prestasi sebenar syarikat ini kerana kita tahu dalam ketika perniagaan, sudah tentulah setiap mereka yang terlibat dalam perniagaan, apa-apa juga perniagaan, mesti bersedia menanggung untung rugi – menerima keuntungan dan menanggung kerugian.

Jadi, sebelum kerajaan mengambil alih IWK ini mestilah dipastikan bahawa pemilik-pemilik ataupun pemegang-pemegang syarikat ini mesti dipertanggungjawabkan untuk menjelaskan segala hutang-piutang mereka sebelum ianya ditanggung oleh kerajaan kerana bila kerajaan mengambil alih bererti tanggungan itu akan melibatkan wang rakyat dan tentulah akan meninggalkan sedikit sebanyak kesan atau impaknya kepada perbelanjaan rakyat. Kita mahu supaya peristiwa pengambilan alih Projek Bakun tidak berulang, walaupun kita tahu bahawa sebuah syarikat audit antarabangsa ditubuh untuk memeriksa akaun Projek Bakun tetapi kita juga difahamkan bahawa kerajaan telah membayar dengan bayaran yang lebih daripada

perakuan yang dibuat oleh Syarikat Waterhouse yang terlibat dengan pengauditan syarikat yang mengendalikan Projek Bakun di Sarawak dan sekarang ini pula kerajaan telah mengarahkan TNB untuk mengambil alih projek itu.

Jadi, kalau ini dibiarkan – bila mana-mana syarikat yang mengendalikan sesebuah projek penswastaan, apabila menghadapi masalah, kerajaan yang menanggung bebanannya, ini akan mengajar syarikat-syarikat yang mendapat program penswastaan ini untuk merasai mudah apabila mereka menghadapi keadaan yang terdesak, menanggung kerugian, maka kerajaan akan dibebankan dan seolah-olah mereka tidak menanggung apa-apa risiko kerugian. Di waktu untung, mereka yang mengautkan keuntungan dan apabila mengalami kerugian, kerajaan dan rakyat dipaksa untuk menanggungnya. Ini keadaan yang sangat tidak wajar dan tidak adil dan inilah yang saya katakan tadi Belanjawan yang lebih memihak kepada kepentingan korporat berbanding dengan kepentingan majoriti rakyat jelata.

Di dalam peruntukan pembangunan yang ditunjukkan dalam agihan peruntukan pembangunan menunjukkan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar mendapat peruntukan yang agak rendah dibandingkan dengan masa-masa sebelumnya, sebelum ini. Saya ingin mendapat penjelasan apakah significant, apakah rasionalnya peruntukan Pembangunan Luar Bandar dikurangkan daripada masa-masa yang lalu sedangkan rata-rata kita mendengar rungutan tentang kemunduran pembangunan prasarana, kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik, bekalan telefon, masih sangat ketara ketinggalannya dalam kehidupan rakyat di luar bandar.

Baru-baru ini pun seorang wakil kerajaan dari Sarawak telah menyebut dalam ucapannya bahawa keadaan kawasannya sangatlah mundur dan tidak ada jalan raya yang baik, tidak ada kemudahan-kemudahan asas yang baik dan rakyat rata-rata di bawah paras kemiskinan. Ini dalam kawasan yang diwakili oleh Barisan Nasional. Saya tidak tahu apakah rasionalnya kerajaan mengurangkan peruntukan untuk pembangunan luar bandar. Apakah kerajaan hendak menutupkan kelas-kelas KEMAS ataupun kerana 32 kawasan yang

dimenangi oleh Barisan Alternatif adalah kawasan luar bandar. 27 dimenangi oleh PAS dan 5 oleh KeADILan adalah dalam kawasan luar bandar. Apakah kerana kawasan ini tidak dimenangi oleh Barisan Nasional, maka Barisan Nasional akan meminggirkan kawasan-kawasan ini daripada arus pembangunan.

Saya ingin memberi ingatan kepada kerajaan bahawa apa yang diucapkan oleh Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu, bahawa kerajaan akan melakukan pembangunan, pentadbiran yang telus dan tidak akan membiarkan penyelewengan berlaku, diskriminasi; ini akan menjadi kata-kata yang dikotakan. Bukan hanya kata-kata untuk menyedapkan telinga sahaja tetapi dalam amalannya tidak menepati dengan apa yang diucapkan. Sebab itulah agihan peruntukan pembangunan mestilah dilakukan secara adil dan saksama sama ada dalam kawasan yang dimenangi oleh parti Barisan Nasional ataupun dimenangi oleh parti Barisan Alternatif kerana kemenangan ini adalah merupakan kemenangan rakyat yang telah membuat pilihan mengikut hak-hak yang diberikan kepada mereka. Jadi, tidak wajar satu tindakan menghukum mereka dilakukan dengan tidak memberikan peruntukan pembangunan, setidak-tidaknya dalam peringkat prasarana pembangunan asas yang sangat diperlukan untuk rakyat .

Begitu juga dalam seruan, dalam ucapan Menteri Kewangan yang mengajak semua pihak bekerjasama untuk menguruskan pembangunan negara. Saya juga mengharapkan bahawa kenyataan ini juga akan menjadi satu kenyataan kerana Kelantan dan Terengganu yang tidak lagi dikuasai oleh Barisan Nasional tetapi semua orang memahami bahawa Kelantan dan Terengganu adalah sebahagian daripada negara Malaysia dan Kelantan dan Terengganu juga berhak mendapat peruntukan-peruntukan kewangan yang telah pun ditentukan mengikut garis-garis Perlembagaan dan juga amalan yang dibuat sebelum ini di mana semua negeri di bawah parti Barisan Nasional mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat sama ada peruntukan yang berbentuk geran yang ditentukan oleh Perlembagaan ataupun peruntukan-peruntukan yang berdasarkan kepada taraf pembangunan di negeri-negeri yang berkenaan.

Saya berharap amalan untuk melambat-lambatkan bayaran peruntukan ataupun pemberian peruntukan kepada negeri-negeri yang dikuasai oleh PAS, Barisan Alternatif seperti mana yang berlaku sebelum ini tidak akan berlaku lagi selepas Menteri Kewangan membuat satu kenyataan, saya percaya kenyataan itu juga adalah menggambarkan satu komitmen yang dibuatnya untuk melihat semua negeri di dalam negara kita serentak membangun dan tidak ada lagi dalam mana-mana bahagian di negara ini yang ketinggalan sekurang-kurangnya dalam pembangunan infrastuktur …

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sebentar tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada menyebut tentang harapan supaya Kerajaan Persekutuan tidak melenggah-lenggahkan pemberian di bawah Perlembagaan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri. Adakah Yang Berhormat bermaksud pemberian ini ditujukan khususnya kepada Kelantan dan Terengganu di mana setiap tahun selepas tahun 1990, Kerajaan Kelantan terpaksa menerima pemberian di bawah Perlembagaan ini, sentiasa boleh dikatakan di antara bulan November dan bulan Disember dan kadang-kala sampai ke bulan Januari tahun berikutnya. Adakah itu dimaksudkan oleh Yang Berhormat?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, itulah antara yang saya maksudkan dan sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang pertama selepas pilihan raya yang lalu bahawa sehingga mesyuarat itu diadakan pada bulan Disember, masih terdapat baki tanggungan yang semestinya diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada waktu itu masih belum dibuat pembayarannya. Sekarang ini pula Terengganu juga terlepas daripada Barisan Nasional, dan saya harap amalan melewat-lewatkan ataupun menangguh-nangguhkan pemberian wajib itu tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang kerana kerajaan juga komited dengan IT, dengan Information Technology, dengan

Teknologi Maklumat, dengan pentadbiran canggih, dengan apa yang di slogankan sebagai Kerajaan Elektronik, ini semua tidak akan berlaku lagi apa-apa kelewatan ataupun penangguhan dalam mengagih-agihkan hak-hak kepada semua negeri-negeri untuk kepentingan semua rakyat jelata yang ada di negeri-negeri itu.

Tadi saya telah sebutkan tentang apa yang diucapkan oleh Menteri Kewangan tentang prinsip pentadbiran yang telus dan bersih. Dan ini memanglah kita pun menyatakan bahawa kita sangat mengharapkan sebuah pemerintahan yang telus dan bersih. Dan ini tidak sahaja dalam bentuk ucapan tetapi mestilah di manifestasikan dalam tindakan-tindakan yang dapat dilihat terutamanya tentang tender-tender, tentang projek-projek besar dan keadilan dalam mengagihkan projek-projek itu, sama ada besar, sederhana ataupun kecil.

Saya difahamkan bahawa kerajaan telah mengkategorikan kontraktor-kontraktor bumiputera kepada kontraktor yang berwibawa dan yang tidak berwibawa. Bagi kontraktor-kontraktor yang berwibawa dalam beberapa tindakan yang pernah diambil sebelum ini, mereka akan dipanggil untuk memberi kontrak-kontrak tanpa mereka perlu menghadiri temu duga kerana kewibawaan mereka terbukti dalam menjalankan projek-projek sederhana atau kecil.

Tetapi apa yang berlaku selepas pilihan raya dan menjelang pilihan raya, terdapat runggutan daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berwibawa apabila projek-projek ini ada sebahagiannya diserahkan kuasa penentuan kontraktor-kontraktor ini kepada Menteri-menteri Besar UMNO, maka kontraktor-kontraktor yang dikategorikan sebagai kontraktor bumiputera yang berwibawa tetapi mempunyai hubungan dengan parti pembangkang diketepikan dalam pemberian projek-projek itu. Amalan ini saya berharap tidak akan diteruskan kerana ianya bercanggah dengan hasrat untuk mewujudkan pentadbiran yang telus dan bersih.

Satu perkara lagi yang diungkit-ungkit oleh kerajaan, khususnya oleh Menteri Kewangan dalam ucapannya bahawa negara kita Malaysia dalam memulihkan usaha-usaha pemulihan ekonomi tidak tunduk kepada kehendak-

kehendak IMF, tidak menerima pinjaman daripada IMF. Kita bersetujulah dasar ini, kalau kita boleh mengusahakan sendiri, kita usahakan sendiri, tanpa kita perlu kepada pertolongan orang lain tetapi apakah benar bahawa antara tujuannya, antara alasan yang diberikan bahawa kita tidak mahu negara kita dijajah semula, kita tidak mahu aset-aset negara kita yang dibina semenjak merdeka terlepas ke tangan orang lain apabila kita menerima dasar-dasar yang ditentukan oleh IMF.

Bukan sahaja IMF yang menentukan dasar-dasar yang bercanggah dengan kepentingan nasional, dengan kepentingan negara tetapi juga Malaysia terlibat di dalam menyatakan persetujuan dengan WTO yang juga mempunyai suatu kedudukan, status yang tidak mempedulikan lagi tentang kedaulatan negara-negara yang merdeka dan Malaysia telah menandatangani WTO ini, apakah sekarang ini negara kita atau kerajaan boleh menganggap dirinya bebas daripada syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam WTO dan juga dalam Bank Dunia dan alasan untuk tidak mahu negara kita dijajah semula, memang kita semua tidak mahu negara kita dijajah semula, dengan tidak mengambil bantuan daripada IMF menjamin bahawa aset negara kita tidak terlepas ke tangan orang lain.

Kadang-kadang sindiran dibuat kepada negara-negara jiran bahawa dengan mereka menerima bantuan IMF, mereka telah seolah-olah menggadaikan atau menyerahkan aset negara mereka kepada kuasa-kuasa asing. Sedangkan kita tahu bahawa Danaharta yang mengambil alih NPL yang telah melelong aset dalam tender yang kedua, saya difahamkan dan kita perlu mendapat jawapan dan penjelasan daripada kerajaan, dalam tender yang kedua syarikat-syarikat yang memenangi kesemua tender-tender Danaharta di dalam melelong aset-aset cagaran NPL ini dimenangi oleh syarikat-syarikat asing. Tidakkah ini bermakna bahawa pemilikan aset negara telah berpindah kalau tidak seluruhnya tetapi sebahagiannya juga telah berpindah kepada pemilikan asing. Tidakkah ini berlawanan dengan laungan-laungan dan slogan-slogan yang disebutkan sebelum ini dan sampai sekarang bahkan kalau kita melihat syarikat-syarikat besar yang beroperasi dalam negara kita adalah syarikat-syarikat asing, syarikat-syarikat dan industri-industri yang tumbuh di

Pulau Pinang adalah milik syarikat-syarikat asing. Bahkan syarikat-syarikat nasional yang besar-besar seperti TNB, TMB, MAS telah pun membuka sahamnya untuk dibeli oleh syarikat-syarikat asing, oleh British Telecom umpamanya dan sebagainya lagi dan tidakkah ini juga merupakan amalan mendedahkan aset negara kepada kuasa-kuasa asing.

Jadi dan sekaligus memperlihatkan tidak adanya konsistan dalam kenyataan-kenyataan yang dibuat dengan amalan-amalan yang dilakukan. Sebab itulah kita perlu mendapat penjelasan daripada kerajaan dan bagaimana kedudukan yang sebenar dalam isu-isu yang melibatkan pemilikan asing ke atas aset ataupun harta dan khazanah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan nampak berbangga apabila menyebutkan tentang kadar kemiskinan yang semakin menurun, kadar inflasi yang semakin menurun dan kita pun memanglah kalau dalam Barisan Alternatif, dalam manifesto kita, dalam belanjawan yang kita kemukakan juga, kita bertekad menyatakan komitmen kita untuk menurunkan kadar inflasi sampai ke, membawa kepada sifar inflasi dan juga kadar kemiskinan terutamanya untuk menghapuskan semua sekali kemiskinan mutlak. Tetapi walaupun kadar kemiskinan, kadar inflasi negara kita telah turun ke paras 3% tetapi dia bukanlah merupakan negara yang paling rendah inflasi. Singapura umpamanya menunjukkan, mencatatkan bahawa kadar inflasi adalah dijangka turun dalam tahun 2000 ini kepada 1%. Walaupun Malaysia juga menunjukkan arah, ke arah turun kepada 3% tetapi bukanlah Malaysia negara kita merupakan negara yang terendah sekali kadar inflasinya tetapi ianya boleh diturunkan lagi dengan mengurangkan defisit perbelanjaan.

Begitu juga dengan kadar kemiskinan. Ini satu perkara yang harus kita realistik iaitu adil dalam meletakkan kayu ukur garis kemiskinan itu dengan meletakkan garis kemiskinan di paras yang sama antara semua kawasan penduduk, bandar dan luar bandar, bandar besar dan bandar kecil, Semenanjung dan Sabah, Sarawak. Ini tidak akan memberikan satu gambaran yang sebenar tentang taraf kemiskinan di negara kita.

Rakyat bukan saja sekarang ini perlu memperoleh pendapatan untuk makan dan minum dan pakai dan tidur tetapi juga rakyat memerlukan

perbelanjaan untuk pendidikan, untuk kesihatan dan untuk keperluan-keperluan asas yang lain. Oleh kerana itu, dalam meletakkan satu ukuran kepada kemiskinan ini, perkara-perkara ini perlu diambil kira.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Melambatkan ucapan saya Datuk. Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Soal kemiskinan. Laporan-laporan mutakhir menyatakan bahawa kadar kemiskinan di negeri-negeri telah pun menurun tetapi ada juga negeri-negeri yang kadar kemiskinannya itu tidak jauh berubah sejak sepuluh tahun yang lalu. Jadi apakah Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang menyedari bahawa kadar kemiskinan kadangkala ada kaitan dengan dasar pemerintahan sesuatu negeri umpamanya kadar kemiskinan yang tinggi di Kelantan. Jadi saya mohon penjelasan sedikit. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan terakhir Kementerian Luar Bandar menunjukkan kadar kemiskinan di Kelantan telah turun dengan besar, dengan drastik berbanding dengan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu kita tidak boleh sama ratakan tentang garis kemiskinan antara penduduk Kuala Lumpur dengan penduduk di Sri Gading umpamanya. Barangkali kadar kemiskinan di Sri Gading boleh kita terima pada kadar RM425. Pendapatan yang di bawah RM425 itu bolehlah dikirakan pendapatan bagi sebuah keluarga yang miskin tetapi di Kuala Lumpur mungkin RM750 pun masih lagi dikira sebagai pendapatan di bawah paras kemiskinan. Oleh kerana itu angka yang ditunjukkan tentang menurunnya kadar kemiskinan ini masih boleh dipertikaikan.

Oleh kerana itulah saya mengharapkan supaya satu sikap yang lebih realistik dan pragmatik dibuat supaya kita dapat memberi suatu gambaran tentang kemiskinan ini tentang kadar kemiskinan ini dengan cara yang lebih

baik, yang lebih saksama dan lebih tepat supaya peruntukan-peruntukan untuk memberi pembelaan kepada golongan rakyat yang termiskin dan yang miskin ini dapat diberi dengan lebih besar lagi memandang kepada kedudukan golongan yang termiskin yang tidak sangat berkurangan, jika diambil kira faktor-faktor perbedaan tempat tinggal dan juga perbelanjaan-perbelanjaan setempat. Kalau kita mengambil garis kemiskinan di bawah paras RM425 atau RM450, kita percaya ramai dari kalangan kakitangan kerajaan 'yang' rendah ketika mereka mula diambil bekerja juga berada di bawah paras kemiskinan ini. Sebab itulah kita harapkan supaya kerajaan dapat menetapkan kadar gaji yang minimum bagi semua pekerja-pekerja, bagi semua pekerja-pekerja sama ada dalam sektor awam, kerajaan ataupun sektor swasta. Sebab kita juga mendapat aduan-aduan dari pekerja-pekerja ladang yang menghantar memorandum-memorandum, daripada pekerja-pekerja kilang yang mengadu bahawa mereka dibayar gaji yang sangat rendah. Mereka dibayar gaji sekitar RM300 atau RM320 sebulan ertinya gaji mereka, pendapatan mereka di bawah paras kemiskinan yang ketara.

Oleh kerana itulah kita mendesak supaya kerajaan dapat menimbang untuk membuat satu polisi mengenai dengan dasar gaji yang minimum paling kurang RM750 ataupun seperti mana yang dituntut kalau dapat untuk memberi gaji minimum RM1000 atau RM1200 kerana keperluan hidup bagi bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Seremban, Ipoh, Pulau Pinang ini sudah tentu tidak boleh disamakan di bandar kecil seperti di Sri Gading.

Begitu juga dengan Tuan Yang di-Pertua, golongan pekerja menyuarakan tentang tuntutan untuk kesatuan-kesatuan sekerja menyuarakan tuntutan untuk menaikkan umur persaraan kerana umur 55 tahun ini sekarang ini bagi rakyat Malaysia ini boleh dianggap masih cerdas, masih mampu bekerja bahkan ada pegawai-pegawai kerajaan yang telah mencapai umur persaraan 55 tahun diberi lagi sambungan kerja, apa lagi bagi kakitangan ataupun pekerja-pekerja yang tidak banyak melibatkan penggunaan fizikal seperti pensyarah-pensyarah di universiti-universiti. Walaupun kerja-kerja yang melibatkan mental ini juga membawa kesan kepada fizikal tetapi kita

merasakan bahawa usia oleh kerana kerajaan juga pernah mengumumkan usia hayat bagi rakyat Malaysia sekarang sudah meningkat kepada lebih daripada 73 tahun. Lebih 55 tahun itu rasanya usia yang masih muda dan mereka masih berkeupayaan untuk meneruskan kerja-kerja mereka. Apa salahnya kerajaan menimbang supaya umur persaraan itu dapat ditingkatkan kepada 58 tahun kalaupun tidak kepada 60 tahun.

Jadi ini juga akan membantu mengurangkan perbelanjaan untuk pesara-pesara ataupun melambatkan pembayaran persaraan dan juga untuk memberi peluang yang lebih kepada rakyat Malaysia untuk terus memberi khidmat bekerja dengan pengalaman-pengalaman mereka untuk membantu negara dalam mencapai tahap pembangunan yang lebih baik.

Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa apa rasionalnya kerajaan mengurangkan peruntukan pembangunan luar bandar. Apakah - tadi telah saya sebutkan apakah kerana 32 kerusi kawasan Parlimen luar bandar dimenangi oleh Barisan Alternatif ataupun kerana kerajaan memang sengaja hendak menumpukan perhatian kepada pembangunan multimedia ......

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Budget yang dibentangkan hari Khamis yang lalu ialah budget yang telahpun- minta maaf, Jumaat yang lalu, minta maaf.*[Disampuk]* Budget yang dibentangkan pada 25 haribulan, Jumaat yang lalu ialah budget yang dibentangkan pada bulan Oktober tahun 1999 sebelum pilihan raya. Maknanya saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang maknanya budget itu tidak ada kaitan dengan sama ada kerusi pembangkang di luar bandar bertambah ataupun tidak, kerana dia dibuat lebih awal sebelum pilihan raya. Jadi saya harap Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang dapat menjelaskan maknanya budget ini tidak ada kaitan dengan sama ada kerusi pembangkang di luar bandar itu lebih banyak maka budget di luar bandar dikurangkan kerana dia berlaku sebelum pilihan

raya berlaku. Keputusan belum tahu kerana pilihan raya kita ialah pada bulan November. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada wakil Sri Gading yang memberi jawapan bagi pihak Menteri Kewangan, walaupun saya percaya dia tidak diberi mandat oleh Menteri Kewangan untuk menjawab. Mudah-mudahan ada kosong lagi dalam Kementerian Kewangan, boleh lantik beliau jadi Menteri Kewangan, kedua atau ketiga pula.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan kerana itu kalau tidak ada hubungan, tidak ada hubungan dengan keputusan yang dibuat oleh rakyat dalam 32 kawasan ini maka saya berharap kita tahu bahawa pemimpin-pemimpin kerajaan selalu menyebutkan ada peruntukan-peruntukan untuk ahli-ahli parlimen yang dibuat untuk meluluskan projek-projek pembangunan dalam kawasan parlimen. Menjelang pilihan raya diberikan peruntukan sampai RM500,000 bagi seorang bagi satu kawasan parlimen untuk ahli parlimen di kawasan itu bahkan difahamkan di Kelantan kerajaan telah memberi sehingga RM1 juta bagi satu kawasan.

Jadi saya berharap bahawa peruntukan-peruntukan pembangunan melalui wakil-wakil rakyat ini juga akan disamaratakan untuk semua kawasan dan tidak ada diskriminasi dalam peruntukan ini. Kami sebenarnya bukan meminta kami diberi kuasa untuk meluluskan projek-projek pembangunan di kawasan itu tetapi kami mahu peruntukan itu diberikan, disediakan dan pihak pengurusan, pihak pentadbiran kerajaan dapat menggunakan peruntukan itu untuk memenuhi tuntutan-tuntutan rakyat dalam kawasan-kawasan yang kami wakili sebab keperluan dalam kawasan-kawasan itu sangat mendesak kerana 42 kawasan dan 32 daripadanya kawasan luar bandar yang dimenangi oleh PAS dan keADILan ini adalah kawasan yang sangat dianggap ketinggalan sepanjang lebih atau hampir 40 tahun dikuasai oleh Perikatan dan Barisan Nasional kemudiannya.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan perumahan rakyat. Saya mengharapkan bahawa untuk pembangunan perumahan untuk rakyat miskin, untuk rakyat yang berpendapatan rendah.

Saya mengharapkan bahawa projek-projek perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah dilaksanakan oleh kerajaan. Kerajaan mesti mengambil tanggungjawab sendiri untuk membina, untuk membangunkan perumahan awam bagi rakyat yang berpendapatan rendah yang menjanjikan keadaan yang selesa bukan sahaja dari segi kawasan perumahan itu tetapi juga dari segi kos ataupun harga rumah yang hendak dibangunkan itu supaya projek perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah dapat dimilikki oleh semua mereka yang berpendapatan rendah dan tidak melibatkan dengan pinjaman-pinjaman yang mengenakan bayaran interest yang tinggi tetapi ianya harus diambil tanggungjawab oleh kerajaan dengan mempastikan bahawa harganya berpatuttan dan tidak membebankan rakyat dengan kadar faedah yang tinggi.

Perkara yang akhir yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan pembelaan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dan tidak mendapat apa-apa pampasan. Apabila pekerja-pekerja yang bekerja dengan syarikat-syarikat dan kebelakangan ini banyak kita mendengar terdapat ramai pekerja syarikat, pekerja-pekerja kilang yang diberhentikan dan mereka merayu, merungut kerana mereka tidak diberi pampasan yang wajar, pekerja-pekerja estet umpamanya. Jadi, ‘dengan, apabila’, walaupun ada perjanjian tetapi apabila kerajaan cuba hendak ‘mengenal’, menguatkuasakan perjanjian itu mereka menjawab bahawa mereka sudah tidak ada apa-apa lagi, perniagaan mereka rugi, kilang mereka terpaksa ditutup, bagaimana mereka hendak membayar gantirugi kepada bekas-bekas pekerja mereka. Ya, kerajaan tidak boleh buat apa-apa kerana memang mereka itu telah rugi. Jadi, oleh kerana itu untuk membantu menyelamatkan pekerja-pekerja sama ada di estet, di ladang-ladang atau di kilang-kilang dalam sektor swasta yang bukan sektor awam, maka kerajaan seharusnya menubuhkan satu dana pemberhentian kerja untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan secara mengejut oleh sebab sesuatu keadaan yang menimpa syarikat-syarikat yang berkenaan atau ladang-ladang yang berkenaan maka pekerja-pekerja itu akan terus mendapat pembelaan daripada tabung pemberhentian kerja ini. Kerajaan wajar memperuntukkan sejumlah wang untuk tabung ini kerana kerajaan telah banyak membelanjakan wang dari KWSP, dari wang Tabung Haji, dari

SOCSO dan lain-lain tabung untuk membantu korporat-korporat besar yang besar yang mengalami masalah kewangan di waktu berlakunya krisis ekonomi dan mereka adalah merupakan golongan minoriti sedangkan pekerja-pekerja ladang, pekerja-pekerja kilang, industri-industri, mereka adalah merupakan golongan yang terbanyak dalam negara kita dan kerajaan semestinyalah prihatin kepada masalah yang mereka hadapi apabila mereka diberhentikan kerja secara mengejut dan mereka tidak mendapat apa-apa pampasan dan bukan mudah pula bagi mereka untuk mendapat pekerjaan yang lain dalam tempoh yang terdekat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa pandangan dan saranan-saranan yang saya kemukakan itu, saya harap akan mendapat perhatian yang wajar daripada kerajaan. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambun.

**3.10 ptg**

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya tidak perlu menyentuh ucapan Ketua Pembangkang. Sebenarnya banyak perkara yang beliau sentuh terdapat dalam Laporan Ekonomi serta laporan-laporan lain yang telah dibekalkan oleh kerajaan semasa pembentangan Belanjawan lalu, saya ingat mungkin beliau tidak sempat untuk membaca kerana saya pun tidak sempat untuk membacanya.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja secara spesifik. Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan berjumlah RM78 bilion bagi tahun 2000. Saya ingin membaca *Hansard* pada tahun 1960an semasa membahaskan Belanjawan pada tahun tersebut. Ketika itu ramai Ahli-ahli Parlimen yang menyuarakan rasa bangga kerana buat pertama kali dalam sejarah negara, Belanjawan mencecah angka lebih daripada RM100 juta. Bila saya bandingkan dalam tempoh tiga puluh tahun lebih sekarang ini dan RM78 bilion Belanjawan bermakna peningkatan sebanyak 78,000% daripada tahun 1960an ini mencerminkan bahawa negara kita telah mencapai satu tahap

pembangunan yang cukup tinggi secara relatif dan komperatif berbanding dengan banyak negara.

Saya juga menyokong tentang pecahan Belanjawan tersebut, saya dapati bahawa dari segi pecahan untuk tujuan ekonomi - 19.4%, sosial - 32.1%. Malahan dari segi sosial, sebanyak 20% adalah untuk tujuan pendidikan. Maka tidak benar kalau kita katakan bahawa Belanjawan ini menuju kepada kepentingan golongan korporat - sosial - 32%, pendidikan - 20%. Bermakna kerajaan prihatin bagi menyediakan aset dalam bentuk sumber manusia untuk masa akan datang dan tumpuan itu diberikan dan mengapa juga tumpuan diberikan kepada sektor korporat telah saya huraikan semasa saya membentangkan Usul Titah Ucapan Diraja, bahawa semasa ekonomi jatuh dahulu pada bulan awal 1998 dalam keadaan ekonomi, kadar KDNK kita negatif. Malahan pada tahun 1999, tidak silap saya, negatif sampai 7.5%. Tetapi pada tahun 1998 semasa penurunan yang begitu merudum, begitu mendadak, kilang terpaksa mengurangkan kapasiti pengeluaran. Dengan itu ramai pekerja yang diberhentikan.

Mengikut analisis, banyak badan termasuk MIER, sekiranya tidak ada pertumbuhan ekonomi, sekiranya masalah ekonomi itu berterusan pada 31 Disember 1998 sekurang-kurangnya 500,000 pekerja akan diberhentikan. Bermakna sektor swasta ini adalah sektor yang penting. Ia pencetus kepada pembangunan. Pembangunan bermaksud memberi pekerjaan. Memberi pekerjaan bermaksud mendapat gaji, gaji untuk semua orang. Kita membicarakan soal ketidakadilan dari segi pengagihan pendapatan. Perkara ini banyak kali saya dengar di Parlimen ini tetapi tidak pernah saya dengar statistik mengenai dengan pengagihan ini. Ini satu tuduhan. Benar atau tidak, tidak ada statistik. Malahan jika saya melihat kepada statistik negara-negara maju, pengunjurannya begitu menumpu kepada pihak atasan Malah dalam pembentangan Usul tempoh hari saya menyatakan di peringkat universal, peringkat global, 225 manusia terkaya dalam dunia memiliki aset sebanyak USD1 trilion bersamaan dengan aset yang dimiliki oleh lebih satu bilion manusia. Jadi, begitu keadaan yang tidak seimbang. Jadi, di negara kita ini keadaannya tidak begitu.

Dari segi keluarga, di negara kita ada seramai, sebanyak tiga juta sembilan ratus lima puluh enam ribu satu ratus sembilan puluh empat (3,956,194) keluarga. Dari segi pengagihan, pendapatan mengikut keluarga, yang mendapat pendapatan kurang daripada RM150 sebulan - 0.8%. Yang mendapat kurang daripada RM1,000 - 35%, hingga antara RM1,000 - RM2,000 sebulan - 32.7%, RM2,000 - RM5,000 - 25% dan melebih RM5,000 sebulan - 6.7%, ini angkanya.

Jadi, saya sebagai Ahli Parlimen dan salah seorang daripada satu ratus sembilan puluh tiga orang Ahli Parlimen yang dianggap sebagai pemimpin tertinggi dalam negara ini saya rasa tidak elok kalau kita mendengar sesuatu tuduhan yang tidak mempunyai fakta-fakta. Ini Parlimen, Parlimen inilah yang akan menyediakan, menggubal undang-undang, menyediakan Belanjawan. Ia mesti berasaskan kepada fakta, barulah kita dapat merangka satu usaha pembangunan yang dapat memberi manfaat kepada semua pihak baik daripada yang menyokong kerajaan mahupun yang tidak menyokong kerajaan.

Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan terutama dalam pendidikan - 20% daripada Belanjawan diluluskan.

Saya amat tertarik hati dengan prestasi eknonomi. Seperti mana saya nyatakan tahun lalu kita merasa begitu bimbang, takut kerana KDNK kita jatuh bawah daripada negatif 8%, kalau tidak silap saya negatif 7.5%. Tahun lalu kita jangka tahun ini kita dapat perolehi dalam 4% lebih sedikit, sekarang kita perolehi pertumbuhan KDNK 5.4%. Dan lebih membanggakan kita apabila hasil pendapatan negara, pada tahun ini dijangka diperolehi sebanyak RM58.7 bilion dan insya-Allah pada tahun hadapan sebanyak RM61.8 bilion. Bermakna kita akan mencapai tahap sepertimana yang kita perolehi pada tahun 1997 sebanyak RM65.7 bilion. Pentingnya hasil pendapatan ini daripada sudut untuk membiayai perbelanjaan negara. Bermakna kalau hasil pendapatan negara kita tinggi, dengan perbelanjaan yang ditetapkan tahun ini sebanyak RM78 bilion maka defisit itu jadi kurang. Defisit ini tidak harus dilihat dengan penuh kebimbangan kerana ia mempunyai peranan. Jikalau kerajaan tidak berbelanja, katalah pada tahun

ini kerajaan membuat keputusan untuk menetapkan perbelanjaan sebanyak RM50 bilion. Kerajaan boleh buat, tidak ada masalah. Buat RM50 bilion, hasil pendapatan RM58 bilion dapat surplus sebanyak RM8 bilion, tidak ada masalah. Tetapi kita semua berkehendakkan negara kita mencapai pertumbuhan ekonomi. Bagaimana pertumbuhan ekonomi hendak berlaku jikalau kita tidak berbelanja? Tadi, Ketua Pembangkang bertanya tentang soal permintaan negara dalam ini ada *[Membaca dari buku]* "*permintaan agregat*" *ada sini.* "*Kalau dari segi eksport barangan 47.3%, penggunaan swasta - 24.6%,…*" semua ini ada. Kalau tidak dibelanja bermakna tidak ada wang untuk perbelanjaan, ekonomi tidak akan dapat dipergiatkan. Jikalau tidak dapat dipergiatkan bagaimana boleh kita mendapat pertumbuhan sebanyak 5.4%. Ada kemungkinan pertumbuhan tidak dapat langsung diperolehi. Jadi dengan itu kita perlu berbelanja lebih pada tahun ini. Tetapi kita mempunyai defisit, defisit tidak apa, kita berhutang, hutang ini mesti dilihat daripada sudut debt service capability negara. Adakah negara kita mampu membayar atau tidak? Pada masa ini, insya-Allah, negara kita mampu membayar. Kalau mampu membayar kita boleh berhutang supaya ia merancakkan ekonomi. Bukan tujuan kita berhutang untuk tujuan-tujuan yang tidak baik.

Jadi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana telah menghasilkan pertumbuhan yang amat membanggakan kita. Saya hendak guna satu peribahasa Cina, bukan dalam Bahasa Cina tetapi dalam bahasa Inggeris dengan izin, *the glory is not in never failing but in rising every time you fall.* Jadi saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Saya berharap tahun hadapan kita akan mencapai pertumbuhan pada kadar 8% setahun. Saya harap dasar pertumbuhan dan dasar kerajaan inginkan kepada pertumbuhan, keuntungan daripada berbagai sektor ini dapat berlaku kerana ia mempunyai effect multiplier. Di mana saya katakan tadi dari segi pekerjaan bertambah, gaji bertambah dan ini akan merancakkan serta mempergiatkan ekonomi kita dan kita akan mencapai satu pertumbuhan yang seperti sediakala seperti mana yang diterangkan oleh Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah hampir kepada sebelum tahun 1998, maknanya hampir kepada tahun 1997 dan selepas itu boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan

yang lebih besar. Dan lebih meyakinkan lagi kerana asas-asas pembangunan sekarang sudah kukuh.

Kita terima hakikat akibat daripada serangan spekulator mata wang, ekonomi kita merosot dan berlaku pengaliran keluar modal daripada pasaran saham Kuala Lumpur dan kita dapati kebanyakan daripada peniaga kita menyandarkan saham kepada bank oleh kerana nilai saham jatuh maka bank panggil margin dan ini mencetuskan kesan sismetik kepada ekonomi kita dan seterusnya merosot. Dan kita dapati juga akibat daripada kejatuhan tersebut ada kelemahan-kelemahan dalam institusi kita. Dan ini ada saya terangkan dalam ucapan saya pada 23 Mac 1998 di mana saya menyatakan, "mengikut ramalan perubahan akan berlaku dengan lebih pantas pada abad ke-21. Krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang baru merupakan secebis daripada apa yang dijangkakan akan kita hadapi pada abad ke-21." Kita boleh menganggap krisis ekonomi sekarang sebagai merupakan ujian bagi mempersiapkan dan melengkapkan diri kita dengan kekuatan mental, fizikal dan spiritual bagi menghadapi cabaran getir abad ke-21. Jadi pembetulan-pembetulan ini telah kita lakukan. Sektor perbankan telah melalui proses penstrukturan, begitu juga dengan sektor korporat dan kedua-dua sektor ini penting seperti mana saya nyatakan tadi sebagai enjin untuk pertumbuhan ekonomi untuk meraih hasil pendapatan yang lebih tinggi bagi negara. Bila dapat pendapatan yang tinggi, kita tidak lagi akan meminjam daripada negara luar ataupun daripada pihak-pihak mana sekalipun dan ini akan dapat memberi kesejahteraan kepada seluruh rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk…

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan analisa yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi. Cuma ada beberapa pemerhatian yang saya minta komen daripada Yang Berhormat. Yang pertamanya ialah sifat ataupun kedatangan pelabur-pelabur jangka pendek. Investor yang datang sekarang ini

adalah seolah-olah kedatangan mereka ialah kedatangan round kedua yang kalau kita tidak mengambil tindakan yang sistematik dan segera kita akan mengulangi sejarah krisis yang telah kita lalui. Itu yang pertama.

Yang keduanya ialah soal di antara sebab kenapa kita mengalami krisis kewangan yang teruk ialah kerana kita telah membuat investment, over investment iaitu 10% lebih daripada KDNK kita sendiri dan juga kerana berlakunya over gearing. Jadi dengan izin saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Pertama kali saya mendengar yang pembangkang bersetuju dengan exit tax. Itu sebabnya kita ada exit tax. Bermakna kawalan modal untuk kita menjaga environment ekonomi di negara kita kerana kita sebenarnya sedar apa Yang Berhormat katakan telah kita bangkitkan. Jikalau kita tidak buat sebarang halangan pada masa itu datang sekali lagi wang pelaburan daripada luar dan kemudian keluar daripada negara kita akan mencetuskan satu keruntuhan yang amat dahsyat. Kita perlu ingat pada masa itu modal KLSE dalam lingkungan RM800 bilion hingga RM900 bilion sekali keluar modal asing nilainya terus turun kepada RM300 bilion. Satu kejatuhan, satu malapetaka besar yang kita hadapi. Dan kita tidak mampu untuk menghadapinya sekali lagi. Itu sebabnya kita mengadakan kawalan modal untuk menyekat akan supaya kemasukannya tidak begitu berlaku dalam jangka pendek dan kita berharap bahawa apa yang kita hadapi pada masa lalu tidak akan berlaku lagi.

Sebenarnya dari segi krisis ekonomi ia mempunyai berbagai dimensi. Pertama, dari segi kesan jangkitan. Kesan jangkitan ini real, bukan suatu yang kita sengaja mengada-ngadakan. Kalau kita lihat dari segi krisis ekonomi ia dihadapi bila berlaku serangan di Latin Amerika, dia melibatkan semua negara di Latin Amerika. Bila diserang kepada Eropah Timur semua terlibat dan negara-negara Asia semua juga terlibat. Dan apabila berlaku serangan-serangan tersebut akibat daripada kejatuhan nilai mata wang, pengeluaran dan pengaliran modal dan sebagainya barulah kita nampak kesan-kesan yang Yang Berhormat kata over investment dan sebagainya. Itu memang betul. Dari satu segi memang betul tetapi bukan pencetus utama. Pencetus utamanya adalah

apabila berlaku serangan. Kalau Yang Berhormat lihat dalam Internet apa yang berlaku pada masa itu dari sudut syarikat-syarikat yang melabur, funds management company ini kita tengok macam mana dia buat positioning dia beli Thai Baht dia release dan sebagainya. Baru kita faham akan apa sebenarnya yang berlaku. Saya ucap terima kasih atas pandangan Yang Berhormat itu.

Saya ingin menyentuh tiga perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pertama tentang pemulihan ekonomi. Kita begitu rancak melakukan pemulihan ekonomi. Saya berharap bahawa tumpuan kita tidak semata-mata kepada pemulihan ekonomi. Kita juga mesti merancang untuk pertumbuhan seterusnya terutama dari segi perancangan jangka panjang. Saya sentuh perkara ini kerana saya lihat dalam proses globalisasi ini ada peluang-peluang yang boleh kita perolehi dengan kedudukan kita, dengan kebolehan yang ada pada diri kita. Saya lihat di Asean ini, kita ada negara Thailand, Indonesia, Singapore antara giant di Asean. Philipine dia tidak pernah take off, dia di situ sahaja peringkat pertumbuhannya. Daripada tiga negara ini yang paling berpotensi saya nampak negara kita.

Saya banyak membaca artikel-artikel daripada pelabur luar. Pada peringkat awal saya menjangka Singapura begitu menarik kepada mereka. Akhirnya mereka itu bukannya menarik sangat kerana Singapura itu begitu rigid. Bila kita datang awal tengok bangunan yang tinggi kita rasa bangga, kemudian selepas lima jam kita bercakap dengan orang-orang Singapura kita rasa begitu rigid, sampai hendak pakai kasut apa pun dia beritahu. Dia tidak begitu flexible macam kita. Saya lihat Thailand. Saya rasakan Thailand mempunyai potensi. Tetapi Thailand telah membuat satu kesilapan yang begitu ketara. Apabila Thailand hendak melaksanakan dasar pembangunan perindustrian macam kita, Thailand membuat kesilapan kerana dia menumpukan kepada pertumbuhan kawasan perindustrian menarik masuk banyak pelabur-pelabur sampai lupa kepada pentingnya insfraktruktur. Pelabur banyak masuk industri banyak, barang banyak tidak boleh hendak bawa keluar kerana lebuh rayanya tidak hebat, pelabuhannya tidak hebat,

penerbangan udaranya juga tidak hebat. Jadi sudah jadi bottle neck dan ini tidak menarik kepada pelabur asing. Indonesia saya dapati menghadapi masalah yang cukup rumit. Ekonomi Indonesia sudah kepada paras yang begitu rendah dan perlu kepada pertolongan.

Saya turut dapat berbincang dengan beberapa orang pelabur dari luar dan juga pelabur kita dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jadi pergi ke Indonesia kerana ini akan membuka satu lembaran baru kepada masa hadapan negara kita dari segi sebenarnya peluang-peluang di Indonesia ini boleh diperolehi ataupun kita boleh dapat keuntungan daripada peluang-peluang di Indonesia. Daripada apa yang saya perolehi melalui perbincangan dengan banyak pihak, Indonesia mempunyai budaya yang sama dengan kita. Kemasukan pelabur daripada Amerika dan Eropah…

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** …nanti kejap. Bagan Datoh memang saya tahu pakar ekonomi. Okay, okay.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun, sahabat saya satu kelas ini, dulu pun memang pandai dalam bidang ekonomi, tambah beri peluang duduk dalam Dewan ini memang dia jaguh dan hebatlah. Jadi sebelum dia pergi jauh masuk ke Indonesia, saya harap dia tidak masuk Jawa. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Tambun tadi ada membuat kajian perbandingan tentang pencapaian cemerlang negara kita berbanding dengan negara-negara jiran yang lain dan perbandingan ini tentulah merujuk kepada beberapa fakta dan juga perangkaan-perangkaan yang telah dianalisis oleh pakar-pakar ekonomi dalam dan luar negara.

Soalnya, kenapakah pakar-pakar luar negeri sering merujuk Malaysia sebagai satu model baru di dalam pembangunan, ekonomi dan mampu untuk menggarap dan memacu serta menerobos keluar dari kepompong himpitan cengkaman ekonomi yang begitu hebat. Tetapi faktor-faktor dalam negeri masih tidak mengakui dan tidak mengiktiraf pencapaian cemerlang dan penerobosan keluar ekonomi yang bobrok dulu. Meminjam kata-kata sahabat daripada Indonesia kerana saya fikir kalau Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri akan melawat ke Indonesia tidak patut kalau Yang Berhormat bagi Tambun tidak dibawa serta dalam rombongan berkenaan. *[Tepuk]* Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun dalam perkara itu sebelum saya juga masuk ke Indonesia bersama dengan beliau. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Memang rakan sayalah, Tuan Yang di-Pertua, Bagan Datoh ini. Sebenarnya dari segi analisis saya, pertama sekali kita tidak perlu meminjam analisis orang luar untuk digunakan dalam negara kita. Kita mempunyai kebolehan. Kalau kita lihat yang luar kita buat analisis dia, kemudian kita buat analisis kita dan kita bentang mengikut analisis kita. Di luar sebenarnya ada dua penganalisa, satu, yang nampak kebaikan kita dan satu tidak nampak yang baik. Yang tidak baik ini saya panggil sebagai brand terrorist.

Kalau kita lihat dalam *CNN*, dalam *Asia Wall Street Journal* dia begitu bias memperlekehkan Asia dan termasuk negara kita. Kadang-kadang bila saya naik kapal terbang di lapangan terbang, kapal terbang luar termasuk jiran, ini yang dikatakan brand terrorist ini. Tiba di lapangan terbang dia akan buat pengumuman bahawa kita tidak dapat untuk pergi ke tempat berhenti itu kerana diberitahu bahawa traffic sekarang banyak dan kita akan lewat keluar daripada kapal terbang. Ini adalah brand terrorist, cara yang begitu halus propaganda supaya orang nampak negara kita ini leceh. Perkara ini sebenarnya berlaku. Kalau saya tunjukkan analisis saya cukup banyak perkara ini tetapi sekadar untuk saya memberikan contoh sahaja.

Yang Berhormat bagi Bagan Datoh tadi menyatakan mengapa pula orang dalam, saya tidak tahu sebabnya. Tetapi saya pernah menyatakan dalam Dewan ini semasa saya pergi ke University of Chicago saya berbincang dengan Provos di sana, dia menunjukkan kepada saya satu laporan. Laporan dia bertajuk The Negative People. Dan dia membuat ranking dari segi orang-orang yang negatif, the negative people - orang-orang yang negatif. Manusia ataupun ras yang paling negatif dalam dunia ini ialah orang Red Indian. Saya pergi ke reservation Red Indian kita dapati kerja dia apa, dia minum, dia antisosial, dia tidak mahu pergi sekolah, tidak mahu belajar, mati cepat

kerana minum banyak. Kategori kedua, the Malay, orang Melayu - negatif, hendak buat ini ada sahaja yang tidak kena.

Saya rasa politik di negara ini bukan berpunca daripada masalah orang Cina atau bukan Melayu. Masalahnya orang Melayu, *they are so negative*, dengan izin. Semua tak kena, sampai yang betul pun kita tidak nampak. Inilah masalahnya dan apabila saya melihat kepada apa yang dikatakan oleh profesor yang pada awalnya saya tidak bersetuju tetapi apabila saya lebih lama dalam politik saya mengenali, saya juga pergi jumpa students, saya nampak, kalau dari segi students, kita tengok soalan pun kita tahu. Kalau studen Cina akan tanya kepada kita "Yang Berhormat sebagai…..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti kejap, nanti kejap biar saya habis dulu. "Yang Berhormat, saya ingin bertanya, Universiti Malaya ini adalah universiti yang nombor 27 di Asia. Saya sebagai seorang student bagaimanakah harus saya lakukan supaya universiti ini jadi nombor 1 dalam Asia. Universiti Singapura nombor 7 dia kata. Kemudian orang India pula bertanya saya, sifat saya sebagai Pengerusi Badan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, "Yang Berhormat, saya ini belajar banyak kuat, besok sudah habis, ada kerjakah?" Kemudian yang Melayu saya dengar, mengapa tidak boleh politik, itu sahaja.

Itu sebab saya selalu menceritakan tentang Indian Institute of Technology kerana kepada orang-orang ini yang masuk Indian Institute of Technology perjuangannya ialah untuk politik India. Jadi cita-citanya untuk lulus, setelah lulus dapat pekerjaan di syarikat-syarikat besar di Amerika Syarikat dan mereka berjaya. Apabila duduk di situ, apabila dia menghantar balik ke negaranya wang yang diperolehinya daripada syarikat Amerika Syarikat, dalam hatinya dia kata "Wahai *Mother India*, inilah perjuangan aku untuk kamu". Begitu mentaliti antara ras ini.

Jadi saya rasa sebahagian daripada jawapan daripada Yang Berhormat bagi Bagan Datoh ini, inilah masalahnya, so negative. Saya tidak mahu menjawab apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi fasal saya percaya dia tidak membaca ini, malu kita Tuan Yang di-Pertua, datang ke

Dewan tidak membaca dan kita bercakap benda yang ada di dalam ini *[Menunjukkan sebuah buku]* dan kita menuduh kerajaan tidak transparent. Inilah masalah kita. Sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Supaya Yang Berhormat bagi Tambun dapat berehat sementara. Saya hendak bertanya tentang isu negatif ini. Tadi Yang Berhormat kata bahawa kejayaan banyak dibuat oleh Barisan Nasional. Kecemerlangan di negara kita yang ada sekarang ini, dunia sendiri mengakuinya kerana Barisan Nasional. Pemulihan ekonomi yang baru ini kita yang buat kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara yang lain, bermakna kita berjaya.

Tetapi mereka di sana secara negatif tidak dapat menerima kejayaannya kerana mereka mahu menarik sokongan rakyat kepada mereka supaya mereka mahu menjadi kerajaan. Tetapi bila dapat kerajaan pun tak buat apa-apa macam Kelantan, sudah berapa penggal di Kelantan, tetapi isu-isu kemiskinan masih dikait-kaitkan di Kelantan. Isu-isu pembangunan industri perlu dibuat, perlu dibangun, masih dengan Kelantan. Tetapi kalau benar dapat kerajaan Kelantan yang baik mestilah berjaya sebagai negari yang pertumbuhan ekonominya tinggi, kemiskinannya rendah dengan negeri-negeri yang lain. Ini minta sedikit pandangan. Besok tengok pula Terengganu, apa pula dia boleh buat ini. Ini memang sudah cara mereka. Ini saya minta pandangan sedikit Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat bagi Rompin. Saya sebenarnya, saya tidak bimbang apa yang dikatakan oleh pembangkang, kerana akhirnya rakyat tahu hakikat sebenarnya. Kalau kita berterusan mengatakan yang betul itu tidak betul, saya percaya akhirnya rakyat akan buka mata dan sedar. Yang penting adalah rakyat. Saya percaya kebaikan yang kita lakukan ini akan dapat disokong oleh rakyat. *[Tepuk]* Tahun lalu ekonomi jatuh 7.5%….

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sikit sahaja , satu saja, kawan lama ini.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah :** Nanti, nanti, nantilah sekejap. Tahun lalu ekonomi jatuh 75% dari sudut KDNK, semua orang membangkitkan mengapa KDNK ini jatuh, isu lain tidak dibangkitkan,

KDNK sahaja jatuh dia membangkitkan. Sekarang bila KDNK sudah naik 5.4% KDNK sudah tidak disebut lagi, cari pula hal-hal lain. Itulah pada saya hal-hal lain ini tidak ada masalah, tetapi mesti berasaskan kepada analisis kerana keluar daripada mulut pemimpin yang duduk di Parlimen. Pemimpin tertinggi di dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti, nanti, floor saya, biar Yang Berhormat bagi Lipis dulu.

**Tuan Yang di-Pertua**: Ya.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tidak, saya punya floor. Okay, sila-sila.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Bagi Tambun. Sebelum saya hendak mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Tambun, bukanlah kita bertujuan untuk mengkritik sembrono, oleh kerana Yang Amat Berhormat hendak pergi ke Indonesia kita sebut sembrono, tadi 'bobrok', ini 'semborono'. Jadi bukan kita mengkritik sembrono, umpamanya pada satu ketika sudah ramai pakar ekonomi yang sudah memberi nasihat dan teguran kepada kerajaan. Sesungguhnya perkembangan ekonomi tidak boleh melebihi 10 tahun dia punya pengembangan, maka minta diperlahankan sedikit kerana kereta yang terlalu laju sampai ke satu tahap dia kena, dengan izin, slow sedikit. Tetapi segala teguran-teguran ini dianggap sebagai antipembangunan, 'sebak gebai-gebai' memang satu istilah yang cukup tidak sesuai. Inidikeluarkan oleh pemimpin tertinggi kerajaan tetapi dalam keadaan tidak semena-mena tanpa diduga oleh pemimpin-pemimpin kerajaan sendiri sehingga berlaku satu kegawatan ekonomi.

Kita sudah meramalkan, kita sudah memberi teguran tetapi kenapa teguran itu dipandang begitu rendah, sedangkan kita pun memberikan fakta-fakta dan data-data tersendiri. Bila berlaku baru hendak tuduh Soros, padahal Soros sudah lama tengok. Soros sudah lama dah tengok dalam akhbar

berbahasa Inggeris di German sekitar Julai 1997 dia sudah tengok dah. Dia kata *"If I don't touch, somebody else will touch"*, dengan izin. Bermakna kita sudah menegur, seperti juga di Parlimen ini, kita menegur dalam rangka untuk kebaikan rakyat semuanya. Untuk kebaikan Yang Berhormat bagi Tambun, untuk kebaikan Yang Berhormat kekanda Rompin dan semua yang hadir di sini, bahkan tidak ada satu bukti pemimpin-pemimpin PAS yang dapat PR status, cuba cari. Kerana kita hendak bangun bersama-sama negara kita kerana kita tahu negara kita mempunyai hasil yang cukup besar dan boleh dibangunkan dan boleh menjadi lebih maju daripada Singapura, daripada Korea dengan syarat rakyat kita dibangunkan jiwa dia.

Yang penting jiwa sekarang ini, kita sudah ada semua kelengkapan, kalau jiwa kita tidak bangun, *mentality subsidy,* pengagihan yang tidak sekata, saya rasa tolong jawab yang itu. Saya rasa kita tidak boleh maju, kita kena maju jika jiwa kita kuat. Jiwa kita kuat kita boleh maju macam orang Melayu Kelantan. Dia berhijrah, fasal hijrah itulah orang Melayu Kelantan boleh maju. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah sentuh tentang pengagihan yang tidak saksama. Ini yang saya tidak mahu dengar ini. Saya setuju kalau kita kata pengagihan tidak saksama tetapi mesti disokong dengan fakta. Ini yang jadi masalah, kalau sokong dengan fakta, saya sudah bagi fakta tadi. Apakah tidak dengar fakta yang saya bagi tadi, boleh tengok dalam *Hansard*. Yang Berhormat tidak ada di Parlimen pada Parlimen yang kesembilan. Bila ekonomi kita jatuh pada awal tahun 1998, 1997 kita belum rasa lagi.

Ketua Pembangkang dan pembangkang masih lagi bercakap tentang agenda IT. Ketua Pembangkang masa itu menceritakan, ini patut kita buat dalam IT. Tidak pernah sekali pun saya dengar pembangkang mengeluarkan hujah bahawa kita perlu jaga-jaga tentang ekonomi ini. Saya ingat berapa orang Ahli Parlimen daripada sebelah BN ada menyebutnya, saya salah seorang, Batang Lupar dan saya ingat lagi Yang Berhormat bagi Bagan Datoh ada tanya soalan yang dijawab oleh Menteri Kewangan ketika apabila Yang Berhormat Bagan Datoh bertanya "Apakah tidak dengan

pembangunan pesat ini kita akan menghadapi seperti mana Mexico". Saya ingat lagi, tetapi Menteri Kewangan ketika itu menjawabkan negara kita berbeza daripada negara-negara lain, tidak akan menghadapi masalah seperti Mexico. Itu jawapannya.

Saya menegur tadi yang saya kata Ketua Pembangkang tadi fasal saya tulis disini *[Menunjukkan sebuah buku ]* Ada 20 isu. Dalam 20 isu itu 90% nya ada di dalam buku-buku ini. Itu maksud saya. Kita memang menerima kritikan, saya sebagai seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional, kalau tengok ucapan saya pun ada kritikan. Saya kritikal dan saya memberi pandangan kepada kerajaan kerana saya rasa bertanggungjawab. Kita bukan sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional kita tidak nampak, kita nampak malah analisis kita lebih mendalam. Kita memang tahu akan perkara-perkara ini dan kita bangkitkan bagi pihak Barisan Nasional supaya kerajaan melaksanakan apa yang kita nampak tidak betul itu. *[Tepuk]* .

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Kalau kita baca buku Laporan Ekonomi pada muka surat 17, disebut bahawa sebahagian daripada sebab mengapa ekonomi negara kita pulih ialah kerana saya bacakan disini:-

> *"Peningkatan permintaan luar negeri yang kukuh berikutan keadaan ekonomi Asia Timur yang semakin baik serta pertumbuhan cergas di Amerika Syarikat telah merangsang peningkatan pengeluaran terutama di sektor perkilangan. Pemulihan pengeluaran sektor pertanian ialah berikutan peningkatan ketara dalam hasil minyak kelapa sawit telah juga membantu pemulihan ekonomi."*

Dalam muka surat yang lain, disebut bahawa sebahagian daripada pemulihan ekonomi kita disumbangkan oleh kenaikan mendadak harga petroleum di pasaran antarabangsa.

Pertanyaan saya ialah adakah dengan itu Yang Berhormat boleh setuju bahawa sebahagian besar daripada sebab ekonomi kita pada fenomentumnya ialah kuat ialah kerana anugerah Ilahi dalam bentuk kekayaan negara termasuk dalam hasil petroleum dan gas. Di atas kekukuhan ekonomi yang telah dianugerahkan oleh Ilahi inilah kita telah mencapai pertumbuhan yang baik, tetapi malangnya pada masa yang sama kita lihat sebahagian daripada

sumber-sumber ini telah disalahgunakan dalam bentuk perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak memberikan pulangan ekonomi kepada bilangan rakyat yang terbanyak.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat, kita orang Islam kalau kita tidak percaya pada Ilahi, saya tidak tahulah. Memang semua Ilahi, ada hudud, tidak ada hudud pun itu kerana takdir Allah s.w.t. Itu yang berlaku bila Muktazilah berpolemik dengan Ahli Sunnah Waljamaah sebab itulah. Nigeria mempunyai anugerah Ilahi yang paling besar, reserve minyak yang paling banyak tetapi negara paling miskin. Mongolia mempunyai anugerah Ilahi dengan hasil dalam tanah, galian yang paling kaya dalam dunia tetapi antara negara yang miskin. That is the difference, dengan izin, perbezaan di antara pentadbiran yang cekap dengan yang tidak cekap, itu pun dengan izin Ilahi. *[Tepuk]*. Yang Berhormat bagi Lipis tadi hendak tanya, sila, silakan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Boleh saya tambah sikit sahaja. Saya merujuk kepada kenyataan dalam….

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Lipis

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Sebelum Yang Berhormat bagi Tambun pergi ke Indonesia lebih jauh *[Ketawa]* atau kata Yang Berhormat bagi Bagan Datoh 'masuk Jawa' tu, Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Tambun, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura telah pergi ke Indonesia berjumpa dengan Gus Dur dan telah menawarkan satu pakej bantuan kepada Kerajaan Indonesia untuk membangunkan kepulauan yang berhampiran dengan Singapura dengan hasrat supaya menjadikan kepulauan ini sebagai satu kawasan perdagangan bebas.

Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat bagi Tambun umpamanya kita pun mengambil peluang-peluang untuk berdagang dengan Indonesia. Tadi ada yang mengesyorkan supaya Yang Berhormat bagi Tambun mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Yang Berhormat bagi Tambun pun boleh mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya sebenarnya hendak masuk ke Indonesia tetapi oleh kerana banyak perkara, sekarang ini perkataan masuk pun sudah jadi sensitif *[Ketawa].* Biarlah saya masuk ke Indonesia pula, saya tadi ingat ucapan saya setengah jam sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sedikit tentang masuk tadi. Saya hendak mengambil kesempatan tentang bahasa ini, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, "masuk" ini macam bahasa Sabah dia hendak minta diberi peluang untuk hendak berhujah. Yang kedua juga dia kata mencelah, "mohon saya hendak mencelah", dia hendak bercakap tetapi tidak ada langsung unsur-unsur lain, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, mungkin dalam perbahasan ini kita kena terbuka kepada penggunaan bahasa-bahasa ini sebab ada dari Sabah dan Sabah ini entah dari Sabah mana, banyak dia punya bahasa-bahasa.

Yang Kelantan pun belum tahu lagi. Ini bahasa-bahasa yang kita pakai, kalau kita tidak ada pemikiran yang selain daripada itu saya tidak ada masalah. Ini kita kena terbukalah, minta pandangan Yang Berhormat bagi Tambun. Kita kena terbuka dalam isu bahasa ini, jangan ada tersalah anggap ataupun hendak mengambil mileage yang murah, ambil mileage tertentu yang baru-baru ini kita dapat lihat. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Tambun.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan peribadi sayalah, dalam Parlimen Kesembilan ada Ketua Pembangkang daripada DAP dan masa itu DAP begitu aktif, banyak isu ada. Jadi sekarang DAP agak kurang aktif dan saya dapati perkara-perkara macam inilah yang dibangkitkan. Tadi Yang Berhormat bagi Kepong sebut Menteri kita "raba-raba" saya tidak bangkitkan isu itu kalau ini juga boleh jadi sensitif pasal banyak kejayaan Barisan Nasional sehinggakan benda-benda macam ini kita tidak pandang begitu tinggi. Yang penting sekali apakah substance yang hendak kita sampaikan di Parlimen ini untuk kepentingan negara kita.

Saya menyatakan tadi tentang Indonesia, setelah saya buat perbandingan dengan Thailand, saya kata Indonesia......

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat bagi Tambun adakah dia tahu apa itu 'Prevention of Sexual Harassment Code', yang dikatakan sexual harassment, gangguan seks kepada sesuatu. Kalau katakan itu peribadi seorang kalau dia don't mind, kalau di hug, dipeluk atau dicium, itu bukan sexual harassment, tetapi kalau seseorang dikatakan dia tidak hendak dipeluk dan dicium dan dibuat, itulah dikatakan sexual harassment, maka bukan di sini, bukan dikatakan pandangan peribadi, dia ada code of conduct dan sekiranya tidak pernah lihat dan tidak faham apa maksudnya gangguan seksual maka saya berpendapat tidak berhak dikata di dalam Parlimen yang mulia ini.

Dan sekiranya kalau hendak dibincang apa yang dikatakan perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dia tidak pernah gunakan term yang sama kepada orang yang lain walaupun beliau memang ada minta jalan dari orang lain. Adakah Rompin mengatakan bahawa term yang sama itu boleh digunakan apabila Rompin hendak gunakan ataupun Yang Berhormat di sana dari Sabah yang kononnya ini Sabah minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan, bolehkah? Boleh diterimakah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya haraplah perkara ini ditutupkanlah.

**Puan Chong Eng:** Saya sungguh hairan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat pada fikiran saya pada hari itu kita sudah tutup perkara ini, kita sudah faham masing-masing.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa Rompin yang tidak terima apa yang telah dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua hari itu. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, kita tutupkanlah perkara ini. Yang Berhormat bagi Tambun sila teruskan.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya tidak akan membincangkan perkara ini. Kalau kes ini kita tutuplah.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sudah tutuplah perkara ini Yang Berhormat. Saya sudah tutup perkara ini Yang Berhormat. Cukuplah.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ini perbahasan hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara lainkah Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Kita kena patuh, kita ada peraturan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ini perbahasan hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya bukan negative people, positive. Jadi dalam hari ini kes tadi kita telah mendengar beberapa orang penghujah di Dewan ini termasuk Ketua Pembangkang dan juga Yang Berhormat bagi Tambun. Jadi apa yang dapat kita lihat wakil-wakil daripada kumpulan sana pembangkang, selalu mengkritik walaupun tidak sombrono tetapi selalu.

Jadi kritikan-kritikan itu nampaknya tidak ada penghujung sehingga tidak ada satu orang pun wakil daripada pembangkang yang mencadangkan sesuatu untuk kepentingan kita semua. Kalau boleh menerusi Dewan yang mulia ini sama ada di pihak kerajaan mahupun di pihak pembangkang kita lupakan politik, kita satukan tenaga dan daya pemikiran kita membantu negara kita, negara ini tanah air kita, milik kita, politik sudah berakhir, pilihan raya lima tahun akan datang.....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dia minta penjelasan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Duduk dahulu, saya ingin tahu daripada Tambun adakah ini kerana wakil rakyat dari pembangkang ini tidak lagi relevan ataupun adakah mereka ini tergolong dalam golongan the negative people seperti yang dimaksudkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu buat tuduhan. Itu terpulang kepada masing-masing membuat penilaian. Kita berada dalam sistem demokrasi perlu juga kita ada pembangkang, di bawah sistem demokrasi pembangkang juga perlu. Tetapi pembangkang seperti mana yang Kinabatangan katakan tadi yang membawa kepada constructive criticism, saya berharap itu akan berlaku malah dalam

ucapan saya dalam membentangkan usul tempoh hari aspek pertama saya sentuh perkara itu kerana kita sekarang berada di abad yang baru.

Biarlah saya teruskan Tuan Yang di-Pertua,....

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Masih segarkah di dalam ingatan Yang Berhormat bahawa dari Barisan Alternatif semasa membahas usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada memberi constructive criticism dan setujukah kalau saya katakan bahawa di sini Barisan Alternatif ada mengatakan untuk lebih masa untuk membawa masalah rakyat ke sini, lebih masa persidangan, memohon pemindaan Local Government Act menuntut peruntukan perbelanjaan kawasan untuk wakil rakyat, bukankah semua ini constructive criticism yang telah dikemukakan. Masihkah segar di dalam ingatan Yang Berhormat bagi Tambun *[Tepuk]*.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya nyatakanlah dalam ramai-ramai saya nampak Batu Gajah ini ada constructive criticism. *[Ketawa]*.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih ya.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya sentuh tadi tentang Malaysia sebagai peneraju di ASEAN dan saya cuba untuk menyentuh tentang kedudukan di Indonesia daripada maklumat, maklum balas, kajian dan sebagainya yang saya lakukan. Ekonomi Indonesia dalam keadaan yang cukup rendah, sekarang pelabur daripada Eropah dan Amerika datang dan daripada perbincangan-perbincangan serta laporan-laporan yang saya perolehi, ada dua kedudukan yang membolehkan kita memain peranan sebagai peneraju.

Pertama, rakyat Indonesia tidak comfortable dengan pelabur daripada Amerika dengan Eropah kecuali Belanda kerana kita tahu ada hubungan historical antara Indonesia dengan Belanda. Saya pergi ke Belanda pun saya nampak ramai rakyat Indonesia yang belajar di sana.

Kedua, syarikat-syarikat Amerika dengan Eropah juga tidak comfortable dengan Indonesia, dia lebih comfortable dengan kita kerana hubungan yang lama. Kita sebuah negara yang moden, tahap kebolehan kita

dalam pengurusan cukup dihormati oleh dunia. Jadi saya dapati di sini kita boleh memainkan peranan pelbagai peranan, satu dari segi kita membina balik sistem kerajaan dan juga dasar-dasar kerajaan. Ini peranan yang boleh kita main kerana kita mempunyai pengalaman yang begitu baik tentang penswastaan dan sebagainya.

Kedua dari segi kita sebagai pembina, pembangun ekonomi, kita mempunyai kebolehan dari segi pembinaan infrastuktur, dalam bidang pertanian, dalam bidang komponen kilang, dalam bidang managerial kita sepertimana saya kata tadi, kita mempunyai kebolehan yang begitu hebat sekali.

Jadi melihat kepada itu, saya berpendapat bahawa negara kita perlu mengambil kesempatan, pertama, membina Malaysia sebagai peneraju pembangunan ekonomi kawasan Asian, kemudian kita memasuki Indonesia dengan lebih agresif, saya percaya dalam bidang perbankan kita amat diperlukan. Dari segi perbankan Islam, Malaysia adalah antara negara yang dunia iktiraf mempunyai kebolehan dan kemampuan yang begitu tinggi dan kita boleh memasuki Indonesia.

Untuk tujuan itu saya ingin memberi beberapa pandangan. Pertama, dari segi modal untuk kita menceburi perniagaan luar daripada sempadan negara kita memerlukan modal yang banyak, di sini saya berharap kerajaan boleh mempertimbangkan, kita boleh gunakan Khazanah ataupun Petronas untuk tujuan itu. Saya dapati dari segi negara-negara yang telah capai pembangunan yang pesat dalam tempoh sepuluh tahun lalu macam Taiwan, Korea pun melaksanakan sistem yang sama dan Singapura sekarang telah menubuhkan multi nasional yang suntikan kewangannya dari khazanah negara masing-masing. Saya harap perkara ini dapat diberi perhatian oleh kerajaan.

Kedua, dari segi peningkatan yang berterusan ataupun continuous improvement. Saya berpendapat bahawa perkara ini perlu kita tekankan dalam banyak perbincangan-perbincangan yang kita dengar, masing-masing menyatakan abad ke-21 ini berasaskan kepada efficiency dan efficiency ini mesti berterusan kita laksanakan. Jikalau kita lihat dari segi agensi-agensi

kita, baik swasta mahupun kerajaan, ada kelemahan-kelemahannya dan usaha untuk memperbaiki melalui continuous improvement mesti dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat negara kita perlu melaksanakan sistem bench marking kita wujudkan budaya bench marking. Saya membuat kajian ke atas sektor kerajaan dan swasta di banyak negara Amerika, Eropah termasuk di Australia, New Zealand, perkara-perkara ini memang dilaksanakan bench marking. Ini pertama, institusi akan mengenal pasti manakah institusi yang mempunyai standard yang tinggi dan kemudian membandingkan dengan standard yang ada, mengenal pasti gap antara institusi sendiri dengan yang mempunyai standard yang tinggi kemudian melaksanakan program bagi mengatasi masalah ini. Dengan cara itu saya berpendapat ,barulah kita dapat up-grade kemahiran, expertise dan kebolehan kita dan ini amat penting dilaksanakan untuk kita menghadapi abad ke-21 ini.

Jadi saya sentuh perkara ini setakat itu sahaja. Saya hendak sentuh pula perkara kedua yang saya nyatakan tadi tentang sektor perbankan.

Kita sekarang menghadapi penggabungan sektor perbankan. Saya ingin ingatkan bahawa dari segi standard universal, tujuh daripada sepuluh penggabungan itu berakhir dengan kegagalan. Kegagalan dari segi tidak mencapai matlamat penggabungan itu dilakukan. Saya berharap kerajaan melalui Bank Negara akan sentiasa monitor perkembangan dalam proses penggabungan bank ini. Ia melibatkan pelbagai peringkat, peringkat pertama dari segi untuk menetapkan nilai ataupun net worth syarikat dari segi saham untuk pertukaran saham dan sebagainya, jadi itu tidak mempunyai masalah, kita boleh lantik satu consultant untuk buat kajian apabila ia telah dipersetujui oleh pemegang saham, ini bukan merupakan masalah.

Kita akan menghadapi masalah pada peringkat kedua apabila mengintergrasikan sistem antara bank A, bank B, merchant bank, financial institution, ini hendak digunakan satu sistem di sini akan timbul masalah.

Sistem mana yang hendak dipakai? Walaupun kita kata sistem Bank A lebih superior tetapi yang lain kata kami lebih superior dan ini akan menjadi satu masalah yang akan dihadapi. Siapa yang akan menerajui top management bank ini? Kalau dari segi Bank of Commerce dan BBMB tempoh hari

menggunakan consultant antarabangsa untuk membuat management evaluation. Daripada segi itu akan ada beberapa keputusan yang dicapai dari segi management evaluation.

**Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tan Sri. Saya hendak bertanya dengan kawan saya dari Tambun. Saya pun ingin hendak bercakap sedikit soalan merger ataupun pencantuman bank ini. Jadi, masalah yang pertama sebagaimana yang Yang Berhormat dari Tambun telah sebutkan tadi iaitu soalan penggunaan tenaga manusia iaitu pemilihan pegawai yang menerajui bank. Dan kata dia ialah kita boleh menggunakan satu consultant untuk memilih pegawai-pegawai yang hendak digunakan kerana umpamanya bank BBMB dan Bank of Commerce, kita ada tiap-tiap bahagian atau cawangan dan CEO yang berasingan dan sekarang kalau cantuman berlaku mana satu sahaja CEO yang dia buat.

Jadi, adakah Yang Berhormat memikirkan dalam soalan penggunaan umpamanya kemudahan IT yang satu tadi mengatakan dirinya lebih canggih daripada satu yang lain. Adakah ini juga kita pandang kita mesti melantikkan consultant bukan sahaja daripada human resource selection tetapi juga untuk selection sistem yang akan digunakan semasa percantuman itu sendiri dan kita mesti menggunakan consultant yang independent dan tidak ada pengaruh daripada pihak-pihak yang lain sama ada kerajaan ataupun pihak bank yang akan bercantum itu sendiri supaya kita mencari sistem yang baik untuk sistem IT dan sebagainya. Ataupun CEO yang terbaik atau berlandaskan merit dia untuk mendapatkan keuntungan ataupun kemudahan yang lebih untuk mendatangkan satu efficiency dan sebagainya apabila percantuman itu berlaku nanti.

**Tuan Haji Husni bin Hanadzlah:** Terima kasih. Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Makna, proses kedua ini memang agak sukar. Saya sendiri mengadakan perbincangan dengan bank yang terlibat, memang cukup sukar. Saya ambil contoh macam berlaku management evaluation. Ia melibatkan beberapa faktor dan didapati individu tertentu yang selama ini menjadi peneraju bank dalam evaluation tersebut didapati markahnya tidak

tinggi dan dibuat recommendation supaya diberhentikan. Ini akan menimbulkan masalah yang cukup banyak.

Di samping itu, mengenai dengan management appraisal saya berharap kerajaan akan memberi perhatian.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Husni bin Hanadzlah:** Kerana saya dapati. Kejap! Kejap! Saya dapati melalui management appraisal ini, banyak di kalangan pengurus-pengurus kanan yang diamanahkan untuk jaga seksyen, jaga branch dan sebagainya rupa-rupanya tidak begitu layak. Jadi, bermakna kita meletakkan aset bank ini dalam satu risiko yang besar. Sehubungan dengan itu, saya berharap selain daripada diberi perhatian yang berat kepada perkara ini, usaha untuk upgrading management kita di bank mesti dilakukan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Saya lambat masuk tadi. Kalau boleh, minta maaf saya boleh rujuk kepada satu tajuk yang telah lalu. Saya tahu Yang Berhormat Tambun adalah seorang pakar dalam ekonomi. Dia banyak membaca dan saya ucapkan syabas. Saya tidak pandai dalam ekonomi tetapi saya baca supaya saya tidak akan dibohong oleh pakar-pakar.

Jadi, tadi Yang Berhormat ada berkata bahawa oleh kerana serangan dari George Soros yang menyebabkan krisis berlaku di Malaysia. Jadi, orang-orang yang tidak menerima kesimpulan ini bukan sahaja daripada pihak pembangkang. Saya ada satu buku di sini, *Surviving In The New Millennium* dan di sini ada mengatakan bahawa apabila krisis berlaku, there was a over domestic debt accumulation, domestic over borrowing dan the economic of the banking system became boundarable to the starting collapse of the stock market and property market. Ini bermakna bahawa banyak wang telah dilaburkan di dalam stock market dan property market. Jadi, ini adalah juga pakar-pakar. Jadi, saya cuma hendak minta penjelasan, saya bukan pakar dalam ekonomi.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Kota Melaka. Sebenarnya perkara ini telah disentuh tadi dan perkara ini juga telah disentuh dalam tahun 1995, 1996, 1997 di Parlimen ini, bukan perkara baru. Seperti mana saya nyatakan tadi, saya tidak sentuh nama George Soros, saya kata pelabur asing. Apabila berlaku serangan, berlaku systemic risk daripada serangan nilai ringgit jatuh, berlaku pengaliran keluar modal melibatkan ratus bilion ringit. Permodalan KLSE jatuh pada para yang begitu rendah. Dengan sebab itu individu yang pinjam daripada bank, yang dulunya viable jadi tidak viable kerana ada margin.

Dalam sistem perbankan, kalau kita bagi satu cagaran, cagaran itu mesti sekurang-kurangnya 1.2 kali daripada pinjaman yang diambil. Manakala pinjaman diambil RM100 juta, collateralnya mesti RM120 juta. Itu minimum.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Kejap, Datuk. Okay.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta izin untuk mencelah perbahasan ini, bagi penjelasan. Kalau Yang Berhormat bagi Tambun menjawab penjelasan yang diperlukan oleh Yang Berhormat Kota Melaka, saya fikir sebenarnya kita telah sampai ke Johor Bharu tetapi kita kena berpatah balik ke Seremban kerana telah disebutkan banyak kali. Tetapi kalau kita mahu terus ke hadapan, Yang Berhormat bagi Tambun menyebut tentang soal percantuman ataupun merger di antara beberapa buah bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan berlesen.

Adakah Yang Berhormat bagi Tambun bersetuju sebenarnya lebih sukar untuk mempercantumkan budaya kerja atau budaya korporat kerana timbul permasalahan komunikasi silang budaya (inter-cultural communications) antara pekerja-pekerja, pengurus-pengurus dan juga tenaga pengurusan di peringkat atasan bagi mencari jalan dan titik pertemuan untuk memacu instititusi perbankan berkenaan bagi memperolehi satu identiti korporat ataupun corporate identity di mana dalam usaha percantuman itu bank-bank yang kecil, syarikat-syarikat kewangan yang kecil, bank-bank

saudagar yang kecil dicantumkan menjadi sebuah conglomerate untuk bersaing di peringkat regional dan peringkat antarabangsa.

Soalan saya, penjelasan yang saya perlukan, adakah tidak berlambat kalau daripada sekarang kerajaan memulakan, hanya akan perlu ada satu lesen sahaja untuk mana-mana bank sebagaimana yang dipraktikkan oleh negara-negara yang maju di mana bank perdagangan tidak perlu pada satu lesen yang berbeza. Bank saudagar tidak perlu pada satu lesen yang berbeza. Begitu juga syarikat kewangan tidak perlu lesen Yang Berhormat berbeza.

Kalau percantuman ini dibuat daripada sekarang di mana satu lesen boleh melaksanakan tugas sebagai bank saudagar, bank perdagangan dan syarikat kewangan, maka tidak timbul soal pertindihan fungsi institusi perbankan ini. Sebab kalau kita lihat maka akan timbul usaha yang kedua di mana syarikat-syarikat pembrokeran saham, jika tidak dicantumkan maka timbul syarikat-syarikat berkenaan mewujudkan research centres, dengan izin, pusat-pusat penyelidikan yang sebenarnya adalah pusat transaksi, pusat urusniaga yang bersaing di antara satu sama lain. Jadi, kalau Yang Berhormat bagi Tambun setujulah, apalah agaknya cadangan yang patut diambil kira dalam perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. Saya ingat Yang Berhormat bagi Kota Melaka baca *Hansard*, biar saya sentuh perkara ini.

Saya memang bersetuju pandangan Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyentuh mengenai dengan universal brokers. Sekarang ini kita sudah ada konsep universal banking. Ini sudah mula dilaksanakan di Amerika dan Eropah, kalau tidak silap saya, di Singapura sudah mula. Bermakna kita tidak perlu tiga akta – satu akta untuk bank perdagangan (commercial bank), satu untuk bank saudagar (merchant bank) dan satu untuk syarikat kewangan (finance companies), tidak perlu. Kita ada satu akta dan kita tidak perlu ada 3 entity. Digabungkan semua di bawah satu entity.

Ini sebenarnya dapat memberi kecekapan kepada sektor perbankan dan kewangan kerana kalau kita ada 3 entity, kita ada 3 board of directors, 3

management, 3 head office, jadi ini akan merugikan dari segi efficiency, padahal satu board of directors sebenarnya boleh melaksanakan ketiga-tiga fungsi ini sekali. Di samping itu, sekarang ini pelanggan sudah jadi universal customers. Dia datang dia hendak ketiga -tiga sekali aktiviti. Antara merchant bank dengan commercial bank dengan finance1 companies, dia ada perbezaan. Merchant bank lebih kepada kerja-kerja consultancy dan advisory serta short term borrowing dalam bentuk trade bills, bankers acceptance, promissory notes dan sebagainya. Commercial bank lebih kepada current account, saving account dan sebagainya dan finance company lebih kepada pemberian kredit untuk membeli kenderaan dan sebagainya.

Jadi, seorang usahawan apabila datang ke bank memerlukan ketiga-tiga urusan tadi. Sekarang ini perlu pergi ke merchant bank, commercial bank dan finance company. Maknanya efficiency tidak ada. Tetapi kalau kita menggunakan konsep universal banking, bermakna 3 aktiviti di bawah satu bumbung, seorang pelanggan datang dia boleh terus berurusan dengan ketiga-tiga aktiviti tersebut. Saya memang hendak mencadangkan supaya kerajaan melihat balik akta kita dan melaksanakan universal banking terutama apabila liberalisasi sektor perbankan dan kewangan dijalankan bermula tahun 2003, kita akan menghadapi persaingan dengan bank antarabangsa. Bermakna efficiency ini akan menjadi faktor utama.

Tadi saya menyentuh tentang integrasi sistem. Dalam integrasi sistem akan timbul berlaku beberapa permasalahan. Antara yang kita akan hadapi nanti adalah dari segi pekerja, iaitu pemberhentian pekerja. Dalam model Bank Bumiputra dan Bank of Commerce, menubuhkan Bank Muamalat. Mana-mana staff yang redundant, dihantar ke Bank Muamalat, maka tidak ada pemberhentian kerja. Saya hendak ambil quotation daripada kesatuan kakitangan bank dan institusi kewangan yang mengatakan daripada 64,000 pekerja bank sekarang dijangka 15,000 pekerja akan menjadi redundant. Jadi, redundant ini bermaksud sama ada bank akan memberhentikan mereka ataupun biarkan.

Kalau kita ambil model Amerika Syarikat, dia akan berhentikan. Kalau model Eropah, tidak akan diberhentikan. Pada fikiran saya, jangan kita

berhentikan. Kalau dengan kita menyimpan 15,000 pekerja ini, kita dapat perolehi keuntungan 18%, kalau dengan membuang mereka, dapat 20%, apa perbezaan 2% ini? Jadi, biarlah Malaysian style ini dilakukan dengan tidak kita membuang mana-mana kakitangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang rasa gembiralah Yang Berhormat bagi Tambun yang hendak membela nasib kakitangan bank yang akan menghadapi masalah diberhentikan kerja itu, memang kita semua berharap semua ini dapat diselesaikan dan apabila penggabungan sepuluh kumpulan bank ini, bilangan yang akan diberhenti kerja memang perlu dipelihara oleh pihak kerajaan supaya mereka jangan redundant sama sekali. Tetapi saya hairan juga sambil Yang Berhormat bagi Tambun itu membidas orang yang lain tetapi di dalam bidang kecekapan, efficiency bank-bank saya tidak nampak dia hendak mempertingkatkan efficiency sekarang.

Tadi dia ada sebutkan mengenai, Tuan Yang di-Pertua, adakah dia sedar bahawa Bank Bumiputra Commerce sekarang pada suatu ketika dan sehingga sekarang pun mungkin keadaan tidak begitu berubah, keadaan efficiency nya. Efficiency dan kawalan di cawangan-cawangannya.

Yang Berhormat itu dia pakar di dalam banking tetapi adakah beliau sedar bahawa kadangkala di cawangan-cawangan ini kawalan ke atas pinjaman dan sebagainya tidak begitu rapi sehingga wujudnya kerugian yang besar. Adakah Yang Berhormat cadangan untuk memastikan di dalam penggabungan yang dicadangkan oleh pihak kerajaan ini semua kelemahan dan kekurangan kawalan ini dapat diatasi kerana bagi saya sehingga sekarang walaupun ada konsep penggabungan tetapi konsep untuk mempertingkatkan kecekapan itu tidak ada lagi.

Bolehkah Yang Berhormat sebutkan sebagai bekas ahli bank mengapa kita pilih sepuluh, enam angka azad ini. Adakah angka-angka yang lain, adakah angka-angka ini bermakna kita akan mewujudkan sistem perbankan yang dapat bersaing apabila terma atau syarat WTO dapat dilaksanakan.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat bagi Kepong ini hai! *[Ketawa]* Saya ingat Yang Berhormat tidak mengikuti perkembangan sebenarnya, Yang Berhormat. Yang Berhormat kata rugi sebenarnya ini sudah menjadi sejarah, Yang Berhormat belum melihat lagi penyata kewangan pada 31 Disember 1999, Yang Berhormat kata 'yang lalu', yang lalu saya juga yang bangkitkan, bukan Yang Berhormat.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, proses meningkatkan kecekapan ini sedang berlaku, itu yang saya kata tadi management evaluation telah dibuat, beberapa kakitangan daripada Bank Bumiputra telah pun berhenti untuk memberi tempat kepada orang yang lebih cekap berasaskan kepada analisa yang dibuat oleh sebuah konsultan ini tadi. Jadi bermakna program, proses kepada peningkatan, kecekapan, efficiency dan sebagainya memang sedang berlaku dan dari segi Yang Berhormat nyatakan peraturan-peraturan dan sebagainya, ini telah banyak kali disentuh oleh Bank Negara.

Ini sebenarnya antara peranan yang dimainkan oleh Bank Negara. Bank Negara telah pun memberi berbagai arahan-arahan supaya peraturan-peraturan diikuti. Memang betul semasa lalu ada arahan-arahan yang tidak diikuti oleh bank perdagangan.

Tadi saya sentuh tentang soal integrasi. Sekarang saya hendak menyentuh tentang soal persaingan pula dengan bank antarabangsa. Saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku liberalisasi sektor perbankan dan kewangan saya dapat menggambarkan bahawa persaingan akan berlaku. Sebenarnya persaingan dengan bank antarabangsa telah berlaku tetapi kerana kita mempunyai peraturan-peraturan, bank-bank antarabangsa tidak dibenarkan untuk membuka cawangan.

Jadi, di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang ada FNCB, Chase Manhattan Bank ada di Kuala Lumpur, dia tidak berkembang. Bermakna apabila berlaku liberalisasi nanti, bank-bank ini boleh berkembang tetapi pada jangkaan saya perkembangan bank antarabangsa ini tidak akan berlaku sepesat yang berlaku pada bank tempatan. Oleh kerana kalau kita lihat dari segi sikap bank antarabangsa mereka lebih fokus kepada satu-satu bidang. Bermakna, sekarang bila dia fokus kepada sektor korporat, dia akan fokus kepada sektor

korporat. Dia tidak perlu membuka cawangan yang banyak, dia bukannya hendak servis kepada peniaga-peniaga kecil.

Yang menjadi masalah nanti apabila tiba suasana itu, oleh kerana berada dalam masa persaingan, bank tempatan juga mahu bersaing dengan bank antarabangsa, dia akan meninggalkan peniaga-peniaga kecil, ini mungkin akan berlaku kerana apabila masuk zaman persaingan, yang akan menentukan efficiency bank adalah sejauh mana keuntungan yang diperolehi serta efficiency yang dapat dilihat dari segi penggunaan banking asset oleh bank-bank yang terlibat. Maka apabila bank antarabangsa fokus kepada sektor korporat, bank tempatan pun akan pergi fokus kepada sektor korporat. Akhirnya, peniaga-peniaga kecil tidak diberi perhatian, kalau sekarang bank macam Hock Hua di Sarawak memberi perhatian kepada peniaga-peniaga kecil. Jadi, ini akan berlaku – dislocation ini akan berlaku pada masa yang akan datang.

Jadi, saya berpendapat boleh atau tidak kerajaan mengkaji daripada sekarang bagaimanakah bentuk persaingan yang akan berlaku nanti. Adakah kita hendakkan bank perdagangan kita terus dengan spektrum services yang begitu banyak – carry *[Ketawa]* Dia memikul tanggungan yang begitu besar, kalau sektor korporat itu kurang dari segi risiko berasaskan kualiti – clientnya tinggi, kemudian peniaga kecil ini makin kurang kualiti. Jadi, dia memikul tanggungan yang begitu besar yang boleh mengakibatkan bank itu berlaku kerugian.

Jadi, dengan itu persaingan tidak menjadi apple dengan apple. Walaupun, kita besarkan bank tetapi persaingannya tidak mengikut standard yang sama. Jadi, dengan itu adakah kerajaan hendak membenarkan ataupun hendak meminta bank kita untuk menyediakan servis yang spektrum yang banyak ataupun fokus kepada *niche market* yang tertentu. Kalau *niche market* tertentu diberikan fokus, maka ada servis-servis yang akan ditinggalkan.

Jikalau servis-servis ini ditinggalkan, bentuk mana pula servis ini hendak diberi? Kalau kerajaan bersetuju dengan cara itu, pada pandangan saya untuk sektor ini kita wujudkan institusi yang lain. Sekarang kita ada

Bank Pembangunan, Bank Pertanian, di bawah sektor kerajaan, agensi kerajaan ada puluhan tabung-tabung. Kita boleh letak di bawah satu kementerian atau satu agensi dan tiga agensi ini sudah cukup dengan dana berbilion ringgit untuk menumpu kepada yang market niche peniaga-peniaga kecil.

Di Jepun ada satu syarikat kewangan – Jepun ini selalu pakai 'nieki', ini pun nieki juga. Merupakan salah satu bank yang paling terkemuka di dunia hanya dengan menumpu kepada usahawan-usahawan kecil ini kerana dalam dunia zaman ini mesti ada specialization, mesti ada fokus barulah dapat bank tersebut memberikan khidmat yang terbaik serta efficiency yang tinggi.

Jadi, kalau ini dilakukan saya ingat lebih mudah lagi kita ada core competency, bank yang ada sekarang dia tumpu kepada sektor tertentu dan untuk yang kecil-kecil ini diberi kepada bank lain atau institusi lain dan dengan adanya core competency ini cukup akan jadi hebat. Ia berbeza dengan di Australia, kerana di Australia sistemnya hanya membenarkan empat bank yang besar, kemudian dia beri regional bank dan bank-bank yang besar ini tidak dibenarkan untuk bersaing dalam bidang-bidang yang dijalankan oleh regional bank. Bermakna ada bank yang menjaga petani kecil dan sebagainya.

Jadi, saya harap perkara ini akan dapat diberi perhatian oleh kerajaan kerana ini perkara yang akan berlaku pada masa yang akan datang, dapat diberi perhatian sekarang supaya apabila tiba di situ nanti kita sudah mempunyai sistem yang telah bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik kepada hujah Yang Berhormat Tambun yang mempunyai point yang berasas dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa, walaupun kita mesti mencari *niche* untuk bank-bank kita di dalam negara ini dan juga di negara-negara yang lain bukan sahaja bertumpu kepada manusia sahaja, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau apabila liberalisasi WTO datang ke Malaysia kelak, mungkin dua, tiga tahun lagi, mungkin lebih lewat lagi, kita akan menghadapi satu masalah bahawa kalau kita kira Mitsui Bank, Bank of Tokyo yang merupakan yang terbesar yang pada akhir-akhir ini ada bergabung lagi menjadi lebih besar sebagai raksasa gergasi, apabila semua sepuluh

kumpulan bank kita kalau pun bergabung menjadi satu bank gergasi di Malaysia pun tidak boleh bersaing dengan Bank of Tokyo, tidak boleh kerana mereka sangat besar. Dengan keadaan yang sedemikian, macam mana Yang Berhormat anggap kita dapat mencari peluang, mencari *niche*, mencari tempat untuk bank di dalam Malaysia.

Yang kedua, dalam pengalaman Yang Berhormat, Hock Hwa Bank disebutkan tadi dan gabungan ini akan diadakan dengan Public Bank kalau tak silap saya, Public Bank dengan Hock Hwa Bank dan dua, tiga bank lagi dan dengan bilangan cawangan bagi Bank Hock Hwa dan Public Bank ini, berapa lamakah Yang Berhormat fikir yang diperlukan untuk gabungan sama ada kita tetapkan pada hujung bulan Disember tahun ini tepat, betul ataupun kita perlukan masa dua, tiga tahun lagi atau sepuluh tahun lagi untuk bergabung, bolehkah Yang Berhormat beri kita tahu pengalamannya.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama tadi tentang persaingan dengan bank yang besar. Saya hendak sentuh di sini tentang penggabungan oleh bank tempatan.

Pertama, kita mempunyai *capital-based* yang lebih besar. Dalam sistem perbankan Bank Negara membenarkan kalau *capital-based* kita banyak, kita boleh pinjam saya ingat 20 kali besarnya daripada *capital-based* itu yang dipanggil sebagai deposit dan deposit ini pula kita beri pinjam dalam bentuk *risk asset*, sebahagian dalam bentuk minimum *risk asset* untuk beli government bills dan sebagainya dan sebahagian besar lebih kurang 70% atau 80% dalam bentuk banking assets.

Kemudian saya berpendapat bank tempatan perlu melakukan penyelidikan (R&D) dan menghasilkan produk-produk baru, banyak produk baru yang boleh dihasilkan, dari segi pembiayaan petroleum umpamanya, siapa yang menguasai. Sebenarnya, dari segi sistem perbankan tidak perlu sangat kita bermula daripada latar belakang kewangan saya tahu di Chase Manhattan Bank, pakar petroleum financing hanya mempunyai Masters dalam Fine Arts, Yang Berhormat Kepong main biola ya, tetapi setelah masuk bank dia mendapat latihan dan sebagainya, dengan tumpuan, dan melalui sistem R&D yang cukup, boleh menghasilkan sistem yang baik.

Kemudian Yang Berhormat katakan tadi tentang kualiti dan efisiensi, akan menentukan sejauh mana kita boleh bersaing. Di samping itu dalam pengalaman saya, pelanggan tidak mudah lari daripada bank, kalau pelanggan sudah pegang bank, dia pegang bank itu, tidak bermakna ada satu Bank of Tokyo, tiba-tiba dia pergi kepada Bank of Tokyo. Bank of Tokyo memang sudah beroperasi di sini, dia tidak lari kerana manusia, lebih senang berurusan dengan orang yang dia kenal.

Saya biasa ingatkan kawan-kawan saya, kalau hendak dapatkan pinjaman bank, jangan tengok bangunan yang besar, kalau tengok bangunan yang besar, kita merasa gerun, kita mesti cari dalam bangunan siapa orang yang boleh kita buat kawan supaya kita bersahabat dengan dia, lebih mudah mendapat pinjaman, akhirnya yang akan menentukan hubungan antara bank dengan pelanggan adalah individu.

Jadi, biasanya orang tidak mudah ubah, macam Yang Berhormat saya lihat, kalau Yang Berhormat parking kereta selalu sebelah sana, Yang Berhormat mengapa tidak parking di sebelah sini, fasal kita sudah biasa. Biasa dengan sikap, kalau parking di situ, di situlah, ini yang berlaku dalam dunia, manusia ini unik, ia memang begitu, ia biasa dengan yang itu, yang itulah. Jadi, saya tidak jangka bahawa pelanggan akan lari dari bank tempatan.

Dari segi yang saya katakan tadi, Yang Berhormat tanya tadi mengenai dengan penggabungan, berapa lama dan sebagainya, sebenarnya awal tadi saya sudah sentuh, tujuh dari sepuluh penggabungan berakhir dengan kegagalan - kegagalan untuk mencapai matlmat, penggabungan tidak susah, yang Bank Negara beri satu tahun itu, Bank Negara perlu memberi tarikh satu tahun kerana kalau tidak beri satu tahun bila lagi, berapa lama lagi hendak selesai, dia beri satu tahun.

Yang Bank Negara ini sebenarnya saya belum lagi dapat butirannya, sama ada maksud penggabungan bermaksud pemindahan saham telah berlaku atau pada peringkat penggabungan integrasi ataupun penggabungan budaya itu saya tidak terima daripada Bank Negara, saya ingat biarlah pihak kementerian yang menjawabnya, saya tidak dapat maklumat itu pada peringkat

ini. Jadi, saya tidak berani untuk menyatakan sesuatu yang saya tidak begitu mendapat butirannya lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri dia bantuan sedikit. Yang Berhormat, kalau kita kira bilangan cawangan yang diperolehi oleh Public Bank dan Hock Hwa Bank sekarang, misalnya ada 300 cawangan,. daripada pengalaman Yang Berhormat, berapa lama kita perlukan untuk menilai (evaluate) semua bank ini sebelum kita melaksanakan penggabungan, berapa lama hanya untuk menilai mentafsir?

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, hendak evaluate bank ini tidak susah, satu hari pun boleh siap. Tidak, Yang Berhormat tidak ada pengalaman, saya selalu buat. Kita menggunakan profit and loss dan balance sheet. Evaluation berdasarkan profit and loss dan balance sheet. Tidak susah, kalau hendak buat consolidation account, satu hari pun saya boleh buat Yang Berhormat. *[Tepuk]* Bukannya kita mesti pergi ke cawangan A pergi buat *due diligence test*, pergi cawangan B. Ada 300 cawangan, itu satu tahun pun tidak siap, Yang Berhormat. Net worth evaluation dilakukan berdasarkan kepada penyata profit and loss and balance sheet, ia ada net tangible assets system, ia ada banyak sistem untuk membuat evaluation.

Satu, gunakan net tangible asset, di mana ada aset bank ditolak dengan net worth dan ia dibahagikan dengan neet worth. Ada pelbagai lagi sistem, satu lagi future earnings. Future earnings ekstrem di sini, ia akan ambil satu unjuran selama sepuluh tahun, berapakah banyak keuntungan dan gunakan balik kepada net present value dan ia akan dapat satu figure, kalau berdasarkan NTA dapat RM1, berdasarkan future earnings dapat RM5, kemudian penilai akan putuskan apakah nilai yang sebenar dan di sini akan hantar kepada shareholders dan shareholders pula akan bersetuju atau tidak. Itu tidak susah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan satu kali lagi.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ingat perkara ini tidak payah bincanglah, Yang Berhormat, kita boleh bincang di luarlah, bukan untuk kepentingan awam. Kawan saya Batang Lupar tunggu, saya ingat biarlah ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, itu macam kuliah sahaja,,Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okay, saya beri last kepada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, bukan last. Last pula! Ini kalau kita kiralah seandainya Yang Berhormat hendak menggabungkan semua bank ini, apakah Yang Berhormat akan buat sebagai pentafsiran dan penilaian, bukan sahaja net account dan sebagainya, net sahaja, kita hendak gabungkan. Apabila hendak gabungkan sesuatu, kita mesti mentafsirkan dari atas ke bawah dengan lebih teliti, dengan lebih mendalam, bukan dengan begitu sahaja.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ingat Yang Berhormat tak faham, Yang Berhormat. Yang Berhormat memang tak faham. Bila saya dengar Yang Berhormat cakap begitu, memang Yang Berhormat tak faham. Terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap, Yang Berhormat tak faham, rasa rugilah. *[Ketawa]*

Akhir sekali saya hendak sentuh sedikit mengenai dengan usahawan bumiputera, ……

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ini ada yang berdiri.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ingat sudahlah! Sudah lebih 20 kali laluan saya beri, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menutup ini. Cukuplah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri laluan.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Kepong pun sudah bising, bila lagi hendak habis, saya janji setengah jam tadi, sekarang sudah lama betul. Usahawan bumiputera ini, saya hendak sentuh secara ringkas sahaja. Dalam kajian saya, keusahawanan tidak berlaku kepada semua orang, dan semua bangsa. Pada banyak masa ada bangsa-bangsa yang tidak ada orang yang dikatakan usahawan dalam bangsa tersebut dan salah satu daripada

bangsa tersebut bangsa orang bumiputera, ia tidak ada usahawan. Usahawan ini berlaku hanya apabila kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, barulah banyak usahawan.

Dengan sebab itu kita dapati ada dua jenis usahawan. Satu usahawan yang tulen, yang betul-betul buat kerja dan satu yang tidak tulen. Yang tidak tulen ini dapat peluang dia jual, itu yang dipanggil sebagai rent seekers. Jadi, saya berharap kepada kerajaan dalam usaha untuk melahirkan usahawan kita cari usahawan yang tulen ini. Biarlah kita melahirkan seorang usahawan yang bertaraf dunia daripada banyak usahawan yang akhirnya mendatangkan masalah kepada negara kita.

Di samping itu saya berpendapat bahawa kita perlu melakukan satu kajian ataupun mungkin kita telah membuat kajian untuk melihat balik masyarakat bumiputera kerana keusahawanan ini adalah by-product masyarakat. Saya lihat macam masyarakat Cina, dia memang duduk di bandar. Jadi, dalam darah dagingnya sudah ada semangat keusahawanan yang memang sudah wujud dan lebih mudah untuk meningkatkan lagi berbanding dengan bumiputera yang tidak ada darah keusahawanan.

Dengan demikian saya mencadangkan supaya mengkaji keseluruhan sistem masyarakat bumiputera dari segi institusi politik, institusi ekonomi, institusi sosial, institusi masyarakat, institusi keluarga dan sebagainya supaya kita dapat mencari, apakah rahsia untuk kita melahirkan usahawan yang berjaya. Daripada datang hak ini, kita bagi pun tidak berjaya, datang, bagi pun tidak berjaya, akhirnya merugikan negara kita.

Jadi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana ramai agaknya hendak bercakap, jadi eloklah kita hadkan masa untuk seorang berucap selama 30 minit. Saya percaya kalau kita buat begini, insya-Allah semua orang boleh dapat bercakap. Sila, Batang Lupar – setengah jam. Batang Lupar, insya-Allah boleh.

**4.44 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Syukur alhamdulillahlah Dato', terima kasih. Dapat 30 minit Dato', terima kasih. Kalau orang pergi tengok main football, Tuan Yang di-Pertua, mungkin 10,000, mungkin 30,000. Kadang-kadang yang main tengok football di terrace itu lebih pandai daripada yang main football 22 orang dekat padang. Jadi, berlakulah yang di terrace itu, macam-macam. Apa tak tendang sana, apa tak pass sini, macam-macam cerita tetapi kalau merekalah diberi main football, hendak sepak ball itu sampai 10 kaki pun tidak boleh.

Jadi, itulah apa yang saya dengar kadang-kadang banyak berlaku di Dewan ini terutamanya pihak pembangkang, Dato'. Dia tidak dalam kerajaan, apa yang kerajaan buat sebagaimana pun pembangunan, hasil, kesan dan sebagainya kita buat, semua tidak betul, cari yang tidak betul itu disebut tetapi yang betul itu tidak pernah disebut. Jadi, kadang-kadang kita Dato', kena jugalah sebut sedikit-sedikit. Yang baik itu sebutlah, yang baik. Kepong boleh baik jugalah kerana dia itu doktor kulit, dia tahu juga melihat. Kadang-kadang ada usaha dia itu mendatangkan kesan yang baik, ada juga yang tidak baik. Jadi, pandailah menilai. Kadang-kadang yang baik itu memang baik juga, yang jahat itu tidak baik.

Jadi, kita menerima hakikat. Itulah kenapa kita ada barisan backbenchers, Ahli Parlimen pihak kerajaan memberi constructive criticisms kepada pihak kerajaan kerana two head is beter than one, dengan izin. Begitulah sepatutnya kita membuat satu semangat. Bukan pembangkang, kita, tiap-tiap kerja tindakan kerajaan itu semua dibangkang, betul, salah semua sekali bangkang. Jadi, orang nampak kita jadi orang yang negatif. Orang tidak pernah menerima hakikat ada, kata orang, cloud itu ada silver lining dia, di sebalik silver lining itu ada juga cloud, conversely speaking, dengan izin.

TuanYang di-Pertua, saya sedihlah kalau kita menjadi orang Red Indian sebagaimana Yang Berhormat bagi Tambun. Jadi, saya tidaklah jadi Red Indian. Saya percaya pihak Barisan Nasional tidak jadi Red Indian, kita orang Melayu.

Kita telah lihat, Tuan Yang di-Pertua, daripada sejak tahun 80-an, kita telah membangun daripada segi pendidikan, pengagihan pendapatan, kehidupan keluarga, kesihatan, soalan infrastruktur kita, soalan sosial kita, perumahan, sekitaran kerja dan sebagainya telah menunjukkan semua baik. Jadi, dari itu peningkatan kualiti hidup orang Malaysia telah meningkat begitu tinggi sekali daripada 86.2 mata ke 105.7 mata. Ini adalah data-data daripada kerajaan. Soalannya kalau kita hendak terima ataupun tidak terima, itu soalan kita. Yang mana satu kita hendak terima. Kalau *Asiaweek* keluarkah ataupun journal daripada luar negarakah yang kita terima ataupun yang orang kita sendiri, keluar di negara ini yang hendak kita terima. Ini satu 'pendapatan' yang berasingan. Saya, saya terima, kalau dia kata tidak boleh terima ini, boleh juga tidak terimalah tidak apa. Inilah balik kepada cerita main football tadi. Walaupun pandai macam mana pun Maradona main ada orang kata dia tidak pandai.

Jadi, kalau kita lihat semua umpamanya KDNK kita daripada tahun 99 suku pertama 4.1% dan suku yang akhir 10.6%. Ini data yang kita ada tetapi kenapa kita tidak boleh terima. Inflasi daripada 5.3 pergi ke 2.8, ini pun tidak boleh terima. Kerana kita dengar orang daripada Barat mungkin, ataupun apa nama…,yang daripada CNBC itu? *[Disampuk]* Perempuan itu? Ha, dia kata memang tidak boleh baiklah Malaysia itu, semua jahat semua. Kalau kita hendak dengar kata diakah ataupun Kementerian Kewangan yang kita hendak dengar? *[Disampuk]* Kena terima jugalah, ini orang Islam yang cakap, tidak boleh betulkah ini? Tolonglah sikit.

Jadi, saya sebagaimana Yang Berhormat bagi Tambun, 'mengucap' berbanyak terima kasihlah, bukan sahaja orang daripada, wakil daripada kawasan saya tetapi juga rakyat Malaysia ini 'menerima kasih' kerana banyak pemberian yang kerajaan telah beri dibaca oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya tidak payah sebut semua sekali, kalau saya hendak sebut semua sekali itu, susahlah, dengar cerita saya sahaja daripada hari ini sampai petang besok. Jadi, biarlah saya tidak ubah. Ambil buku yang banyak-banyak ini tolong baca dulu sebelum berbahas di Dewan. Ha, itu yang baik kerana kita kena terima apa yang kerajaan janjikan itu untuk rakyat Malaysia. Tidak

ada pernah sekalipun orang minta scholarship, orang dapat pinjaman itu ditanya sama ada dia PAS, KeADILan, PBB, UMNO ataupun MIC, tak ada pernah tanya pun. Dia untuk rakyat Malaysia. Jadi, terimalah pemberian daripada kerajaan sama ada daripada pencen yang naik, gaji yang naik, pinjaman yang naik dan sebagainya itu kita ucapkan berbanyak terima kasih kepada kerajaan.

Saya memang menerima hakikat ini ada juga di dalam kita mengagihkan…apa nama ini…orang Sarawak kata…tak ada orang Iban di sini. Dia kata ‘buah merdeka’. ‘Buah merdeka’ Dato’, dalam mengagihkan ‘buah merdeka’ memang ada juga yang dapat banyak, ada juga yang dapat sikit kerana tidak semua akan dapat banyak. Kadang-kadang orang yang tidak mampu menerima yang banyak sangat itu diberi banyak macam bagi bunga ke tangan keralah tu. Jadi, kita kena lihat juga, Yang Berhormat ya. *[Berpaling ke belakang memandang kepada Yang Berhormat bagi Selangau]*.

Jadi, kita sekarang hendak pindah – tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang bagi – saya ada buat banyak catitan perbahasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, tidak satu pun apa yang kerajaan buat betul, tetapi masalahnya, tiap-tiap ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu semua tidak betul, sorrylah cakap, memang tidak betul. Oleh kerana apa yang dia buat nilaian dan pendapat itu adalah pendapat Yang Berhormat sendiri, tanpa merujuk kepada sesiapa yang boleh – bijak dan pandai ataupun data-data yang tertentu. Saya sebut di sini, ada – tidak payah banyak saya sebut, dia kata atas desakan Barisan Alternatif, kerajaan menaikkan pinjaman pelajar dan kenaikan pencen. *[Tepuk]* Sebenarnya Yang Berhormat, saya hendak sebut satu, kita sudah sebut 4 tahun lepas, soalan pencen dan kenaikan gaji di Dewan ini sebelum Yang Berhormat Ketua Pembangkang jadi ahli Dewan yang mulia ini.

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kinabatangan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, satu saja cukup itu. Jangan lama sangat, nanti kena potong masa, nanti.

**Tuan Moktar bin Radin:** Tidak. Saya tertariklah dengan *'buah merdeka'*, jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa pengagihan *'buah merdeka'* ini pihak pembangkang juga menerima, kalaupun tidak mereka secara langsung mungkin anak-anak dan keluarga mereka di sekolah mahupun di hospital-hospital kerajaan, ini juga *'buah merdeka'* daripada kerajaan. Jadi apakah ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang *relevan*. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya pernah pergi ke kawasan saya – jangan diekploitasikan apa cerita saya ini. Di kawasan itu, apa yang ada dari kerajaan adalah satu sekolah. Pada tahun 80-an itu, sekolah di kawasan itu memang sampai sekarang pun masih sama tetapi pada tahun 80-an, kita nampak rumah daripada atap daun dan semualah atap daun dan sebagainya, anak-anak tidak pernah pun menjejak kaki ke Kuching, sebab tidak ada sekolah tetapi atas pembangunan sekolah ini telah sampai ke sana, satu sekolah kerajaan hantar – ada anak jadi askar, ada anak jadi pegawai polis, ada yang jadi pegawai 'pantadbir' kanan *[Ketawa]* percakapan saya jangan dieksploit tu 'pentadbiran' tu *[Ketawa]* faham orang Sabah.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kanan. Jadi, pembangunan kita tidak nampak ialah pembangunan mental, dia orang ini, tidak ada jalan, tidak apa dan sebagainya tetapi anak-anak mereka sudah ada yang jadi pegawai kerajaan, ada pegawai tentera, ada pegawai polis, jadi jururawat dan sebagainya.

Jadi, saya kata, kita di kampung ini tidak boleh *denied* …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Menafikan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Menafikan, minta maaf, terima kasih, lupalah kadang-kadang. Menafikan yang pembangunan kerajaan itu telah sampai ke merata-rata, di setiap pelosok rantau negara ini, walaupun jalan belum sampai, klinik belum sampai, sekolah besar belum

sampai dan sebagainya tetapi pembangunan yang kerajaan beri secara strategik, membina sekolah dan sebagainya sudah sampai, sudah membangun minda orang di tempat yang sama, dengan sendirinya rumah panjang itu pun sekarang sudah, atap asbestos dan dinding papan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lumut bangun, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larut, larut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Larut, sorry. *[Disampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sikit sahaja, tidak banyak. Saya ingat mungkin Yang Berhormat setuju, sejak dari awal saya hadir ke Dewan ini, pihak sebelah sana, pembangkang, semua tidak betul, bagi pun tidak kena, tidak bagi pun tidak kena, Menteri datang pun kata *'makan gaji buta'*, Timbalan Menteri datang pun duduk dari mula pun kata *'makan gaji buta'*. Saya hendak cadanglah kalau Yang Berhormat setuju, supaya ahli-ahli pembangkang inilah, jangan ambil elaun, tunjuk, buktikan kepada rakyat kerana elaun itu datangnya daripada kerajaan, kerajaan UMNO dan kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih. *[Tepuk] [Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** JKK *Company*.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kira setuju sajalah ni. Tetapi apa yang patut – saya memang setuju betul – tidak baiklah mengguna perkataan bukan cara perkataan *colloquial* daripada daerah-daerah lagi ni. Perkataan yang terus terang mengatakan Menteri *'makan gaji buta'*, saya tidak terima langsung perkara ini. Saya berdiri tadi mengatakan perkara ini patut ditarik balik tetapi oleh kerana kita akur kepada Kerusi, kita terimalah arahan daripada Kerusi dan kita sebagai ahli pihak kerajaan, kita menerima apa *ruling* yang telah dibuat. Tetapi saya memang tidak setuju langsung mengatakan Menteri *'makan gaji buta'*lah, Setiausaha Parlimen *'makan gaji buta'*lah. Kita kena lihat juga di Dewan ini banyak masa kita bersidang, pegawai kerajaan macam menteri dan sebagainya, ada tugas-tugas yang tertentu di pejabat. Kalau tidak buat di sana pun, dikata juga *'makan gaji buta'*, jadi mana satu –

itu sebablah kita ada Menteri, kita adakan Timbalan Menteri dan kita ada Setiausaha Parlimen, kalau Menteri tidak ada, Setiausaha Parlimen yang boleh jawab dan boleh kendalikan tugas, mereka ini cerdik semua ini, kalau tidak cerdik, mana boleh sampai sini.

Jadi, banyak lagi, saya tulis semua apa yang dikata oleh Ketua Pembangkang tadi, bermuka-muka, jadi tidak payahlah saya ulangkan semua sekali itu, biarlah saya berpindah, apa benda apa yang saya hendak cakap tadi. Oleh kerana 30 minit itu pendek sangat untuk saya, memang mukaddimah pun belum habis, kalau saya bercakap, jadi biarlah saya sebutkan perkara dasar pendidikan dan sebagainya, perkara yang *very near to my heart,* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya boleh.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tolong pembangkang dengar saya menyebutkan – kalau tidak setuju dengan kata saya, dalam perbahasan nanti boleh sebut. Tetapi buat masa sekarang, masa tidak banyak, jadi biar saya bercakap, oleh kerana saya ini membuat satu kritikan juga di samping mengatakan banyak yang baik tetapi adalah konstraktif untuk kita bersama memikirkannya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pendidikan yang ada patut kita lihat semula. Oleh kerana sekolah, universiti, dikatakan tempat untuk menimba ilmu, tetapi Dato' Yang di-Pertua menimba ilmu Tuhan ini begitu banyak sekali, ilmu Tuhan hendak ditimba dalam masa kita di sekolah hanya mungkin 15 tahun sahaja, mungkin tidak mencukupi. Jadi maknanya bila kita sampai di sekolah itu, tujuan bukan untuk menimba ilmu dan mengisi dada untuk ilmu sahaja mungkin tidak mencukupi. Kita mesti mengajar orang pergi ke sekolah dan ke universiti untuk – bagaimana untuk menimba ilmu – ini lain daripada untuk menimba ilmu. Soalannya memberi orang ikan untuk makan satu hari sudah habis dan mengajar orang mengail boleh makan sepanjang masa.

Tujuan dia, konsep dia bukan menimba ilmu sahaja tetapi ialah untuk belajar bagaimana untuk menimba ilmu sepanjang hayat dan sepenuh masa tanpa menggunakan soalan formal di sekolah dan di universiti sahaja.

Maknanya, sistem yang ada pada kita bukan dikatakan tidak betul tetapi kita mesti melihat, kita mesti melihat di negara-negara lain, seluruh dunia kita harus melihat, di Amerika umpamanya *the best education* di Amerika, dengan izin, *in definitely the best in the world*. Kita tidak boleh nafikan Ivillave adalah yang terbaik di dunia, sudah hantar orang ke bulan, sekarang naik bintang Marikh dan bermacam lagi, tetapi mungkin ada kelemahannya juga dan di peringkat persekolahan mungkin di Amerika tidak boleh dapat menandingkan persekolahan yang wujud di England. Dan di England juga kita ada mempunyai universiti yang bercorak, bertahap antarabangsa atau world class university, macam Oxford, Cambridge dan University of London umpamanya.

Tetapi universiti dan sekolah ialah untuk menerima asas ilmu dan mencapai akademi excellent memang betul, tetapi juga untuk mencungkilkan bakat yang mungkin tidak wujud, yang terpendam. Kenapa saya sebut begini, kita lihat para bijak pandai yang pernah kita dengar orang kata Albert Anstinen umpamanya, tidak pernah pun duduk di formal school dengan sepenuh masa, tetapi menjadi seorang scientist yang dikatakan terunggul sekali di dunia. Banyak lagi, kalau saya hendak sebut, saya boleh sebut semua para-para bijak pandai yang dikatakan tidak mempunyai sekolah formal macam William Shakespeare, ahli dalam bidang sastrawan, begitulah Isaac Newton umpamanya, juga tidak mempunyai persekolahan formal, maknanya kita mesti mencari bakat yang terpendam ini, orang yang macam Albert Anstine orang yang malas sekolah, orang yang macam Isaac Newton pun kadang-kadang selalu beranggan-anggan, orang yang macam William Shakespeare, tidak habis pun peringkat diploma, tetapi boleh menjadi orang yang begitu terkenal sekali di bidang-bidang mereka sendiri.

Jadi jangan kita pandang anak-anak kita yang tidak dapat semua A dalam SPM ataupun STPM itu bodoh. Kita kena cari di mana letak bakatnya bahkan ada di antara yang bijak pandai menjadi saintis yang terunggul Dato' adalah orang dianggap tidak mungkin boleh maju dalam sekolah dianggapkan sebagai retarded pemikiran dia. Jadi di dalam kita mencungkilkan bakat ini, baru kita boleh mewujudkan orang yang berkualiti. Makna 'dia', kita mesti

mewujudkan suasana yang boleh membangkitkan bakat, kreativiti kerana bakat, kreativiti ini berlaku di Amerika. Kita boleh kata apa saja 'soalan' sekolah-sekolah di Amerika tetapi persoalannya Amerika mengeluarkan banyak orang yang berbakat, banyak orang yang menjadi meraihkan prize nobel peace prize dalam natural science dan sebagainya kita kena terima hakikat walaupun kita kata tidak ada disiplin tetapi kreativiti digalak.

Kita juga dapat menerima hakikat tidak semua anak-anak yang masuk sekolah akan mampu pergi ke universiti dan tidak semua yang masuk universiti akan mencapai kecemerlangan dan tidak semua yang mencapai kecemerlangan itu mungkin menjadi manusia atau pekerja yang baik. Kenapa saya sebut demikian? Kalau kita lihat Dato' umpamanya peguam David Marshall dulu di Singapura, dia dapat Kelas Ketiga dalam perundangan tetapi boleh dikatakan seorang peguam yang handal.

Jadi mungkin Yang Berhormat daripada 'Alor Gajah', Batu Gajah, mungkin dapat Kelas Kedua tapi tak sehandal David Marshall. Banyak lagi yang boleh kita sebutkan mereka yang academic excellent ini tetapi sebagai pekerja, pengusaha, dia tidak boleh maju kerana ini adalah bidang yang berlainan, dia tidak boleh dinilai dalam masa yang pendek. Ada di antara yang kurang daripada segi akademik mungkin berkebolehan di bidang teknikal. Inilah yang saya hendak sebutkan. Yang lain pula mungkin boleh dilatih menjadi peniaga yang bijak, pintar, pekerja yang mahir dan produktif. Ini kita lihat, kalau kita lihat Dato', saya balik kepada bidang akademik. Kalau di England boleh mewujudkan universiti bertaraf dunia, saya cukup yakin Malaysia juga boleh mewujudkan universiti bertaraf dunia dengan hakikat yang kita boleh membuat universiti itu, memberikan bantuan daripada research and development, memberi insentif sewaktu penulisan dan sebagainya dan memberi pertolongan kepada mereka yang berkemampuan dan diberi kenaikan pangkat pada yang berkualiti dan berkebolehan dan dengan syarat yang sedemikian, universiti ini boleh di tahap dunia dan tidak semua universiti yang wujud di negara ini boleh dinaikkan sedemikian sebagaimana yang berlaku di England.

Kita lihat di Oxford, Cambridge dan London University saja yang dianggap tinggi daripada segi akademiknya dan walaupun 'Edenburg' University boleh dikatakan boleh maju dalam bidang teknikal. Jadi sebegitulah seterusnya kalau kita lihat di England dan kalau kita lihat di Jepun umpamanya. Di negara Jepun tidak ada universiti yang bertaraf dunia tetapi mereka boleh mengeluarkan orang, teknikal yang average dia punya kebijakpandaian. Jadi kita mesti melihat bagaimana Jepun mewujudkan persekolahan yang above average ini dan bagaimana pula Jerman boleh mengeluarkan orang teknikal dan teknokrat yang unggul untuk negara mereka walaupun tidak ada universiti yang bertahap dunia di Jerman umpamanya.

Jadi kita gunakan pengalaman di negara ini untuk digunakan ke negara kita bawa expertise daripada Jerman ataupun model daripada Jerman untuk mewujudkan orang teknikal sebagai Jepun dan sebagainya dan begitu mewujudkan universiti bertahap dunia macam di Amerika dan di England dan mewujudkan pekerja-pekerja yang baik dan produktif macam di Jepun, Korea dan Taiwan.

Dari itu Dato', saya ingin mencadangkan supaya sekolah-sekolah, universiti-universiti kita mestilah diwujud, jangan ditekankan sangat soalan akademik dan pencapaian persekolahan. Saya pernah menyebut beberapa tahun lepas soalan open certificate. Tetapi apabila sekolah open certificate ini diwujudkan di negara kita jauh berlainan daripada apa yang saya fikirkan. Saya sebut begini ialah mengulang kembali hujah saya empat tahun lepas mengatakan kalau seorang itu hendak jadi peguam, tidak payahlah dia belajar ilmu Matematik. Kalau dia peguam yang cerdik, dia belajar nanti. Macam di Oxford University Dato', kalau hendak masuk jadi peguam, you must have "three straight A's", "three straight A's" makna dia di Malaysia tidak ada soalan terminalogi "three straight A's" ini sebab "three straight A's" di England umpamanya orang duduk A level ini, satu kali satu tahun, dua tahun, tiga tahun dia boleh tiga A. Ini dikatakan A installment. Yang straight A - sekali periksa dia dapat tiga A, itu yang tiga A, straight A. Jadi di Malaysia tidak ada sistem yang sedemikian, jadi kita tidak boleh sebut, newspaper tak payah sebutlah, straights A's, tidak ada.

Jadi hendak masuk Oxford tu ada kena three straights A's, masuk jadi pelajar Undang-undang tetapi kalau ada hubungan dengan profesor di sana mungkin kurang daripada itu boleh juga masuk. Saya tahu sendiri sebab saya melihat orang menawar kepada seorang yang ada rakan baik dalam Universiti Oxford. Perhubungan juga penting sebagaimana Yang Berhormat Tambun tadi at the end of the day, kata dia, perhubungan di antara manusia itu boleh menentukan sesuatu.

Itu saya kembali kepada persoalan certificate tadi. Jadi jangan sangat menekankan anak-anak ini dilonggok dengan persekolahan. Walaupun saya bersetuju kita mesti mewujudkan tadika-tadika di peringkat bawah, tetapi tadika-tadika ini adalah untuk membimbing anak ini dengan cara sosial, bercampur dengan orang-orang ramai dan hidup dalam masyarakat di antara anak-anak ini sendiri tapi janganlah diajar membaca, menulis dan mengira sebagai peringkat kanak-kanak ini dan lepas itu bila masuk persekolahan, buku menimbun lebih banyak daripada Ahli Parlimen. Bila sampai umur 14 tahun, diapun berjalan bongkok. Buku banyak sangat sebab di sekolah kena belajar banyak.

Jadi anak-anak yang baru daripada umur 6 tahun sampai peringkat 15 tahun ini bila sampai 14 tahun, dia burn out Dato', tak boleh belajar lagi dah dan mungkin burn out itu mungkin gantung sendiri atau bunuh sendiri. incident of suicide dengan izin, di negara-negara yang menekankan corak pendidikan - saya boleh sebutkan di Singapura umpamanya, adalah tinggi, begitulah berlaku di Jepun sebelum tahun 80-an tetapi bila culture yang baru di'introduce'kan di persekolahan Jepun, perkara ini tidak ditekankan sebegitu rupa lagi masa ini kerana Jepun tidak lagi menganggap mereka, mengejarkan kemewahan, kekayaan sebagaimana selepas perang yang kata mereka telah tertekan, negara mereka dah kena bom, negara mereka dah kalah. Jadi hendak mengejar sebagai maju orang di Barat.

Jadi kita jangan pandang sangat soalan masuk universiti tetapi yang penting ialah opportunity untuk masuk ke universiti. Walaupun saya menyebutkan tadi ada universiti yang peringkat dunia, taraf dunia mungkin peringkat kemasukannya tinggi sikit tapi ada universiti yang lain yang boleh

membuatkan, mewujudkan guna tenaga manusia di negara ini dikurangkan sedikit jangan ditekankan sangat. Kita kena ingat orang kita dekat luar bandar opportunity ada, sekolah tidak ada, sekolah bestari tidak ada, komputer tidak ada, api tidak ada, semua tidak ada, belum cukup. Jadi mereka ini pun kena juga mereka ini warisan kita, orang bumiputera, orang Melayu yang banyak di luar bandar base parti kita, asas parti kita.

Jadi, mereka ini kena kita lihat juga jangan kita mengejarkan kualiti, kita lupa dengan anak-anak kita sendiri. Ini yang saya bimbang. Di samping kita mengejar kualiti, kita juga jangan lupa kuantiti, anak luar bandar yang mungkin kemudahan yang kurang. Saya selalu buat rayuan kepada pihak kementerian,, jabatan kerajaan terutama pendidikan. Saya sudah ada eksperimen, seorang budak saya sebut, masuk ITM, dia dah diterajang oleh komputer tidak boleh masuk oleh kerana matematik dia kurang. Saya kata dengan pro-boss di Kuching, *"Tolong masuk dia dulu, lepas itu kita lihat, kalau dia tidak lulus dalam pre kom ini, you boleh keluar dia, kalau dia lulus masukkan"*.

Sekarang budak itu dah membuat Ijazah di ITM juga, lulus Diploma dengan cemerlang walaupun dulu komputer pernah terajang. Komputer serve kita punya purpose. Jangan kita serve komputer punya purpose, Tuan Yang di-Pertua, kerana orang yang saya sebut tadi sebagai yang cacat fikiran itu Thomas Edison, Tuan Yang di-Pertua. Dia dianggap oleh guru dia masa di sekolah sebagai cacat fikiran, tidak boleh maju dalam sekolah tetapi menjadi orang yang mencipta satu benda yang begitu baik sekali untuk manusia sejagat, kenapa? Jadi, jangan *judge a book by its cover*. Kadang-kadang ada orang yang lambat *take-off maturity* dia mungkin tidak lulus dengan cemerlang. Jangan anggap yang cemerlang itu yang baik, mungkin dia *burnt out* sebelum habis persekolahan STPM. Masuk universiti dah tidak ada lagi benda dah.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat kita ialah untuk mewujudkan manusia berilmu di negara kita. Di samping itu juga kita kena mengisikan guna tenaga negara kita. Dalam kita mewujudkan universiti yang banyak-banyak, IPTS dan sebagainya, kita kena mewujudkan IPT teknikal dengan banyaknya juga

oleh kerana kita kena ikut model di German untuk mendidikkan orang ini untuk mengisikan keperluan negara dalam bidang teknikal. Jadi, kalau kita dapat academic excellence sebagai Amerika, top universities di Amerika dan England untuk mewujudkan akademi-akademi ataupun orang yang mempunyai excellence academic record dan kita juga mewujudkan orang teknikal sebagai Jepun dan di German dan *work force* sebagaimana di Jepun, Korea dan Taiwan. Ini mesti dipandang serentak dan tidak boleh diperlengahkan lagi.

Jadi, dengan itu saya memintalah, wujudkanlah universiti yang bertahap dunia di negara kita ini, berilah pertolongan, research, peruntukan, bantuan, motivasi dan sebagainya. Jangan disekat peruntukan untuk research dan development ini. Jangan sekatkan ilmu ini berkembang. Beri kemudahan kepada mereka, beri insentif kepada mereka terutama yang menulis buku dan sebagainya kerana buku-buku ini adalah khazanah negara kita. Saya lupa apa Carl Gilbren kata pasal buku-buku dan harta benda ini, "dunia nanti semua akan hilang, mungkin bangunan akan hilang seribu tahun tetapi apa yang kita tulis pada hari ini akan wujud selama-lamanya, macam mana kita ingat dengan Plato, Aristotle dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa tinggal satu minit lagi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya pindah teruslah, pindah ke perkara lainlah, Dato'. Saya ada satu perkara yang amat penting bagi saya untuk saya sebutkan dan diwakil oleh kawan-kawan banyak, jadi saya sebutlah sini. Ini berhubung dengan mahkamah. Jadi, Yang Berhormat Menteri dilaporkan berkata untuk mewujudkan undang-undang untuk mempercepatkan kes-kes di mahkamah. Jadi, saya banyak berbincang bila balik, dalam masa sedikit yang saya jumpa berbincang dengan kawan-kawan, banyak orang mengatakan, iaitu undang-undang pada masa sekarang tidak diperlukan oleh kerana dia kata, *practice direction* daripada hakim adalah mencukupi. Tetapi apa yang berlaku ialah kes-kes yang melibatkan kerajaan yakni kerajaan yang kena saman oleh pihak yang menuntut. Kes yang

sedemikianlah selalunya terlambat. Jadi, ini adalah tuduhan daripada kawan-kawan yang saya jumpa.

Jadi, saya hendak meminta daripada Menteri jawapan nanti, data-data yang ada menunjukkan kes-kes yang terlambat ini, berapa banyak yang kita ada di seluruh negara dan adakah benar tuduhan yang mengatakan kes-kes hanya terlibat dengan jabatan kerajaan sahaja yang mana kerajaan yang kena saman dan kes inilah terlambat. Makna dia dalam tuduhan ini dalam *impliedly* mengatakan kerajaan itu sengaja melambat-lambatkan kes-kes sedemikian. Saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini dengan secara serius dan kalau boleh diberi sampai habis masa kita balik, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak boleh, tak boleh.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tak boleh, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dah cukup dah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kawan-kawan ganggu, beri 5 minit, Dato'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak ada, tak boleh, cukuplah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tak boleh. Jadi, biarlah saya gulung dan saya akan bercakap lagi soalan ….. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Banyak, lain masa boleh cakap.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Soalan Mahkamah Syariah dan apa yang dikatakan bekas Hakim Harun Hashim dalam surat khabar dan panjang juga benda yang saya tulis ini, saya insya-Allah akan bercakap dalam Jawatankuasa nantilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, walaupun bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih dengar cerita saya tadi dan saya menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kepong, ya. Teruskan Yang Berhormat Kepong.

**5.18 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap mengenai Rang Undang-undang yang dibentang kali yang kedua ini. Pernah saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, ini merupakan satu pembentangan yang aneh, yang tidak pernah berlaku di mana-mana negara pun. Ini menunjukkan '*Malaysia Boleh!*' Boleh membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan dua, tiga kali pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tiap-tiap tahun kerajaan memperuntukkan lebih RM2 juta untuk menyiapkan bagi pihak Kementerian Kewangan untuk menyiapkan Belanjawan setahun, lebih RM2 juta dan ini nampaknya ada satu pembaziran, pemborosan kerana tahun yang lepas, usaha yang gigih diadakan di dalam Kementerian Kewangan untuk mewujudkan satu Belanjawan dan kerana hendak menafikan, hendak menyangkalkan lebih lapan ratus ribu pengundi baru, maka kita tangguhkan atau bubarkan Parlimen pada 11 November yang lepas dan membolehkan pihak Barisan Nasional mengadakan Pilihan Raya Umum pada 29 November.

Tuan Yang di-Pertua, pada 25 haribulan bulan ini, pihak Menteri Kewangan telah menggunakan peluang ini untuk menonjolkan begitu hebatnya pihak Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional sangat hebat kerana dengan angka-angka yang diberi seperti itu kadar pertumbuhan KDNK sampai 5.8% dan juga disebutkan bahawa anggaran yang dahulu pada 29 Oktober itu hanya 5% sahaja dan ini memang menunjukkan begitu hebatnya Kerajaannya dan hasil negara pun dianggarkan sekarang RM61.8 bilion berbanding dengan anggaran yang awal RM58.8 bilion dan lebih dahsyat lagi penonjolan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur, 1,009.53 point berbanding dengan 262.7 point pada 1 September, 1998. Ini memang

statistik-statistik ini memang apabila kita membacanya memang seronok sekali. Kemanisan ini, itu memang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap sebagai rakyat Malaysia semua ini benar dan angka-angka ini membayangkan keadaan yang sebenar dan juga pemulihan ekonomi benar-benar berlaku. Kita berharaplah yang sedemikian. Walau bagaimanapun di banyak sektor sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah nampak sangat pemulihan ekonomi. Mungkin enam bulan hadapan mungkin kita boleh nampak kerana saya pun sedar kalau kita tengok Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Indeks Komposit lebih satu ribu point dan sekarang beberapa hari ini kerana Dow Jones di Amerika Syarikat turun sedikit yang menjejaskan kadar kenaikan untuk indeks komposit.

Walau bagaimanapun, dengan lebih satu ribu point ini memang mengambil masa mungkin enam bulan sebelum rakyat jelata dapat melihat dengan sebenarnya kesan kenaikan Indeks Komposit. Sebab itulah ada orang yang mengatakan kita tidak boleh menumpukan perhatian 100% kepada statistik daripada Bursa Saham Kuala Lumpur kerana ini tidak membayangkan keadaan ekonomi 100% mungkin satu bahagian sahaja. Itu pun kita mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan baru kita boleh melihat kesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun seronok juga kalau kita boleh ada lebihan dagangan RM72.3 bilion dan inflasi kalau kita boleh benar-benar memastikan inflasi itu tidak sampai 3%, 2.8% itu memang kalau inilah yang membayangkan keadaan consumer price indeks yang sebenar kita memang mengalu-alukan. Walau bagaimanapun, saya nampak satu kelemahan lagi. Bukan satulah banyak lagi kelemahan, bukan itu Barisan Nasional semua sempurna. Bukan sempurna semua. Kalau sempurna kita tidak akan wujudkan falsafah ataupun boleh disifatkan sebagai satu kebudakan atau kejahilan mengenai globalisasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Shah Alam, Kepong minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini tidak ada injury time.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau hendak bagi-bagilah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Baru sebentar tadi Yang Berhormat bagi Kepong menyebut BSKL mencapai kenaikan seribu mata, banyak kebaikan dan ini penanda baik tentang turn-around dengan izin, Tuan Speaker, ekonomi. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong adakah ini menandakan bahawa pelabur luar dan dalam negara yakin bahawa segala langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi ini telah pun berjaya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat memang dengar apa yang saya sebutkan tadi. Saya pun tidak tahu sama ada ini angka-angka yang sebenarnya. Ini memang Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil kesempatan..

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat Kepong, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tidak percaya segala angka-angka yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan juga NGO itu merupakan angka yang tidak benar dan tepat dalam petunjukan indek kepada ekonomi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya angka-angka ataupun statistik boleh diputarbelitkan. Boleh putar fasal Yang Berhormat pun tahu. Ini memang satu helah yang digunakan oleh beberapa pihak termasuk Barisan Nasional yang kalau kita hendak tunjukkan daripada angka-angka ini hanyalah itu tonjolkan kebolehannya. Tetapi kalau kita lihat daripada aspek yang lain ini mungkin bukan keadaan yang sebenar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, minta penjelasan lagi, ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tetapi Yang Berhormat saya rasa statistic doesn't lie, Yang Berhormat. Cuma kalau Yang Berhormat hendak menerima angka itu mengikut perspektif dan fahaman Yang Berhormat sama ada benar ataupun tidak but angka normally doesn't lies. Sekian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, Yang Berhormat dia kata angka tidak membohong, jadi ini adakah bermakna Barisan Nasional berbohong. Itulah yang dimaksudkan tadi.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat ini keliru.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana keliru pula.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kita cakap daripada segi awal tadi bahawa petunjuk ekonomi ini berasaskan kepada statistik yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan juga pihak bukan kerajaan serta pemerhati luar tentang kedudukan. Adakah Yang Berhormat merasakan bahawa dengan kelebihan dagangan sebanyak 72.4 bilion adalah satu pembohongan angka yang dibuat oleh kerajaan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, RM72.3 bilion ringgit yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat tambah sedikit. Itulah masalah sekarang. Dia hendak tambah dengan ikut kehendak sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia kurang..

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Dia kurang, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia kurang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia 72..

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kalau hendak belajar bahasa jumpa Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lebih kurangkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia sebut 72, Yang Berhormat 73.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia sebutkan BN membohong pun dia sebutkan. Saya pun tidak kiralah mengapa BN hendak adakan Ahli seperti ini yang mengakui dia berbohong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat. Cukup, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana macam itu ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan mengenai reserve negara, reserve tukaran asing negara ini. Saya seronok juga dengan ada tambah sedikit lebih US$20 bilion kepada lebih US$32 bilion ini satu gejala baik juga. Tetapi matlamat kita ini untuk mencapai saya berharap sampai satu reserve mungkin US$100 bilion. Ini jauhlah jarak jauh sangat lagi bagi kita untuk mencapai matlamat seumpama ini mungkin dalam lima tahun lagi kita boleh capai kalau pihak kerajaan boleh benar-benar bergigih, benar-benar mempunyai dasar dan strategi yang baik. Mungkin kalau dapat nasihat daripada pihak kami mungkin boleh mencapai satu matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat saya tekankan di sini memang mengenai dasar-dasar dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan termasuk peraturan-peraturan misalnya di Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Suruhanjaya Sekuriti yang telah pun ditubuhkan dan berfungsi pada hari ini saya nampak kadangkala regulasi ataupun peraturan-peraturan atau dasar-dasar tidak begitu konsisten termasuklah apabila kita membenarkan amanah saham yang memang ditubuhkan oleh negeri-negeri oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk amanah saham. Apabila disebutkan harga untuk amanah saham memang kita mesti ikut peraturan yang ditetapkan.

Saya nampak dia misalnya kalau satu saham itu hanya 5 sen dan pihak kerajaan membenarkan ia tetapkan dengan harga yang lebih tinggi lagi tidak mengikut peraturan dan dasar dan peraturan yang tidak konsisten ini memang tidak baik untuk negara. Tidak baik. Saya satu contoh sahaja. Ada banyak contoh yang lain kalau tidak kita mahu mempunyai satu daya saingan yang baik menghadapi liberalisasi memang kita mesti ada dasar dan peraturan yang konsisten dan saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian mengenai semua dasar dan peraturan yang lebih konsisten untuk menghadapi globalisasi. Saya menekankan bahawa kita boleh mengalami masalah sekarang termasuk krisis ekonomi bukan hanya kerana spekulator asing. Tapi….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat boleh sambung esok. Saya ada ..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh kalau saya ada satu jam, 30 minit lagi untuk esok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat sudah bercakap 15 minit. Jadi tinggal 15 minit lagi sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, berapa minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** 15 lagi. Jadi ahli-ahli Yang Berhormat…

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bermula 20…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya ada catit di sini Yang Berhormat. Jam itu mengadap saya Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok hari Selasa.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

Februari 2000

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

| | |
|---|---|
| “ | Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok) |
| “ | Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit) |
| “ | Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) |
| “ | Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) |
| “ | Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei) |
| “ | Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) |
| “ | Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh) |
| “ | Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.MJ, P.I.S (Bakri) |
| Yang Berhormat | Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar) |
| “ | Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan) |
| “ | Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) |
| “ | Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar) |
| “ | Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian) |
| “ | Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh) |
| “ | Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) |
| “ | Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara) |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu) |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu) |
| “ | Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang) |

| | |
|---|---|
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran) |
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai) |
| “ | Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol) |
| “ | Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) |
| “ | Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa) |
| “ | Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri) |
| “ | Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) |
| Yang Berhormat | Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat) |
| “ | Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar) |
| “ | Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai) |
| “ | Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) |
| “ | Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya) |
| “ | Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak) |
| “ | Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) |
| “ | Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dat o’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) |
| “ | Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) |
| “ | Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru) |

| | |
|---|---|
| “ | Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort) |
| “ | Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) |
| “ | Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) |
| Yang Berhormat | Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub) |
| “ | Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) |
| “ | Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin) |
| “ | Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik) |
| “ | Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M .N. (Stampin) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong) |
| “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) |
| Yang Berhormat | Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun) |
| “ | Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang) |
| “ | Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam) |

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang) |
| “ | Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) |
| “ | Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar) |
| “ | Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai) |
| “ | Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman) |
| “ | Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan) |
| “ | Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang) |
| “ | Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah) |
| “ | Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) |
| “ | Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh) |
| “ | Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) |
| “ | Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit) |
| “ | Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh) |
| “ | Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) |
| “ | Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu) |
| “ | Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat) |
| “ | Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) |
| “ | Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah) |
| “ | Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu) |
| “ | Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) |
| “ | Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) |
| “ | Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) |
| “ | Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang) |
| Yang Berhormat | Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) |
| “ | Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) |
| “ | Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab) |
| “ | Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal) |
| “ | Dato Goh Siow Huat (Rasah) |
| “ | Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar) |
| “ | Tuan Hassan bin Mohamed (Besut) |
| “ | Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas) |
| “ | Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar) |

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat) |
| “ | Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) |
| “ | Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) |
| “ | Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) |
| “ | Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram) |
| “ | Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin) |
| “ | Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong) |
| “ | Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) |
| “ | Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman) |
| “ | Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau) |
| “ | Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau) |
| “ | Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau) |
| “ | Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran) |
| “ | Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat) |
| “ | Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka) |
| “ | Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang) |
| “ | Tuan Kong Cho Ha (Lumut) |
| “ | Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan) |
| “ | Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) |
| “ | Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai) |
| “ | Tuan Lim Hock Seng (Bagan) |
| Yang Berhormat | Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong) |
| “ | Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim) |
| “ | Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan) |
| “ | Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena) |
| “ | Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau) |
| “ | Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit) |
| “ | Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau) |
| “ | Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading) |
| “ | Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah) |
| “ | Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai) |
| “ | Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor) |
| “ | Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau) |
| “ | Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa) |
| “ | Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli) |

| | |
|---|---|
| “ | Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud) |
| “ | Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) |
| “ | Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang) |
| “ | Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau) |
| “ | Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam) |
| “ | Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan) |
| “ | Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus) |
| “ | Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat) |
| “ | Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu) |
| “ | Tuan Mustafa bin Ali (Dungun) |
| “ | Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah) |
| “ | Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) |
| “ | Tuan Ng Lip Yong (Batu) |
| “ | Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar) |
| Yang Berhormat | Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok) |
| “ | Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang) |
| “ | Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar) |
| “ | Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam) |
| “ | Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu) |
| “ | Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) |
| “ | Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) |
| “ | Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu) |
| “ | Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran) |
| “ | Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong) |
| “ | Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah) |
| “ | Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang) |
| “ | Dato’ Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik) |
| “ | Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) |
| “ | Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau) |
| “ | Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat) |
| “ | Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching) |
| “ | Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan) |
| “ | Puan Sukinam Domo (Batang Sadong) |
| “ | Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya) |

| | |
|---|---|
| “ | Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu) |
| “ | Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling) |
| “ | Tuan Tan Kok Wai (Cheras) |
| “ | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) |
| “ | Dr. Tan Yee Kew (Kelang) |
| “ | Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) |
| “ | Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur) |
| “ | Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng) |
| “ | Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu) |
| “ | Dato’ Tiong Thai King, (Lanang) |
| Yang Berhormat | Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh) |
| “ | Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar) |
| “ | Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok) |
| “ | Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran) |
| “ | Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang) |
| “ | Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) |
| “ | Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya) |
| “ | Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang) |
| “ | Datin Paduka Haj ah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak) |
| “ | Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap) |
| “ | Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju) |

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

| | |
|---|---|
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T |
| “ | Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. |
| “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia |
| “ | Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator) |
| “ | Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin |

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

***Setiausaha Dewan Rakyat***

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

***Ketua Penolong Setiausaha***

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

***Penolong Setiausaha***

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

# PARLIMEN KESEPULUH

## PENGGAL KEDUA

### MESYUARAT PERTAMA

**Jilid II Bil. 9 Isnin 28 Februari 2000**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**
(Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**
- Pusat Latihan Tentera Laut Diraja Malaysia (PULAREK) Kota Tinggi - *Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]* (Halaman 27)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000
(Halaman 30)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2000
(Halaman 30)